

**Bil. 80**

**Isnin  
16 Disember 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

# KANDUNGAN

## JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGIPERTANYAAN- PERTANYAAN

(Ruangan 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

|  |              |
|--|--------------|
| Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah<br>(Pindaan) 1996   | (Ruangan 14) |
| Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996                   | (Ruangan 32) |
| Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 1996                                    | (Ruangan 43) |
| Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1996  | (Ruangan 46) |
| Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996                                       | (Ruangan 59) |
| Rang Undang-undang (Perbadanan) Synod Diocese<br>Malaysia Barat (Pindaan) 1996 | (Ruangan 75) |
| Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1996                                   | (Ruangan 80) |
| Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996                                    | (Ruangan 81) |

## USUL-USUL:

|   |              |
|---|--------------|
| Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada<br>Peraturan Mesyuarat | (Ruangan 37) |
| Akta Kastam 1967<br>- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.2) 1996       | (Ruangan 72) |
| Akta Eksais 1967<br>- Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.2) 1996       | (Ruangan 73) |

Oktober, 1996.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “      Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- Yang Berhormat      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “                      Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “                      Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “                      Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “                      Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “                      Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “                      Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “                      Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “                      Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “                      Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “                      Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “                      Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “                      Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “                      Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “                      Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “                      Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “                      Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “                      Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “                      Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “                      Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “                      Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “                      Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “                      Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “                      Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- Yang Berhormat      Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “                      Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “                      Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “                      Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “                      Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “                      Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “                      Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “                      Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “                      Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “                      Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “                      Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “                      Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “                      Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “                      Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “                      Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “                      Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “                      Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “                      Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “                      Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “                      Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “                      Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “                      Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “                      Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “                      Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “                      Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “                      Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

---

|                |   |
|----------------|---|
| Yang Berhormat | Tuan Tan Kok Wai (Cheras)   |
| “              | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)  |
| “              | Dr. Tan Yee Kew (Kelang)  |
| “              | Tuan Tiong Thai King (Lanang)   |
| “              | Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)                                |
| “              | Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)                               |
| “              | Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupa)                               |
| “              | Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)                                |
| “              | Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)  |
| “              | Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)                            |
| “              | Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)   |
| “              | Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)  |
| “              | Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)  |
| “              | Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)  |
| “              | Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)  |
| “              | Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)                                  |
| “              | Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)  |
| “              | Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)                      |
| “              | Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah) |

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

|                           |   |   |
|---------------------------|---|---|
| Setiausaha Dewan Rakyat   | : | Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,<br>P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K. |
| Ketua Penolong Setiausaha | : | Said bin Sidik  |
| Penolong Setiausaha Kanan | : | Zamani bin Haji Sulaiman  |
| Penolong Setiausaha       | : | Haji Mustakin bin Salamat   |

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

|                             |   |   |
|-----------------------------|---|---|
| Pegawai Penerbitan          | : | Azhari bin Hamzah<br>Monarita binti Mohd. Hassan  |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.<br>Mohd Saleh bin Mohd. Yusop<br>Hajah Supiah binti Dewak<br>Mohamed bin Osman<br>Hajah Norishah binti Mohd. Thani<br>Zaharah binti Naim<br>Norwahidah binti Azizi<br>Jainah binti Sakimin<br>Shamsina binti Janor |
| Pembaca Pruf                | : | Abu Bakar bin Hasan   |

**CAWANGAN BENTARA**

|                   |   |  |
|-------------------|---|--|
| Bentara Mesyuarat | : | Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib<br>Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali<br>Mejar (B) Zakaria bin Salleh |
|-------------------|---|--|

**MALAYSIA  
DEWANRAKYAT**

Isnin, 16 Disember 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

*[Soalan No. 1 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong  
[Segambut] tidak hadir]*

**TELEFON - BILANGAN PEMOHON YANG  
MASIH MENUNGGU**

**2. Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan pemohon telefon yang masih menunggu dan belum memperolehi bekalan telefon di seluruh negara mengikut negeri-negeri sehingga September, 1996. Bilakah pemohon ini dijangka memperolehi telefon yang dipohon.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penunggu perkhidmatan telefon sehingga bulan September, 1996 bagi seluruh Malaysia ialah 149,432 orang.

Pecahan bilangan penunggu mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut:-

|                     |   |        |
|---------------------|---|--------|
| Wilayah Persekutuan | - | 1,385  |
| Selangor            | - | 23,990 |
| Perlis              | - | 2,258  |
| Kedah               | - | 19,021 |
| Pulau Pinang        | - | 3,290  |
| Perak               | - | 7,752  |
| Negeri Sembilan     | - | 3,728  |
| Melaka              | - | 1,156  |
| Johor               | - | 20,098 |
| Pahang              | - | 18,983 |

|            |   |        |
|------------|---|--------|
| Terengganu | - | 9,231  |
| Kelantan   | - | 15,159 |
| Sarawak    | - | 13,376 |
| Sabah      | - | 9,735  |

Tuan Yang di-Pertua, proses penyediaan perkhidmatan telefon adalah satu proses yang berterusan dan permohonan bagi penunggu akan diberi perkhidmatan sebaik sahaja infrastruktur di kawasan-kawasan berkenaan disediakan.

Sebahagian besar daripada penunggu yang saya sebutkan tadi iaitu sebanyak 42.9% atau 64,208 orang akan diberikan perkhidmatan sebelum akhir tahun ini.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri khususnya mengenai apakah masalah sebenar yang dihadapi, yang menjadi masalah kepada Jabatan Telekom ataupun Telekom Malaysia, sama ada dari segi pembekalan kabel ataupun apa-apa barangan yang menyebabkan permohonan ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, permohonan ini adalah satu proses yang berterusan kerana setiap bulan kita menerima sebanyak antara 60,000 hingga 100,000 permohonan baru dan kita boleh membekalkan antara 40,000 hingga 60,000 sebulan. Jadi, kalau kita kaji dari segi ini, kita boleh katakan perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom Malaysia ini amat memuaskan.

Satu faktor yang penting mengapa kita tidak boleh memberi 'instant approval' ataupun perkhidmatan kepada mereka yang memohon adalah kerana kebanyakan daripada mereka yang mengemukakan permohonan ini adalah daripada kawasan kediaman baru.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan, permohonan sebanyak 149,000 lebih ini adakah permohonan yang hanya dibuat kepada Syarikat Telekom Malaysia? Kalau permohonan ini hanya kepada Syarikat Telekom Malaysia, adakah kementerian bercadang untuk mengagih-agihkan permohonan ini ataupun mengarahkan lain-lain syarikat telekomunikasi untuk membekalkan telefon terutamanya di luar bandar?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada 149,000 permohonan ini adalah ditujukan kepada Syarikat Telekom

Malaysia, oleh kerana cuma Syarikat Telekom Malaysia sahaja yang mempunyai network di seluruh negara, cuma mereka yang berasal dari kawasan kediaman baru sahaja, mungkin permohonan mereka dikemukakan kepada beberapa syarikat telekomunikasi yang membekalkan 'fixed line service', dengan izin, dan kementerian tidak ada cadangan untuk mengagih-agihkan permohonan kepada beberapa buah syarikat yang berkenaan.

### PROGRAM LATIHAN UNTUK BAKAL PESARA PERKHIDMATAN AWAM

3. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah satu program induk untuk melatih semula dan menyediakan kakitangan kerajaan untuk menyesuaikan diri kerja di sektor swasta sebelum mereka bersara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, program utama untuk melatih bakal pesara perkhidmatan awam bagi menyediakan diri untuk bekerja di sektor swasta ialah kursus keusahawanan yang dikendalikan oleh Bahagian Latihan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Kursus selama empat bulan ini diadakan setiap tahun, biasanya dari bulan Ogos hingga November bagi kakitangan kerajaan dari kumpulan sokongan yang akan bersara kerana wajib umur atau atas pilihan sendiri.

Peserta-peserta kursus dipilih berasaskan permohonan yang diluluskan oleh ketua jabatan dan hasil temuduga.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, setakat skim ini dilaksanakan iaitu Kursus Keusahawanan yang diberikan oleh kementerian, berapa ramaikah yang sebenar-benarnya menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan? Adakah kementerian mempunyai rekod bagi mereka yang gagal menjalankan bidang usahawan yang berkenaan walaupun telah mendapat pendidikan ataupun kursus yang diberikan? Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak mempunyai angka yang dipohon. Saya minta izin untuk memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada peserta-peserta ini diberi bimbingan terlebih dahulu apabila mereka hendak memilih kursus-kursus yang ingin diikuti oleh mereka. Oleh kerana saya nampak

dari masa ke semasa, kursus yang diikuti oleh peserta-peserta ini, memang tidak kena-mengena dengan kebolehan mereka ataupun dengan kepakaran mereka dan pada akhirnya mereka langsung tidak menggunakan kursus yang diberi kepada mereka.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Kursus Keusahawan yang disebutkan itu adalah kursus umum yang memberi landasan-landasan asas bagi mendedahkan kakitangan kerajaan yang belum tahu, yang belum pernah berkecimpung dalam bidang peniagaan. Jadi, tidak ada kursus khas yang diusahakan dalam bidang-bidang tertentu bagi kepakaran-kepakaran yang ada di kalangan kakitangan berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Y.B. Tuan Chiew Chiu Sing.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu) tidak hadir]*

### PENDEKATAN ITM UNTUK PASARAN KERJA - KEJAYAAN

5. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan permohonan untuk belajar di ITM sepanjang tahun 1994 dan 1995, juga nyatakan peratus yang berjaya dan peratus yang gagal untuk mendapat tempat belajar di samping menjelaskan perubahan pendekatan ITM bagi lepasannya menempuh pasaran pekerjaan pada masa kini dan akan datang?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan untuk memasuki Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1994 ialah seramai 69,663 orang dan bagi tahun 1995 ialah seramai 77,160 orang. Bilangan yang berjaya adalah seramai 16,678 iaitu 24% bagi tahun 1994 dan 18,149 orang iaitu 23.5% bagi tahun 1995.

Untuk menjaga kepentingan graduan-graduan ITM menempuh pasaran pekerjaan pada masa kini dan akan datang, langkah-langkah berikut telah diambil oleh pihak ITM:-

- (a) mengkaji kurikulum setiap program dari masa ke semasa;
- (b) mengadakan latihan industri di bawah program-program tertentu supaya pelajar-pelajar boleh berinteraksi dengan pihak-pihak swasta; dan

- (c) melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang menjurus ke arah mewujudkan pelajar yang berketrampilan tinggi, berjiwa murni, mempunyai semangat juang, berdikari, bertanggungjawab dan cintakan agama, bangsa dan negara.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Memandangkan kemampuan ITM mampu menampung permohonan untuk masuk pada tahun 1994 hanya 24% daripada pemohon, manakala tahun berikutnya ialah pada kadar 23%. Jadi, apakah langkah yang dirancang oleh pihak ITM supaya lebih banyak lagi peningkatan peratus kemasukan pelajar-pelajar yang ingin belajar di ITM pada masa akan datang?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah jangka panjang kita ada. Malahan sedang kita laksanakan untuk cuba menampung lebih ramai lagi pelajar-pelajar cuma kadangkala tempat ada, pelajar yang sesuai untuk mengikuti kursus-kursus itu tidak ada. Ada berlaku kejadian-kejadian semacam itu.

Namun demikian, pada keseluruhan keadaan, langkah-langkah yang kita ambil bukan sahaja melalui kampus utama di Shah Alam tetapi juga di kampus-kampus yang lain yang ada di negeri-negeri. Di mana negeri-negeri macam Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan yang belum ada cawangan ITM, kita dalam proses untuk hendak mewujudkan cawangan-cawangan tersebut. Ini di antara cara-cara yang kita buat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu tinggi sekali jumlah yang gagal ataupun yang tidak lulus untuk menamatkan kursus mereka. Saya ingin bertanya, apakah sebab-sebabnya ini terjadi? Apakah tindakan yang dibuat kepada mereka yang gagal, adakah mereka 'just drop-out', dengan izin, atau ditempatkan kepada institusi yang lain? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya fikir, Yang Berhormat, bukan soal kegagalan dalam peperiksaan. Ini gagal hendak masuk, bukan gagal dalam periksa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Radin Malleh.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Radin Malleh (Tenom) tidak hadir]*

## TENTERA UDARA NEGARA JIRAN - SIKAP MALAYSIA

**7. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertahanan:

- (a) apakah pandangan kementerian dan dasar kerajaan umumnya mengenai usaha pemodenan dan pembesaran angkatan udara negara-negara jiran; dan
- (b) adakah langkah-langkah kementerian untuk memodenkan lagi angkatan tentera kita.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan

- (a) Kementerian Pertahanan melihat usaha pemodenan dan pembesaran angkatan udara negara-negara jiran sebagai menjalankan hak masing-masing dalam memikul tanggungjawab pertahanan mereka. Seperti juga Malaysia, setiap negara yang berdaulat dan merdeka adalah bebas untuk menentukan tahap dan keperluan pertahanannya. Dalam konteks kerjasama serantau khususnya di kalangan negara-negara anggota ASEAN, Malaysia melihat ini sebagai perkembangan yang positif yang juga dapat menyumbang ke arah keselamatan serantau secara kolektif, dengan izin, "collective regional security"; dan
- (b) Kerajaan sememangnya sedang melaksanakan program pemodenan Angkatan Tentera Malaysia yang mana termasuk melengkapkan keupayaan serta menyediakan infrastruktur, mempertingkatkan latihan dan menyusun semula struktur organisasi ATM itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Yassin.

*[Soalan No.8 - Y.B. Tuan Abdul Aziz bin Yassin (Muar) tidak hadir]*

## DEFISIT BAYARAN KHIDMAT TAK KETARA - MENGURANGKAN

**9. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan bayaran defisit perkhidmatan, contohnya dalam sektor insurans, perkapalan, perundingan dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil peribagai langkah bagi meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan di negara kita supaya kebergantungan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan asing dapat dikurangkan terutamanya di dalam menyediakan perkhidmatan perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan insurans dan perkhidmatan kontrak dan profesional. Di samping itu, usaha-usaha juga telah diambil bagi menjadikan sektor perkhidmatan sebagai penjana pendapatan tukaran asing yang penting dengan memajukan lagi sektor pelancongan dan menggalakkan pengeksportan perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan profesional.

Langkah-langkah tambahan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan aliran keluar bayaran perkhidmatan dan menambahkan pendapatan sektor perkhidmatan telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1997 di Dewan ini pada 25hb. Oktober 1996 yang lalu. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Memberi peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk Kemudahan Pembiayaan Perkapalan di bawah Tabung Perkapalan. Dengan adanya peruntukan ini akan mendorong lebih banyak syarikat tempatan untuk membeli kapal yang akan membantu meningkatkan lagi keupayaan perkhidmatan perkapalan negara.
- (b) Menggalakkan pembinaan lebih banyak kemudahan pelancongan dengan menyediakan galakan cukai dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan ataupun Taraf Perintis kepada projek pelancongan berikut:-
  - (i) pembinaan hotel kos sederhana dan kos rendah;
  - (ii) pembinaan kawasan kem percutian dan projek rekreasi;
  - (iii) pembesaran atau pemodenan hotel yang sedia ada; dan
  - (iv) pembinaan pusat-pusat persidangan dengan dewan yang boleh memuatkan sekurang-kurangnya 3,000 peserta.

Dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan ini, industri pelancongan domestik akan bertambah maju dan kemasukan pelancong asing dijangka akan dapat ditingkatkan.

(c) Memberi pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat-syarikat tempatan yang menganjurkan persidangan dan membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta dari luar negeri.

(d) Memberi pengecualian cukai perkhidmatan kepada perkhidmatan yang dieksport termasuk kewangan, kejuruteraan, guaman dan perakaunan. Langkah ini akan dapat meningkatkan lagi daya saing pembekal-pembekal perkhidmatan tersebut.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Dato' Timbalan Menteri ada memaklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini tentang langkah kerajaan untuk mengurangkan bayaran defisit perkhidmatan. Ini sudah tentu kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan, perundingnya dilantik oleh kerajaan, kontraktornya dilantik oleh kerajaan dan perkapalan dilantik oleh kerajaan. Jadi, saya hendak bertanya sedikit bagaimana projek-projek yang diswastakan? Di mana perunding yang digunakan untuk projek dilantik oleh pihak swasta, pemborong dilantik oleh swasta, kapal mana yang hendak digunakan juga dilantik oleh pihak swasta, tampak gayanya banyak perkhidmatan yang digunakan untuk projek penswastaaan ini atas budibicara pihak swasta, mereka mungkin kurang keprihatinannya kepada permasalahan defisit perkhidmatan kerajaan. Oleh itu, bagaimana kerajaan memikirkan untuk memastikan bahawa mereka ini juga tetap mengagendakan kepada kerajaan ini bagi mengurangkan defisit perkhidmatan. Adakah mekanisme tertentu kerajaan akan mengambil atau melaksanakan untuk mengurangkan defisit perkhidmatan ini, dalam projek-projek yang diswastakan?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan perkhidmatan aktif syarikat tempatan di dalam projek-projek kerajaan ataupun swasta yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor ini, semua kerja yang didirikan dengan kejuruteraan awam hanya akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan dan ini akan menjadi satu syarat sebelum projek-projek akan diswastakan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya hampir sama dengan Yang Berhormat dari Rompin, tetapi lain sedikit, iaitu sama ada kementerian sedar banyak perunding asing masuk ke negara ini menggunakan kemasukan sebagai pelancong (visitor) khasnya umpamanya, tetapi apabila sampai di sini menjadi

perunding kepada projek-projek yang besar dan berprestij. Jadi, pengaliran keluar wang pendapatan mereka ini tidak terbendung. Jadi, sama ada kementerian sedar atau tidak, kalau sedar apakah tindakan supaya perkara ini tidak berlaku secara berleluasa.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak sedar di mana terdapat pelancong yang kemudian menjadi perunding untuk projek-projek besar di negara kita ini. Setakat ini yang kita sedar ialah perunding-perunding asing ini tidak perlu menjadi perunding di negara kita ini melalui cara sebegini. Kalau terdapat kegiatan seperti ini, harap dapat dimaklumkan kepada pihak kementerian saya.

#### KAUNTER CUKAI KASTAM DI IBU PEJABAT POS IPOH - TARIKH DIBUKA SEMULA

**10. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Bajah]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah perkhidmatan kaunter "cukai kastam" di Ibu Pejabat Pos Ipoh, akan dibuka semula seperti yang telah dijanji oleh kementerian; dan
- (b) apakah halangan dan masalah untuk pihak kastam membuka semula kaunter dan memberi perkhidmatan kepada rakyat jelata di Ibu Pejabat Pos Ipoh.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya pernah berjanji untuk membuka semula kaunter cukai kastam di Ibu Pejabat Pos, Ipoh sekiranya diperlukan.

Saya telah menetapkan satu tarikh iaitu 20hb. Januari, 1997 untuk mengadakan lawatan ke Pejabat Pos Ipoh supaya saya sendiri dapat mengkaji secara langsung dan secara mendalam tentang perkara ini dan Ahli Yang Berhormat akan dijemput bersama hadir untuk berbincang dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Selepas perbincangan, kalau sekiranya difikirkan perlu, maka kaunter cukai kastam di Ipoh ini akan dibuka semula.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada memberikan perkhidmatan cukai kastam, saya difahamkan sudah ada beberapa pejabat pos yang telah melanjutkan masa perkhidmatan mereka sampai ke malam. Jadi, bagaimana sambutan daripada para pelanggan ini? Adakah pihak Pos Malaysia Berhad bercadang memperluaskan lagi perkhidmatan tersebut ke bandar-bandar yang lain?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 15 buah pejabat pos telah pun melanjutkan perkhidmatan sampai ke malam, iaitu 14 di Lembah Kelang dan 1 buah di Pulau Pinang. Yang di Lembah Kelang ini masa lanjutannya adalah sampai pukul 10.00 malam dan di Pulau Pinang sampai pukul 8.00 malam. Sambutan dari para pelanggan pula ini amatlah memuaskan, memang disambut dengan begitu baik oleh pihak pelanggan. Pihak Pos Malaysia Berhad memang ada rancangan untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke seluruh negara pada masa depan dan pada mulanya kita akan memperluaskannya kepada ibu negeri yang berkenaan. Diharap perkhidmatan ini akan dapat dimulakan pada awal tahun hadapan.

#### WARGA TUA MENGIKUT KAUM DAN JANTINA - JUMLAH

**11. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah warga tua mengikut kaum dan jantina yang ditempatkan di rumah-rumah kebajikan di bawah kelolaan pihak kementerian; dan
- (b) peratus pertambahan penghuni rumah orang tua pada tahun 1995 berbanding 1994 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyedarkan golongan muda agar terus menjaga ibu bapa yang daif dan uzur.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kini sedang mentadbir 8 buah institusi penjagaan warga tua yang juga dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan di Semenanjung Malaysia bagi menampung keperluan warga tua yang memerlukan tempat tinggal.

Mengikut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah warga tua yang sedang mendapat jagaan dan perlindungan di Rumah-rumah Seri Kenangan tersebut adalah seperti berikut:-

| <u>Melayu</u> | <u>Jumlah (Orang)</u> |
|---------------|-----------------------|
| Lelaki        | 321                   |
| Perempuan     | 240                   |
| Jumlah        | 561                   |
|               | ===                   |

| <u>China</u>           | <u>Jumlah (Orang)</u> |
|------------------------|-----------------------|
| Lelaki                 | 429                   |
| Perempuan              | <u>216</u>            |
| Jumlah                 | 645                   |
|                        | ====                  |
| <u>India</u>           | <u>Jumlah (Orang)</u> |
| Lelaki                 | 585                   |
| Perempuan              | <u>183</u>            |
| Jumlah                 | 768                   |
|                        | ====                  |
| <u>Lain-lain</u>       | <u>Jumlah (Orang)</u> |
| Lelaki                 | 13                    |
| Perempuan              | <u>6</u>              |
| Jumlah                 | 19                    |
|                        | ====                  |
| Jumlah besar Lelaki    | - 1,348 orang         |
| Jumlah besar Perempuan | - 645 orang           |
|                        | _____                 |
| Jumlah keseluruhan     | - 1,993 orang         |
|                        | ====                  |

- (b) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1994 jumlah warga tua yang diberi jagaan dan perlindungan di Rumah-rumah Seri Kenangan adalah seramai 2,445 orang. Manakala pada tahun 1995 jumlah ini telah menurun kepada seramai 2,297 orang iaitu 6%.

Untuk menyedarkan golongan muda agar terus menjaga ibu bapa yang daif dan uzur Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Kempen Masyarakat Penyayang yang dilancarkan oleh kerajaan merupakan usaha ke arah menggerakkan ahli masyarakat untuk terus bertanggungjawab terhadap peranan mereka sebagai penjaga kepada kedua-dua ibu bapa atau saudara-mara mereka sendiri;
- (ii) usaha-usaha yang dijalankan bagi menggalakkan generasi muda terlibat

secara langsung dalam aktiviti-aktiviti sukarela yang memberi faedah kepada warga tua, kesannya memang dapat dilihat di mana ramai generasi muda bergiat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti pertubuhan sukarela yang mengendalikan institusi-institusi penjagaan warga tua;

- (iii) bagi menambahkan lagi keprihatinan generasi muda terhadap warga tua, mulai tahun 1992, kerajaan telah menetapkan 1hb. Oktober tiap-tiap tahun sebagai Hari Warga Tua Kebangsaan.

Objektif sambutan Hari Warga Tua Kebangsaan adalah untuk memberikan penekanan kepada peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat umum terhadap kesejahteraan hidup warga tua; dan

- (iv) dasar warga tua yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1995 juga merupakan usaha yang paling ketara dalam menggerakkan semua lapisan masyarakat termasuk generasi muda ke arah memberi perhatian yang sewajarnya kepada warga tua di negara ini.

Di samping itu usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi serta menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, antara satu-satu sebab penerimaan seorang tua memasuki rumah-rumah orang tua ialah beliau perlu sihat dan boleh menjaga diri sendiri. Jikalau seseorang pemohon itu telah tua dan ketiadaan keluarga dan beliau kurang sihat dan tidak boleh menjaga diri sendiri, apa pula bantuan kepada dia?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah ketahui dari Jabatan Masyarakat dan di mana-mana saya melawat iaitu semua orang tua di Rumah Seri Kenangan itu tidak sihat kemungkinannya mereka itu dihantar ke hospital untuk diubet.

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah

yang telah dinyatakan oleh kementerian tadi supaya golongan muda terus menjaga ibu bapa yang daif dan uzur, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan peruntukan undang-undang supaya mewajibkan anak-anak yang berkemampuan menjaga ibu bapa yang uzur dan lanjut usia seperti terdapat di negara jiran kita?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tindakan yang diambil oleh kementerian iaitu mengikut yang saya sebutkan tadi iaitu yang pertama kali menyedarkan sekeluarga untuk mereka memberi rasa sayang kepada ibu bapa tetapi sekiranya segala usaha yang disebutkan sama-sama dengan warga tua sekiranya apabila sudah dijalankan saya berharap tidak lama lagi tentu perkara yang disebut Yang Berhormat itu akan diperhatikan oleh kementerian.

### RASUAH MELIBATKAN POLIS - TINDAKAN

**12. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan amalan rasuah anggota-anggota polis berikutan perintah melarang anggota polis menerima rasuah daripada orang ramai dalam masa yang sama mengarahkan anggota menangkap orang ramai yang memberi rasuah kepada polis semasa bertugas. Nyatakan jumlah anggota terlibat dan amaun rasuah yang diambil dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka. Nyatakan juga jumlah bilangan dan amaun rasuah yang mana orang ramai ditangkap kerana perkara di atas.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, seramai 65 orang anggota polis berbagai pangkat telah ditangkap sejak bulan Januari hingga November tahun ini atas kesalahan menerima rasuah yang berjumlah RM116,270. Dari seramai 65 orang itu, 20 orang telah dituduh di mahkamah, 5 orang telah dilepaskan atas arahan Timbalan Pendakwaraya dan 40 orang lagi masih dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah.

Mereka yang telah dituduh di mahkamah dikenakan tindakan tatatertib mengikut merit kesalahan dan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) Pegawai Rendah (Polis dan Konstabel) 1970 termasuk hukuman buang kerja, tahan kenaikan gaji, denda, celaan, tahanan kerja dan gantung kerja.

Manakala jumlah tangkapan ke atas orang awam yang telah memberi rasuah kepada anggota polis sejak Kempen Membanteras Rasuah dijalankan antara 15hb. Julai 1996 iaitu tahun ini hingga 28hb. Oktober tahun ini adalah seramai 394 orang melibatkan sejumlah RM63,161 yang disogokkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, amalan rasuah oleh sebahagian 'kambing hitam' pasukan polis yang tidak bertanggungjawab adalah merupakan satu penyalahgunaan kuasa dan dalam perhubungan ini, saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah satu forum yang bernama Tribunal Rakyat mengenai penyalahgunaan kuasa yang dianjurkan oleh 9 NGO yang dijadualkan pada hari kelmarin diharamkan oleh pihak kementerian?

Sedangkan forum itu bukan berniat jahat terhadap polis ataupun bertujuan untuk mencetus rasa benci terhadap pasukan polis tetapi adalah untuk berbincang dan menyelesaikan beberapa kes penyalahgunaan polis yang tertentu dan wakil.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Polis DiRaja Malaysia pun dijemput menyertai forum itu, mengapakah kementerian melalui Timbalan Menteri mengugutkan penganjur dan mereka yang mungkin akan hadir pada forum itu, mereka akan ditahan mengikut ISA?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... dan adakah pihak kementerian rela membenarkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukuplah. Cheras, cukuplah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan itu keluar dari soalan asal akan tetapi Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membuat satu tuduhan penyelewengan. Kalau saya tidak bagi jawapan, tidak adillah bagi pihak polis.

Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP pernah saya dengar beberapa kali di Dewan ini, apabila dia hendak mengkritikan sesuatu pihak kadangkala dia puji polis, dia kata polis bagus, betul, apabila dia hendak mengkritikkan orang lain selain daripada polis tetapi dalam kes ini sejumlah ....

**Tuan Tan Kok Wai:** Point of order.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jangan point of order,

duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Menyampuk*]

**Tuan Ong Ka Ting:** Duduklah.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Cheras, cukuplah

**Tuan Ong Ka Ting:** Dan sangkaan jahat soalan tambahan tadi kerana ada kira-kira ada 80,000 lebih polis yang bertugas, yang selama ini berkorban untuk negara dan masyarakat. Mana boleh dia kata kerana ada segelintar polis itu yang anggapan dia, yang dakwaan dia kata menyeleweng, maka dia adakan satu-satu perhimpunan dan nama itu pun sudah bais.

Jadi kalau kerajaan benarkan perkara begitu berlaku negara kita hancur, apa pula kalau kita ada satu perjumpaan besar, kita hendak kata DAP punya orang rasuah pada hal dia ada berpuluh-puluh ribu, tidak tahu ada puluh-puluh ribu, beberapa ribu member mungkin. Apakah rasanya? Adakah dia kata tidak adil, saya rasa itu soalan, walaupun keluar tetapi paling tidak soalan tambahan itu?

#### CUKAI JALAN - MENGURANGKAN KADAR

**13. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pengangkutan meyakinkan:

- (a) bolehkah cukai jalan kereta-kereta di Malaysia dikurangkan supaya meringankan beban kewangan pengguna-pengguna; dan
- (b) ramai pengguna meragu-ragukan keselamatan kereta Kancil dari segi reka bentuk teknik, bolehkah menteri menyatakan sifat-sifat keselamatan yang ada pada kereta ini?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini kerajaan tiada cadangan mengurangkan bayaran lesen kenderaan motor atau cukai jalan bagi kereta. Kadar cukai jalan bagi kereta kecuali kereta-kereta mewah melebihi 2000 c.c. tidak dinaikkan sejak 12 tahun yang lepas, sedangkan ekonomi negara ini semakin kukuh dan kuasa beli rakyat jelata kian meningkat dalam tempoh 12 tahun kebelakangan ini.

- (b) Kereta Nasional Perodua Kancil yang direka bentuk secara usaha sama melalui teknologi permotoran Daihatsu Motor Co. Jepun telah pun lulus pelbagai ujian yang diperlukan dan disahkan pengeluarannya oleh Daihatsu Motor Co. Jepun. Selain daripada itu, pembinaan dan penggunaan kereta ini juga telah pun mendapat kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui prosedur kelulusan jenis teknikal, ujian pandu dan juga aspek keselamatan kenderaan berdasarkan peruntukan perundangan yang sedia ada.

Di antara ciri-ciri, reka bentuk yang terdapat pada kereta Kancil ialah 'crushable body zone', dengan izin, dari 'side door impact bar', dengan izin, pada pintu hadapan dan belakang yang dapat menyerap hentakan sekiranya berlaku kemalangan. 'Safety belt', dengan izin, yang diluluskan oleh SIRIM juga diberi yang dipasangkan dalam kereta termasuk 'rear light reflector', 'rear end bumper' dan 'brake efficiency', dengan izin, yang direka bantuk untuk kesesuaian kereta ini.

Tuan Yang di Pertua, ciri-ciri keselamatan ini akan terjamin sekiranya pengguna kenderaan ini sentiasa mematuhi peraturan-peraturan jalan raya, termasuk had laju yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Sebagaimana dengan lain-lain kereta, walaupun terdapat pelbagai ciri-ciri keselamatan yang dipasang di sesebuah kereta, ianya tidak akan dapat menjamin keselamatan pemandu atau penumpang sekiranya pemandu kereta tidak mematuhi peraturan jalan raya dan tidak mengambil kira keadaan persekitaran semasa memandu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada perkara bahagian (a), adakah kementerian memikirkan apakah kriteria dan ciri-ciri untuk sesuatu kenderaan persendirian itu dikurangkan daripada bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM) sebagaimana yang telah dibuat di Cameron Highlands. Dan adakah cadangan kementerian juga untuk menambah kawasan-kawasan yang dikurangkan bayaran cukai jalannya, seperti mana Cameron Highlands, di seluruh negara kita di masa-masa akan datang?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-

Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Ingin saya memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sedang meneliti - belum mengkaji semula lagi, kadar LKM yang sedang diamalkan di negeri Sarawak, negeri Sabah dan juga di tempat-tempat seperti Cameron Highlands, tetapi oleh kerana penelitian ini masih dalam peringkat awal, maka saya tidak ingin beri penjelasan tambahan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kriteria yang mana sama ada kadar LKM ini akan ditambah ataupun dikurangkan, saya percaya salah satu kriteria yang penting ialah keadaan jalan di satu-satu tempat yang dikaji. Umpamanya seperti Pulau Langkawi ataupun di Cameron Highlands, sama ada pada keseluruhannya di satu-satu tempat jalan yang terdapat kenderaan lalu dengan sempurna adalah berapa kilometer ataupun berapa jauh, ini adalah salah satu kriteria yang penting.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sendiri, saya ada keyakinan kepada keselamatan reka bentuk kereta Kancil. Cuma saya tidak berpuas hati ialah layanan yang diberi terhadap pengguna-pengguna kereta Kancil, seperti road tax, insurans, parking fees dan juga kena bayaran tol, sekali masuk parking di mall ialah RM7.00 seperti kereta Mercedes. Bayaran untuk tol pun serupa kereta Mercedes. Jadi, bolehkah saya minta kementerian supaya kaji kereta orang miskin ini boleh dapat layanan yang lebih istimewa?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya percaya pertanyaan itu agak tidak begitu bernas. Saya tidak mahu jawab pun boleh, tetapi tidak apalah. Kalau kata hendak kompelin parking fee di mall, ini parking swasta, saya pun tidak tahu macam mana. Kalau kita mempunyai kelayakan untuk parking kereta dalam The Mall, memang orang kayalah. Sama juga dengan bayaran tol ini, kita mesti membuat satu kajian untuk purata bagi semua kereta, tidak kira sama ada kereta ini berjenis Kancil Perodua ataupun Mercedes. Ini semua dikaji atas kuasa kuda sesebuah kereta.

#### **BEKAS PEMIMPIN AL-ARQAM MENGHIDUPKAN KEMBALI FAHAMAN - LANGKAH MEMBANTERAS**

**14. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah intensif dan bersepadu untuk membanteras dengan sepenuhnya usaha bekas para pemimpin Al-Arqam daripada menghidupkan kembali fahaman tersebut.

Adakah kaedah kediaman terhad yang diberikan kepada beberapa pemimpin pertubuhan tersebut akan dimansuhkan memandangkan dengan mudah para pengikut bertemu dengan pemimpin mereka untuk membincangkan sesuatu strategi penting.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah intensif untuk membanteras bekas pemimpin Al-Arqam daripada menghidupkan kembali fahaman mereka adalah seperti berikut:

- meneruskan program-program pemulihan akidah di kalangan mereka;
- mencegah dan menghalang usaha-usaha untuk menghidupkan semula kumpulan ini dan mengamal Aurad Muhamadiyah;
- meningkatkan usaha membimbing bekas-bekas pemimpin dan pengikut kumpulan Arqam kembali menyertai semula arus perdana masyarakat melalui penyertaan mereka dalam aktiviti sosial masyarakat tempatan.

Kaedah kediaman terhad di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri yang dikenakan kepada beberapa orang pemimpin mereka akan diteruskan sehingga kerajaan berpuas hati bahawa mereka benar-benar telah insaf dan meninggalkan terus amalan lama mereka. Inilah cara yang lebih berkesan bagi menghalang mereka berjumpa di antara bekas pemimpin dan bekas pengikut mereka. Kalau mereka tidak ditahan di bawah kaedah ini, mereka akan membuat perjumpaan-perjumpaan tanpa kawalan kerana sukar untuk dikesan.

#### **KELAS MATRIKULASI DI SETIAP NEGERI - MEWUJUDKAN**

**15. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah rancangan kementerian untuk mewujudkan kelas-kelas matrikulasi di tiap-tiap negeri agar banyak peluang dapat diberikan kepada anak-anak Melayu yang mendapat kelulusan yang baik tetapi tidak dapat memasuki kelas-kelas matrikulasi yang amat terhad sekarang ini.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang hendak mewujudkan kelas-kelas matrikulasi di tiap-tiap negeri. Ini memandangkan kelas-kelas matrikulasi yang sedia ada masih mampu menampung kemasukan pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera.

### AGENSI POS SWASTA - MENUBUHKAN

**16. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan satu agensi pos swasta yang boleh memberi perkhidmatan alternatif kepada Pos Malaysia, memandangkan Telekom Malaysia bersaing dengan syarikat-syarikat telekomunikasi swasta, supaya perkhidmatan dapat diperbaiki lagi.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang mengadakan satu lagi pengendali perkhidmatan pos. Setakat ini kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Pos Malaysia untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan juga telah memberi lesen kepada 135 buah syarikat yang mengendalikan perkhidmatan penghantaran cepat, iaitu syarikat 'courier' bagi memberi perkhidmatan dalam pengiriman barang-barang pos yang 'times sensitive', dengan izin.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa Pos Malaysia Berhad melalui kaunter-kaunter pejabat-pejabat di negeri-negeri dan beberapa buah pejabat di daerah-daerah telah pun menerima beberapa pembayaran yang dibuat oleh masyarakat, umpamanya pembayaran road tax, LKM ataupun lesen memandu. Saya ingin bertanya, adakah setakat hari ini Pos Malaysia Berhad menghadapi permasalahan di segi penerimaan bayaran-bayaran berkenaan, umpamanya masalah yang timbul daripada kesahihan geran kereta ataupun registration certificate, dengan izin, yang telah berlaku. Dan saya ingin juga bertanya, adakah setakat hari ini pos telah mengesan penyelewengan yang telah dilakukan oleh pemilik-pemilik kenderaan dalam usaha untuk membaharui lesen kereta motor ataupun lesen memandu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kebanyakan Pejabat Pos Malaysia di peringkat daerah sudah memberi lebih kurang 90 jenis perkhidmatan kepada orang awam, termasuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelevu dan setakat ini pihak Pos Malaysia tidak menghadapi masalah-masalah yang besar.

### RANCANGAN TEBATAN BANJIR BANDARAN SUNGAI MENGGATAL- PELAKSANAAN

**17. Tuan Philip Yong Chiew Lip [Gaya]** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa Rancangan

Tebatan Banjir Bandaran Sungai Menggatal (Urban Flood Mitigation), Kota Kinabalu, Sabah telah pun dikemukakan dan diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam, akan tetapi sehingga masa kini masih belum lagi dilaksanakan. Oleh kerana banjir selalu berlaku dan membawa masalah yang teruk kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut, sukacita sekiranya beliau yang bertanggungjawab dapat memberitahu iaitu bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan dan bilakah ianya akan disiapkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Tebatan Banjir Bandaran Sungai Menggatal adalah sebahagian daripada Rancangan Tebatan Banjir Sabah yang telah diperuntukkan RM6 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Penyediaan reka bentuk terperinci projek tersebut yang melibatkan pembaikan Sungai Menggatal, Sungai Darau serta kerja-kerja berkaitan dan pembinaan parit utama di Jalan Tuaran telah dimulakan pada pertengahan bulan September, 1996 dan dijangka siap dalam tempoh setahun. Oleh yang demikian, permohonan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja bagi mengatasi banjir di Bandaran Sungai Menggatal akan dipohon semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman.

*[Soalan No. 18 - Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai) tidak hadir]*

### SEKOLAH DAN ASRAMA DI SARAWAK - PERUNTUKAN BAIKPULIH

**19. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah peruntukan untuk membaikpulih bangunan-bangunan sekolah dan asrama di negeri Sarawak dan di kawasan Parlimen Baram pada tiap-tiap tahun mulai dari 1991 hingga 1996. Bilakah kerajaan akan membina bangunan sekolah rendah di Long Pila, Hulu Baram memandangkan sekolah tersebut telah roboh oleh kerana kejadian tanah runtuh.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi pembaikan sekolah-sekolah dan asrama di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

**(a) Bagi Negeri Sarawak**

| Tahun | Peruntukan (RM) |
|-------|-----------------|
| 1991  | 12,581,737      |
| 1992  | 9,677,211       |
| 1993  | 12,461,530      |
| 1994  | 9,777,536       |
| 1995  | 13,620,995      |
| 1996  | 15,051,574      |

**(b) Bagi Kawasan Parlimen Baram.**

| Tahun | Peruntukan (RM) |
|-------|-----------------|
| 1991  | 306,300         |
| 1992  | 319,200         |
| 1993  | 496,609         |
| 1994  | 452,796         |
| 1995  | 695,207         |
| 1996  | 1,354,940       |

Pembinaan bangunan sekolah rendah Long Pillah, Marudi, Baram dicadangkan dijalankan pada tahun ini, iaitu 1996. Tetapi pihak Jabatan Pendidikan Negeri menghadapi masalah mengenal pasti tapak yang lebih sesuai supaya sekolah tidak lagi terdedah kepada hakisan. Tapak baru untuk sekolah ini baru sahaja diratakan. Oleh yang demikian, Jabatan Pendidikan Negeri mengalami kesuntukan masa untuk membinanya pada tahun 1996.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih banyak lagi bangunan sekolah yang tidak memuaskan dari segi keadaan bangunan sekolah, asrama dan lain-lain lagi, adakah kerajaan akan menambahkan lagi peruntukan pada tahun depan untuk menyambungkan kerja bagi membaikpulih bangunan-bangunan serta infrastruktur yang lain di sekolah berkenaan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini baru sahaja meluluskan peruntukan termasuk Kementerian Pendidikan, dan untuk sekolah rendah sahaja sebahagian besar daripada peruntukan itu antaranya ialah untuk membaiki sekolah-sekolah yang macam ini.

#### **PERSIDANGAN KOMANWEL KE-42 DI KUALA LUMPUR - HASIL POSITIF**

**20. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil-hasil positif yang diperolehi ekoran kejayaan cemerlang Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Komanwel ke-42 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil positif yang diperolehi ekoran kejayaan cemerlang Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Komanwel ke-42 di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan imej negara Malaysia menunjukkan kepimpinan Malaysia di dalam Komanwel;
- (ii) memberi pengalaman kepada ahli-ahli Parlimen di dalam perhubungan antarabangsa;
- (iii) mendedahkan ahli-ahli Parlimen kepada persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa;
- (iv) mengeratkan perhubungan di kalangan negara-negara Komanwel;
- (v) mengemukakan pandangan negara kepada isu-isu semasa.

#### **PROGRAM KHIDMAT SOSIAL - KONSEP DAN STRATEGI PELAKSANAAN**

**21. Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah konsep dan strategi pelaksanaan Program Khidmat Sosial Negara yang diumumkan oleh kementerian baru-baru ini dan adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan setiap pelajar sekolah menengah menyertai program ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya konsep Program Khidmat Sosial yang dicadangkan ini lebih menjurus kepada membentuk dan pemantapan peribadi, iaitu merangkumi ketahanan minda, pembangunan kerohanian dan ketahanan fizikal. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat cintakan negara, bangsa dan agama.

Strategi pelaksanaan dan program yang akan dilaksanakan masih di peringkat perancangan di mana pendapat, saranan dan pandangan semua pihak akan dikaji dan diteliti. Sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk bagi mengkaji secara lebih mendalam mengenai konsep dan kaedah pelaksanaannya termasuk membentuk satu program yang sesuai dilaksanakan. Perakuan jawatankuasa ini akan dibawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk mendapat pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

**SRJK(C) - BILANGAN KELAS**

**22. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa bilangan guru di SRJK(C) adalah tidak mencukupi manakala terdapatnya guru yang berlebihan di Sarawak, pula. Sila nyatakan:

- (a) jumlah bilangan kelas bagi SRJK(C) bagi setiap negeri masing-masing; dan
- (b) berapakah nisbah di antara guru dan kelas untuk SRJK(C)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kelas di SRJK(C) seluruh negara bagi tahun 1996 ialah 16,452, manakala jumlah guru terlatih di SRJK(C) ialah 26,885 orang.
- (b) Nisbah guru dan kelas di SRJK(C) ialah seorang guru kepada 39 orang murid. Detail tentang bilangan kelas mengikut tiap-tiap negeri, bilangan guru terlatih ada pada saya. Saya tidak bercadang hendak membacanya, cuma saya akan beri kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**CAKERA PARABOLA - "MEMBUKA LANGIT" KEPADA RAKYAT MALAYSIA**

**23. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kerajaan akan mempertimbang semula untuk 'membuka langit' sepenuhnya bagi semua rakyat Malaysia untuk memasang cakera parabola tanpa sebarang sekatan saiz seperti yang dilakukan oleh Indonesia beberapa tahun sudah tanpa sebarang kesan-kesan buruk.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab bagi pihak Kementerian Penerangan. Bahawasanya kerajaan tidak bercadang untuk membuka langit sepenuhnya dalam melaksanakan siaran televisyen satelit di negara ini, kerana masih terdapat program-program televisyen di luar negara yang dibekalkan melalui satelit mengandungi unsur-unsur negatif yang tidak sesuai dengan nilai-nilai murni dan budaya masyarakat Malaysia.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negara-negara jiran seperti Indonesia dalam beberapa tahun, Kerajaan Indonesia telah izinkan rakyat Indonesia mengguna parabola untuk semua program tanpa filter. Indonesia lebih besar dari Malaysia. Apakah sebab Malaysia tidak yakin izinkan rakyat terima semua program antarabangsa?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon maaf kerana saya baru sahaja menjawab soalan No.7 di Dewan Negara tadi, dan saya baru dimaklumkan bahawa ada soalan sudah berlangsung nombor 23 di sini. Saya harap dimaafkan, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Sibu berhubung kait dengan siaran-siaran daripada luar negara, sememangnya kita tidak galakkan demikian rupa kerana kita rasa siaran langsung dan terbuka itu akan bercanggah dan melanggar dengan dasar kerajaan kita untuk membendung bahawa budaya negara kita menuju untuk menegakkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai budaya serta identiti kita sendiri.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian kalaulah program itu atau pun saluran itu tidak mengandungi unsur-unsur yang negatif seperti channel Business News. Jadi, saya ingin bertanya sama ada kementerian akan mengecualikan saluran yang begitu dari delayed broadcast mereka, dengan izin, oleh kerana kita mendengar CNN akan mengadakan real time, laporan tentang bursa saham mereka dan kalaulah kita ketinggalan satu jam kita sudah ketinggalan begitu jauh.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya maklumat-maklumat yang dipaparkan melalui CNN contohnya, mengandungi maklumat-maklumat yang berguna kepada rakyat Malaysia, kita tidak akan sekat. Cuma dari segi tuntutan maklumat-maklumat yang boleh bercanggah dengan budaya dan dasar-dasar negara kita, maka kita mengamalkan satu dasar 'delay one hour', kerana kita boleh mengambil pendekatan yang terbuka sedikit, bila mana kita tidak adakan delay.

Yang kita risau, bilamana satu maklumat yang betul-betul bercanggah dengan dasar kerajaan kita, sekali gus kita tidak mempunyai masa yang begitu cukup untuk melapiskan, maka ini akan membawa satu keadaan yang membimbangkan dan bercanggah dengan dasar kerajaan.

## BLACKOUT TNB-JAMINAN TIDAK BERULANG LAGI

**24. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memberi jaminan bahawa sekiranya berlaku 'blackout' tenaga di masa akan datang, bekalan tenaga akan dapat dipulihkan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding yang dialami pada masa lepas.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik sebuah firma juruperunding bebas dari United Kingdom bagi mengenal pasti punca kejadian serta memberi cadangan bagi mengelakkan berulangny kejadian yang sama.

Tenaga Nasional Berhad telah dan sedang melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh juruperunding tersebut. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil, yang saya sebutkan tadi, termasuk:

- (i) menambah tahap spinning reserve kepada 500 megawatt. Mengikut amalan biasa, spinning reserve ditetapkan mengikut set penjana terbesar dan set penjana terbesar TNB adalah 300 megawatt sahaja;
- (ii) meningkatkan lagi keupayaan untuk mengimbangi permintaan dengan pembekalan elektrik. Ini dilakukan melalui sistem perlucutan beban secara automatik (automatic load sharing scheme);
- (iii) mengkaji semula sistem perlindungan di semua stesen janakuasa TNB dan penjana bebas;
- (iv) menyasiat atau menyelenggara semua alat suis yang sama jenis dengan alat suis yang rosak di Paka, Trengganu pada 3hb. Ogos, 1996;
- (v) memasang dan mengendali alat-alat perakam kerosakan di lokasi-lokasi strategik di dalam sistem.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan bahawa dengan melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan tersebut, kemungkinan terjadinya kejadian tersebut dapat diminimumkan serta tempoh masa yang lebih singkat akan diambil untuk memulihkan bekalan elektrik.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri kerana langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya sekali lagi 'national blackout'.

Soalan saya ialah, dalam kejadian blackout yang baru lalu, Tenaga Nasional telah mengambil keputusan untuk membayar ganti rugi kepada syarikat-syarikat yang mengalami kerugian akibat keputusan bekalan itu. Apakah kementerian atau Tenaga, khususnya, tidak bercadang untuk, sekurang-kurangnya, kalau pun tidak memberi compensation, sekurang-kurangnya merakamkan rasa 'condolence' - menghantar ucapan 'condolence' kepada satu keluarga yang rentung (terbakar) akibat satu kebakaran di kawasan saya kerana mereka menggunakan lilin di malam black-out itu. Oleh kerana mereka menggunakan lilin, rumah mereka terbakar dan satu keluarga telah kehilangan 4 orang anak. Keluarga itu masih menanti, bukan compensation, tetapi sekurang-kurangnya ucapan dukacita dari TEN ini. Ini langsung tidak ada.

Apakah kementerian tidak memikirkan hal ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada pihak Tenaga Nasional telah mengambil tindakan untuk menghantar 'condolence' kepada keluarga yang berkenaan dalam kawasan Yang Berhormat. Kalau sekiranya tidak, kita akan mengarahkan pihak TNB untuk berbuat demikian dan saya hendak memberikan penjelasan di sini bahawa pihak TNB tidak pernah memberikan pampasan kepada mereka yang menghadapi kerugian akibat blackout. Ini bukan pampasan, ini cuma merupakan satu pembayaran *ex-gratia* - ini bukan pampasan yang ditakrifkan dalam Akta Pembekalan Elektrik, 1990 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 4,,6,8,18 dan 25 hingga 33 dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".  
[Khamis, 12 Disember 1996]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya panggil Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada lagi 15 rang undang-undang dan dua usul yang hendak diselesaikan di dalam minggu ini. Dengan yang demikian, saya pohonlah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menjimatkan masa. Yang Berhormat dari Balik Pulau sila sambung.

3.35 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung terus.

Kedua, ekoran dari contoh yang saya beri pada hari Khamis yang lepas ialah kesan kenaikan harga aset harta tanah ini ke atas taburan ataupun agihan kekayaan dan juga pendapatan.

Ketiganya, ialah ekoran daripada fenomena yang sama, kita lihat bahawa agihan sumber kewangan negara begitu tertumpu kepada sektor ini, seperti yang telah saya katakan tentang hala tuju pinjaman bank-bank yang tertumpu lebih daripada 25% kepada sektor harta tanah dan juga pembinaan ini. Kita juga melihat satu fenomena sekarang ini, kita lihat syarikat-syarikat yang memohon untuk disenaraikan pun, yang mempunyai core-business yang berlainan, apabila mereka disenaraikan, apabila mereka berkemampuan untuk mendapat dana yang lebih murah daripada awam, akhirnya mereka pergi juga kepada sektor harta tanah ini - menyimpang daripada core-business mereka yang asal yang menjadikan mereka layak untuk disenaraikan pada ketika awal-awal lagi.

Jadi, ketiga-tiga kesan ini adalah membimbangkan jika ianya tidak dibentung ataupun jika tidak ada sesuatu yang dilakukan untuk memastikan bahawa fenomena ini tidak berlarutan ataupun kalau ianya pun berlarutan, ia berlarutan dengan keadaan yang agak terkawal.

Akhirnya, saya ingin untuk bertanya kepada kementerian tentang apakah dia mungkin langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan

kebimbangan ataupun kerugiaan yang saya telah timbulkan tadi, khususnya, apakah gambaran kementerian tentang kedudukan pasaran harta tanah sekarang ini dan bagaimanakah kita dapat memastikan; yang keduanya, supaya agihan kekayaan dan pendapatan di kalangan mereka yang berkemampuan mempunyai kuasa beli untuk memiliki harta tanah dengan mereka yang tidak berkemampuan, semakin lama tidak menjadi semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini, satu fenomena yang tidak dapat kita elakkan hari ini dalam keadaan kesuntukan tanah di negara kita dan di beberapa negeri seperti di atas pulau - Pulau Pinang, ialah kita semestinya membuat rumah yang bertingkat-tingkat tingginya, yang mempunyai ketumpatan penduduk yang tinggi. Satu dari permasalahan, walaupun ini bukan satu fenomena yang baru, tetapi satu fenomena yang semakin lama semakin berleluasa ialah konsep pengurusan bangunan yang sebegini rupa. Mungkin adalah satu konsep yang agak baru dan kalau kondominium yang mahal-mahal itu, RM300,000 - RM400,000, maka pengurusan bangunan, dari segi maintenance adalah baik, tetapi bagi kebanyakan bangunan yang tinggi, yang mempunyai ketumpatan yang tinggi, pengurusan bangunan ini, kalau tidak dipastikan dan dijalankan dengan baik, maka bangunan-bangunan ini akan menjadi lusuh dan lapuk dan ianya menjadi satu tempat yang tidak sihat untuk diduduki oleh rakyat sekalian.

Kita faham bahawa konsep berkongsi ruang ini dalam jenis bangunan seperti ini adalah satu konsep yang baru pada kebanyakan orang, tetapi sekarang ini, terdapat permasalahan sebenarnya dari segi maintenance bangunan-bangunan seperti ini. Saya difahamkan melalui bacaan saya dalam rang undang-undang ini, sebenarnya pengurusan bangunan tidak termasuk di bawah bidang kuasa rang undang-undang - maknanya Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah ini tidak terlibat ataupun urusan building management tidak terkawal di dalam rang undang-undang ini. Jadi, kita intin menimbulkan, kalau sekiranya ia tidak terkawal dalam Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah ini, bagaimanakah kita boleh mamastikan supaya mulai sekarang ini dan di masa-masa hadapan, kita dapat pastikan bahawa prosedur ataupun mekanisme untuk kita memastikan bahawa pengurusan-pengurusan kediaman yang tinggi ini dapat berjalan dengan baik agar bangunan-bangunan ini menjadi satu tempat kediaman orang yang bersesuaian, tidak hanya menjadi lapuk dan lusuh dan bercelaru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemaman.

3.40 ptg.

**Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Penilai Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, semakin ramai rakyat Malaysia yang telah peka dan menggunakan khidmat dari penilai atau ejen hartanah yang sah semasa menjual atau membeli rumah atau mencari pejabat yang sesuai.

Pusat-pusat bandar di negara kita berkembang dengan begitu pesat sekali. Di Lembah Kelang sahaja umpamanya, dalam masa lima hingga enam tahun ini telah berkembang sehingga terdapat lebih 3.9 million square metre ruang pejabat, beribu-ribu unit kediaman pelbagai jenis dan lebih daripada 929,000 square metre ruang niaga dan beribu-ribu premis industri dan dianggarkan sekarang ini akan terus meningkat dengan industri pembinaan akan berkembang dengan kadar 12% pada tahun ini.

Dengan perkembangan sektor pembinaan dan hartanah yang begitu pesat ini, sudah tentulah ia memerlukan undang-undang dan pengawalseliaan yang lebih baik dan lebih efisien untuk memberi perlindungan yang lebih luas kepada pengguna.

Saya mengalu-alukan pindaan ini yang saya anggap amat penting kerana terdapat kelemahan dan kekurangan di dalam akta yang lama terutama sekali dari segi penguatkuasaan yang tidak ada peruntukan kepada mana-mana pihak sama ada polis ataupun lembaga untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik keperluan kepada ejen hartanah adalah lebih tinggi daripada supply. Terdapat lebih kurang 1,500 ejen hartanah di negara kita dan hampir separuh ataupun 50% adalah tidak atau kurang berkelayakan, tetapi yang lebih membimbangkan kita ialah kehadiran broker haram ataupun bogus agent yang tidak terkawal di seluruh negara.

Adalah dianggarkan bilangan mereka ini adalah dua kali ganda daripada ejen yang berdaftar atau yang sah. Mereka ini beroperasi di kedai-kedai kopi, pejabat dan juga di rumah-rumah tanpa segan dan silu dan setengah mereka tidak mengetahui yang amalan mereka ini menyalahi undang-undang.

Pengguna boleh dan sering tertipu dengan begitu senang kerana urusan mereka ini dikawal oleh rang undang-undang yang begitu longgar, penalti yang dikenakan terlalu rendah dan juga penguatkuasaan yang begitu lemah. Pada masa ini, lembaga tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menyasiat atau mengeledah kediaman atau pejabat-pejabat broker ataupun "bogus agent" ini. Dengan itu, mereka sekarang ini beroperasi tanpa sekatan.

Saya mengalu-alukan pindaan ini terutama pada Seksyen 30A dan 30B yang memperuntukkan pengeledahan dan penyitaran dengan atau tanpa waran oleh seorang pegawai polis yang pangkat tidak rendah daripada Inspector.

Seksyen ini juga memperuntukkan untuk menambah penalti dari denda tidak melebihi RM5,000 kepada tidak melebihi RM25,000 dan memasukkan penalti hukuman penjara selama tidak lebih tiga tahun.

Peruntukan ini akan membolehkan pihak berkuasa untuk menyelidik dan menahan orang yang disyaki sebagai ejen palsu ini dengan serta-merta tanpa memberi ruang untuk orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini melepaskan diri.

Saya ingin mencadangkan kepada lembaga supaya menubuhkan unit penguatkuasaannya sendiri. Jika sudah ada, ianya harus mempertingkatkan usaha penguatkuasaan ini di seluruh negara supaya ejen-ejen bogus ini dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada Seksyen baru 31A, ada diperuntukkan kekebalan kepada lembaga atau mana-mana ahli lembaga terhadap apa-apa tindakan di bawah akta melainkan jika dilakukan dengan niat jahat.

Apakah dimaksudkan dengan 'niat jahat' ini? Kalau boleh, saya minta Timbalan Menteri menerangkan apakah yang dimaksudkan 'melainkan dengan niat jahat'. Apa yang perlu dijelaskan di sini, apakah perkara yang boleh dilakukan oleh lembaga dan apakah yang tidak boleh dilakukan oleh lembaga terhadap broker haram atau ejen-ejen bogus ini?

Pindaan ini juga memeperuntukkan lebih banyak kuasa dan memperluaskan fungsi-fungsi lembaga bagi mempertingkatkan lagi kedudukan lembaga, penilai, pentaksir dan ejen hartanah ini. Begitu juga dengan ejen-ejen yang dimestikan mendaftar terlebih dahulu dengan lembaga sebelum mendapat kuasa untuk menjalankan amalan. Pendaftaran ini dibuat dalam tiga kategori iaitu penilai atau ejen, ejen percubaan dan daftar firma.

Proses pendaftaran akan diperketatkan dan dengan definisi dan takrifan yang lebih terang dan tepat. Pertukaran alamat pekerja, perkongsian pemegang syer dan butir majikan juga perlu dimaklumkan kepada lembaga. Ini untuk memastikan profesion ini lebih bertanggungjawab kepada orang ramai untuk mempertingkatkan kualiti dan standard profesion ini.

Tugas dan tanggungjawab seorang ejen hartanah mestilah terang dan jelas. Pindaan ini meletakkan basic guideline. Adalah menjadi tanggungjawab lembaga untuk mendisiplinkan dan mengambil tindakan terhadap pengamal yang engkar seperti 'double charges' iaitu mengambil bayaran dari kedua-dua belah pihak ataupun mengiklan tanpa authoriti ataupun memaksa 'early deposit' ataupun 'downpayment' dan lain-lain amalan yang tidak beretika.

Untuk memastikan pengamal industri ini lebih bertanggungjawab dan memberi ruang kepada industri ini berkembang dengan lebih baik dan tersusun, lembaga haruslah tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pengamal yang melanggar undang-undang termasuklah menggantung atau membatalkan keahlian ataupun denda dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, berapa ramai ejen-ejen hartanah ini yang telah diambil tindakan? Seperti membatalkan ataupun menggantung ataupun mendenda ke atas mereka yang melanggar kod etika profesion ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang harus juga diambil oleh pihak yang berkenaan supaya menggalakkan lebih ramai pelajar yang meninggalkan bangku sekolah untuk mendapat latihan sebagai ejen hartanah, profesion ini adalah memberi pulangan yang baik dan latihannya mengambil masa yang lebih pendek, jika dibandingkan dengan profesion lain iaitu dalam jangka satu hingga dua tahun.

Dengan keadaan kita kekurangan ejen hartanah yang berkelulusan, pihak kementerian dan juga swasta harus berusaha dengan lebih serius lagi untuk melahirkan ejen-ejen yang betul-betul terlatih dan berdisiplin untuk memastikan dan membawa profesion ini ke tahap yang lebih tinggi dan seterusnya memasuki pasaran antarabangsa.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, berapa banyakkah institusi kerajaan ataupun kolej swasta yang menawarkan latihan di dalam bidang

hartanah ini? Dan adakah kerajaan berpuas hati dengan bilangan atau kursus-kursus yang diadakan sekarang ini. Adakah juga lembaga ini bercadang untuk menubuhkan institusi latihannya sendiri?

Tuan Pengerusi, walaupun profesion ini kurang diberi perhatian oleh masyarakat dan dianggap baru di negara kita, profesion ini semakin diberi pengiktirafan dan ianya merupakan profesion yang diperlukan dan menguntungkan. Dengan keadaan pasaran hartanah yang makin meningkat, adalah diharapkan bahawa agen hartanah di Malaysia ini akan berusaha untuk menampilkan diri mereka sebagai ejen-ejen yang profesional, berintegriti dan bertanggungjawab, dan menjadi model kepada ejen-ejen hartanah di rantau ini. Dengan kata-kata itu, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

3.50 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya tentang tujuan kerajaan untuk menangani satu isu yang sangat penting dalam sektor ini iaitu semasa membuat penilaian ke atas hartanah. Kalau sesebuah syarikat penilaian membuat satu syor atau recommendation yang tidak berapa tepat, adakah pihak kerajaan bercadang untuk meminta syarikat tersebut menanggung perbezaan ini? Saya menimbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sering berlaku perbalahan di antara syarikat-syarikat ataupun di antara anggaran tentang nilai sebenarnya sekeping tanah. Kalau anggaran dibuat oleh sebuah syarikat profesional, sepatutnya syarikat profesional ini menanggung sepenuhnya penilaian yang dibuat ke atas tanah tersebut. Tetapi sering berlaku, apabila sesuatu perbalahan terjadi, syarikat yang membuat penilaian tidak sepatutnya bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, di sini saya rasa ini tidak akan menggalakkan satu semangat atau memupuk prinsip profesionalisme yang diinginkan. Kalau sesebuah syor profesional dicadangkan, ia tidak akan disokong dengan izin, dengan wang. Saya rasa ia tidak berapa bermakna dan berkesan. Pada masa yang sama, saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan sama ada sedar atau tidak bahawa kadangkala apabila seseorang membuat permohonan

kepada pihak bank, beliau akan dengan izin, window shop beberapa syarikat penilaian. Tengok syarikat mana yang boleh memberikan satu anggaran yang lebih tinggi supaya boleh mendapat pinjaman yang lebih tinggi berdasarkan aset banking kepada cagaran tanah tersebut.

Sungguhpun kita maklum, bahawa dalam apa-apa penilaian, ia amat subjektif sekali. Tetapi, adakah pihak kerajaan menerusi lembaga yang ditubuhkan ini akan memberikan satu garis panduan supaya apabila satu panel terpilih, ia tidak akan terlalu jauh daripada satu anggaran yang boleh diterima umum. Kita tidak mahu keadaan di mana anggaran yang paling tinggi berbanding dengan anggaran yang paling rendah adalah jauh sekali. Kerana ini tidak akan memberikan keyakinan tentang profesionalisme ke atas penilaian yang dijalankan ke atas hartanah-hartanah dalam negara kita.

Satu aspek yang lain ialah tentang penilaian tanah yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam semua projek penswastaaan tanah khususnya pengambilan tanah. Apabila kerajaan mengambil tanah persendirian, penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan seringkali dipertikaikan. Kalau dibandingkan pula dengan penilaian yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta, ia jauh berbeza. Dan saya ingin sebut di sini bahawa dalam pengalaman saya menguruskan beberapa aduan terhadap penilaian atau pengambilan tanah oleh pihak kerajaan, biasanya yang paling rendah ialah daripada pihak kerajaan berbanding dengan penilaian yang dibuat oleh syarikat swasta. Di mana tuan punya tanah tentu sekali akan meminta syarikat swasta tersebut untuk membuat penilaian. Tetapi, semua syarikat swasta yang membuat penilaian, keputusan atau syor mereka adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang diputuskan oleh pihak kerajaan.

Di sini saya rasa, ini juga menunjukkan bahawa pihak kerajaan, pilihan yang dibuat oleh pihak kerajaan tidak berapa profesional. Kalau kita inginkan bahawa syarikat swasta mempertingkatkan profesionalisme mereka, pada masa yang sama pihak kerajaan pun mesti berlaku demikian. Kalau dalam kes yang saya sebutkan tadi, semua kes penswastaaan tanah di mana penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan jauh lebih rendah daripada pandangan atau syor syarikat swasta. Ini menunjukkan bahawa ada faktor-faktor lain selain daripada faktor-faktor objektif yang mempengaruhi keputusan tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa dalam perkara ini, ia juga akan merangkumi penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau tidak, ini tidak bermakna langsung.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, biasanya apabila kes ini dibawa ke mahkamah penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan akan sangat mempengaruhi keputusan hakim untuk menentukan pampasan yang akan dibayar kepada tuan punya tanah. Kalau atas arahan tertentu, penilaian atau estimate yang dikeluarkan adalah terlalu rendah, saya rasa ini adalah tidak adil kepada kebanyakan tuan punya tanah. Oleh sebab itu, saya harap dalam perkara ini kita jangan hanya melihat dari segi pihak swasta sahaja. Sungguhpun, saya setuju bahawa kita harus mengadakan beberapa kawalan untuk memastikan estimate yang diberikan adalah tepat dan tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Faktor-faktor tertentu termasuk juga 'dibeli' oleh pihak tertentu untuk membolehkan satu anggaran yang mereka inginkan.

Tetapi, pada masa yang sama sungguhpun kerajaan bertujuan untuk menghapuskan gejala ini, pada masa yang sama kita pun mesti melihat penilaian hartanah yang dibuat oleh pihak kerajaan ke atas tanah yang diambilalih oleh pihak kerajaan. Saya rasa ini adalah satu perkara penting. Kalau perkara ini boleh diatasi, maka saya rasa banyak rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh tuan punya tanah yang tidak puas hati bolehlah dielakkan dan ini pun akan menjimatkan masa kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan. Oleh yang demikian, saya harap pihak kerajaan boleh mengambil perhatian tentang masalah ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah tentang penalti yang akan dikenakan ke atas mereka yang bukan ejen hartanah. Saya ingin nyatakan di sini bahawa memang menjadi satu hakikat dalam negara kita bahawa negara kita ada banyak ejen-ejen yang tidak bertauliah, yang menjalankan kerja menjual-beli sebagai ajen dan mendapat komisen 2% secara tidak mengikut lunas undang-undang. Sungguhpun ini tidak digalakkan, tetapi ia memang menjadi satu hakikat. Dengan lulusnya rang undang-undang ini, semua ejen tersebut saya rasa yang datang dari semua kaum, tidak kira bangsa dan agama. Kebanyakan mereka menjalankan kerja ini untuk mendapat sedikit pendapatan sampingan ataupun pendapatan utama. Ini amat penting kepada mereka. Kalau dengan lulusnya rang undang-undang ini, bermakna bahawa mereka akan dikenakan hukuman kalau mereka didapati bersalah.

Pada masa yang sama kalau untuk mendapat lesen ejen, kenalah seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, kenalah menjalankan

peperiksaan. Seperti yang saya nyatakan tadi, kerana ramai daripada ejen tersebut datang daripada latar belakang yang pelbagai, yang kebanyakannya tidak berpendidikan tinggi. Kalau untuk meminta mereka lulus dalam peperiksaan tersebut, saya rasa amat sukar sedikit. Tetapi untuk menafikan mereka, mata pencarian atau satu sumber pendapatan, saya harap pihak kerajaan boleh menimbang keadaan mereka. Kalau mereka tidak dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja jual-beli dan mendapatkan komisen 2%, saya rasa ramai ejen dalam negara kita akan terjejas.

Yang kedua, keadaan hartanah mungkin terjejas kerana mereka tidak boleh beroperasi langsung. Tidak dinafikan banyak syarikat hartanah bergantung kepada ejen-ejen tersebut sama ada latar belakang mereka suri rumah ataupun hanya seorang buruh kasar. Kerana apabila mereka mendapat maklumat, mereka mahu dapatkan 2%, mereka akan pergi usahakan.

Saya harap pihak kerajaan akan menimbang keadaan mereka dan melonggarkan sedikit syarat-syarat untuk mereka yang sudah sekian lama beroperasi supaya mereka boleh lebih senang mendapat ejen-ejen hartanah tersebut. Dan juga kalau peperiksaan dijalankan, bolehlah dijalankan untuk waktu transience ini, dengan izin. Dijalankan bukan sahaja dalam satu bahasa tetapi dijalankan dalam bahasa yang lain. Kerana ramai daripada ejen hartanah, mereka sudah berusia atau dalam lingkungan umur 40 tahun untuk mengambil peperiksaan dalam bahasa Malaysia, saya rasa amat sukar sedikit.

Saya harap pihak kerajaan boleh menimbang keadaan mereka, kerana ramai ejen hartanah telah menyuarakan perasaan bimbang tentang masa depan mereka dan saya rasa kita tidak boleh menafikan sumbangan yang mereka telah berikan kepada pembangunan estet dan hartanah. Sungguhpun mereka tidak bertauliah dan berlesen, tetapi mereka sekurang-kurangnya 'at the speciality element in the property market, dengan izin, tanpa mereka saya rasa pembangunan hartanah tidaklah seperti memberangsangkan seperti hari ini.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan ialah kalau boleh pihak kerajaan juga campur tangan dalam segi komisen yang diberikan kepada ejen-ejen hartanah yang bekerja untuk syarikat-syarikat hartanah tersebut. Biasanya apabila komisen dibayar, ejen hartanah yang menguruskan penjualan hartanah tersebut, dia tidak akan mendapat segenap atau keseluruhan

100% komisyen 2% ini. Biasanya dia akan dapat 30%, sedangkan baki 70% akan diberikan kepada syarikat yang dia bekerja. Saya harap perkara ini bolehlah ditimbang semula oleh pihak kerajaan supaya ejen hartanah tersebut boleh mendapat komisen atau "cut" yang lebih tinggi, kerana syarikat hartanah hanya meminjamkan nama atau tempat kepada ejen tersebut, sedangkan semua kerja dijalankan oleh ejen ini. Saya harap bahawa apabila 2% komisyen ini dari segi pembahagiannya untuk ejen hartanah ini bolehlah dipertingkatkan supaya dengan izin, reward his affords. Oleh yang demikian, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tambun.

4.06 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Penilai, Pentakdir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996.

Pertama, mengenai kos tanah. Saya ingin bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau tanah seluas 80,000 kaki persegi di Rasah, 3 tahun lalu bernilai RM300,000, berapakah nilai tanah tersebut sekarang? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, nilai tanah tersebut sekarang dinilai setinggi RM5.6 juta. Walaupun kawasan sekeliling adalah kawasan perumahan taraf sederhana dan kenaikan harga ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara.

Kedua tentang adanya projek Kuala Lumpur International Airport di Sepang dan ini memberi kesan kepada harga tanah tersebut. Apa yang ingin saya nyatakan ialah saya dapati bahawa harga ini tidak realistik dan mengapa ia tidak realistik dan mengapa jadi begitu? Saya berpendapat bahawa cara pihak jurunilai tanah membuat penilaian ada beberapa kelemahan.

Ketiga, jurunilai tanah bila membuat penilaian ia bukan sahaja harga tanah tersebut di kawasan sekeliling, ia juga mengambil kira tentang pendapatan yang dijangkakan akan diperolehi daripada tanah tersebut, future earning potential dan biasanya penilai tanah akan membuat projection 10-20 tahun dan membuat discounted value. Ia menjadi satu premium yang besar. Masalah sistem ini adalah kerana ia begitu subjektif dan kadangkala pihak jurunilai akan meletak komponen pembangunan yang begitu hebat. Contohnya tanah

di Rasah ini, kalau kita ambil kawasan sekeliling, sepatutnya di atas tanah tersebut, pemaju nanti akan membangunkan ia sebagai kawasan perumahan. Tetapi bagi tujuan penilaian, penilai meletak projek yang dicadangkan di kawasan tersebut adalah bangunan kompleks perniagaan dan pejabat setinggi lebih daripada 10 tingkat dan apabila ini diambil kira dalam membuat kajian ke atas future earning potential, tentu ia memberi satu nilai yang begitu tinggi kepada tanah ini.

Saya tidak tahu bagaimanakah melalui rang undang-undang ini, kita dapat mengawal harga daripada berlaku perkara-perkara yang berbentuk manipulasi ataupun arbitrary ke atas harga-harga tanah, kerana kesan daripada kenaikan harga tanah ini begitu tinggi?

Keempat, seperti kita sedia, kita menghadapi masalah dari segi pemaju untuk mendirikan rumah kos rendah dan kos sederhana akibat daripada kos tanah yang tinggi dan ia juga memberi kesan kepada harga rumah yang tinggi. Seperti kita sedia maklum pada tahun 1976 harga rumah sebesar 20'x70' link house dua tingkat berharga RM75,000. Pada tahun 1986 berharga RM150,000 dan sekarang RM250,000. Ini bermakna individu yang makan gaji untuk ia membeli rumah tersebut pada tahun 1976 ia perlu membayar lebih kurang RM750.00, tahun 1986 - RM1,500 dan sekarang RM2,500. Ini bermakna bahawa jikalau individu tersebut mengambil pinjaman untuk perumahan komponen gaji beliau akan lebih tinggi untuk bayaran bank. Ini juga akan mendatangkan kesan kepada kos-kos lain serta permintaan tawaran gaji yang lebih tinggi daripada pekerja-pekerja.

Satu lagi masalah yang timbul akibat penilaian yang tinggi ini adalah sistem fee yang dikenakan oleh penilai ini.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kadang-kadang penilaian hartanah ini agak keterlaluan contohnya macam kawasan-kawasan di mana foreigner, dengan izin, untuk dapat membeli. Ini akan merugikan kita kerana rakyat tempatan menghadapi masalah, sedangkan orang-orang yang bukan daripada rakyat tempatan yang mempunyai duit dapat membeli harta-tanah di Malaysia. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju

dengan saya supaya hal-hal seperti ini terutama sekali macam di Pulau Pinang, di Johor, di Kuala Lumpur, di mana saya difahamkan rakyat Hong Kong telah mula masuk untuk memberli hartanah di Malaysia? Oleh itu, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya lebih realistik dari segi memperakui penilaian hartanah ini?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat rakan saya dari Yan. Seperti mana yang saya nyatakan akibat daripada penilaian yang tidak realistik yang mendatangkan kesan-kesan yang begitu besar. Saya percaya antara sebab mengapa penilaian tanah begitu tinggi adalah akibat daripada keinginan jurunilai serta pemilik tanah untuk menikmati pendapatan yang lebih tinggi.

Saya sependapat dengan Yang Berhormat dari Yan dan saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya kita mempunyai satu badan untuk mengawasi penilaian yang dibuat oleh penilai-penilai atau memberi pengesahan bahawa penilaian yang dibuat itu adalah realistik dan tidak arbitrary ataupun manipulasi.

Tadi, saya menyentuh tentang soal fee, cara fee ini dikenakan kepada pelanggan. Sistem yang dibuat sekarang, ia berdasarkan peratus daripada tanah yang dinilai, umpamanya 0.5% daripada harga tanah yang dinilai. Kalau tanah tersebut berharga RM1 juta kalau fee 0.5% lebih kurang dalam RM50,000, kalau tidak silap saya. Kemudian kalau harga tanah itu RM3 juta ia menjadi RM150,000. Ini memberi peluang kepada penilai-penilai untuk membuat penilaian yang lebih tinggi, kadangkala di atas permintaan daripada pelanggan-pelanggan.

Saya berharap agar satu mekanisme bagaimana fee-fee ini harus dikenakan bukan berdasarkan kepada nilai sesuatu harta dinilai, ia mestilah berasaskan, pertama kepada jenis tanah antara tanah pertanian ataupun kawasan komersial, perumahan ataupun kawasan industrial. Kita boleh membuat sistem zonning dan juga kawasan sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar, ia mesti mempunyai satu sistem yang tidak berasaskan kepada nilai tanah tersebut yang akan dilakukan oleh penilai-penilai.

Perkara kedua, saya dapati bahawa semasa saya bekerja di bank dahulu, Tuan Yang di-Pertua, dan sehingga sekarang saya difahamkan apabila pelanggan bank memohon pinjaman di mana pernah saya bangkitkan dalam sistem pinjaman bank yang berasaskan pada cagaran, bank akan meminta nilai

cagaran 1.5 kali lebih tinggi daripada pinjaman yang dipohon.

Kalau pinjaman RM1 juta bermakna cagaran mesti RM1.5 juta dan banyak kali berlaku pelanggan akan meminta kepada penilai untuk naikan nilai tanah 'jack-up the figures'. Kesannya adalah bahawa dan biasanya pihak penilai akan meletak fair market price atau RM1.5 juta dan false save value RM1.2 juta, dia buat macam itu. Oleh kerana kita bagi peluang kepada penilai untuk menggunakan cara yang arbitrary ini, dia boleh jack-up figure tersebut dan akhirnya kesannya ialah pihak bank tidak mendapat cagaran yang mencukupi untuk pinjaman-pinjaman.

Saya difahamkan walaupun coverage untuk pinjaman 1.5 kali apabila tiba pinjaman tersebut tidak dapat dibayar dan cagaran menjadi cara pihak bank untuk mendapatkan bayaran, cagaran-cagaran ini tidak mencukupi. Masalah ini juga boleh merosakkan imej penilai-penilai tahap profesionalisme, mereka sepatutnya begitu tinggi; mempunyai etik yang begitu baik.

Saya berharap bahawa pihak kementerian akan mengambil perhatian pada perkara ini. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang ejen hartanah yang mana disebut oleh rakan-rakan saya. Kalau kita baca dalam *The Malay Mail* kita dapati hampir harga tanah begitu tinggi sekali dan penjual-penjual akan masuk ke dalam iklan *Malay Mail* tanpa rujukan kepada mana-mana penilai. Ia berdasarkan kepada statistik yang mereka data dan statistik yang mereka perolehi sama ada akhbar ataupun kawan-kawan. Di kawasan ini penjualan adalah sebanyak RM250,000 untuk sesebuah rumah.

Saya berpendapat bahawa dalam proses penjualan rumah ataupun harta ini perlu ada satu sistem untuk kita mengawal harga dan saya berpendapat bahawa adalah lebih baik sebelum satu-satu harta itu dijual, ia pergi kepada penilai terlebih dahulu untuk penilai membuat penilaian kepada harta-harta tersebut sebelum ia dijual supaya harga harta tersebut tidak begitu tinggi.

Di samping itu kita dapati bahawa banyak bangunan yang usang, saya berpendapat ejen hartanah semestinya mengadakan budget tahunan untuk maintenance bangunan-bangunan tersebut. Ia tidak sekadar disewa dan dibiarkan dalam keadaan yang begitu buruk dan ini merosakkan imej kita. Apatah lagi dalam era kita akan menjadi negara maju, kita akan memasuki zaman teknologi maklumat tetapi di celah-celah bandar Kuala Lumpur terdapat bangunan-bangunan yang begitu daif dan usang.

Saya berharap perkara ini diberi perhatian oleh pihak kementerian. Satu lagi perkara mengenai dengan soal penilaian tanah ini, soal tanah rizab Melayu. Ada berlaku kerajaan mengambil tanah untuk tujuan pembangunan jalan dan tanah tersebut terbahagi kepada tanah rizab Melayu dan tanah dimiliki oleh pihak swasta. Apabila dibuat penilaian tanah milik Melayu, harganya menjadi begitu rendah dan bagi yang bukan kawasan rizab Melayu, maksud saya tadi, bukan milik Melayu, reserve Melayu, yang bukan reserve Melayu harganya begitu tinggi dan ini mendatangkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat dan pada saya juga.

Tujuan pengambilan tanah ialah untuk membuat jalan, jikalau tanah diambil oleh pihak swasta untuk pembangunan kita boleh berasaskan kepada harga pasaran kerana penggunaan akhirnya adalah untuk dibangunkan perumahan ataupun kawasan-kawasan komersial. Tetapi bagi tujuan untuk dibuat jalan, saya tidak nampak perbezaan soal market value sudah tidak begitu penting kerana tujuannya adalah untuk membuat jalan, untuk kegunaan masyarakat keseluruhannya.

Jadi, mesti ada keseimbangan di antara sama ada di kawasan rizab Melayu mahupun kawasan bukan rizab Melayu. Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh balik tentang soal penilai tadi. Dalam pengalaman saya dengan penilai-penilai, kita dapati bahawa banyak kerja-kerja penilaian ini bukan dilakukan oleh penilai yang bertauliah tetapi oleh kakitangannya yang tidak mempunyai kelayakan untuk membuat kerja-kerja tersebut. Merekalah yang akan pergi tengok rumah, tangkap gambar dan sebagainya dan bagi feed-back kepada partner di dalam firma penilai.

Partner tersebut ataupun penilai tersebut langsung tidak melihat harta yang hendak dinilai tersebut dan akhirnya kita tidak akan mendapat sistem penilaian harta yang baik. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian daripada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mentakab.

4.18 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya alu-alukan pindaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1991 yang bertujuan untuk memperkuat lagi rangka perundangan, penyeliaan dan pengawalan industri hartanah.

Adalah diharapkan pindaan-pindaan tersebut akan memberi perlindungan yang lebih luas kepada

orang ramai di samping membangunkan industri hartanah negara kita dengan lebih teratur dan lebih berprofesionalisme. Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya ingin menyentuh tiga perkara. Kita sering dengar berlaku kes-kes penipuan dalam jual-beli hartanah dilakukan oleh ejen hartanah brokers.

Mengikut amalan sekarang penilai, pendaftar dan ejen hartanah yang berdaftar boleh menjalankan amalan mereka sebagai ejen hartanah dan mereka boleh melantik subejen atau apa yang disifatkan sebagai negotiator dalam pengurusan mereka dan biasanya subejen dan negotiator tersebut akan dibayar 40% komisen yang diterima dan bakinya akan disimpan oleh ejen yang berdaftar.

Di sini berlakunya beberapa masalah. Yang pertama ialah subejen biasanya merasa dia yang menjalankan kerja tersebut, dia yang mendapatkan business dan bertitik peluh dan ejen yang berdaftar yang dapat komisen yang banyak. Mereka merasa ini tidak adil dan akhirnya subejen-subejen tersebut memilih menjalankan amalan jual beli secara haram supaya mereka tidak perlu membayar 60% komisen kepada ejen yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sistem tersebut perlu dikaji semula supaya bilangan lebih ramai ejen berdaftar dapat diluluskan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kemaman bahawa institusi pengajian tempatan perlu mengadakan lebih banyak kursus mengenai dengan pengurusan hartanah dan ejen hartanah. Semasa kita menunggu sistem pendidikan kita, mewujudkan lebih ramai ejen penilai hartanah yang berkelayakan, sistem sekarang atau lembaga yang ada patut mengkaji semula keperluan semasa. Saya difahamkan pada masa kini kita dapati lebih kurang 1,350 ejen hartanah yang berdaftar. Kita perlu tanya sama ada bilangan ini adalah mencukupi untuk menampung permintaan orang ramai memandangkan pembangunan bidang hartanah yang begitu pesat dalam negara kita.

Dan saya juga difahamkan bahawa ejen hartanah tidak dibenarkan beriklan untuk memberi perkhidmatan mereka dan ini menjadikan lebih susah untuk orang ramai mengetahui siapa ejen yang betul-betul didaftar dan boleh menjalankan amalan sebagai ejen hartanah. Maka saya menyeru kementerian mengkaji semula sistem yang ada sekarang, sama ada sistem melantik subejen adalah bagus dan sama ada ia dapat memberi satu galakan kepada pembangunan hartanah yang lebih teratur dan lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan pengawalan industri. Saya difahamkan pada masa kini segala jual beli hartanah perlu satu dokumen jual beli dan juga mereka perlu mengisi borang 'property gainstax', tetapi pada amalan sekarang dalam kedua-dua dokumen tersebut tidak perlu sebut ejen mana yang menjalankan kontrak tersebut. Dalam kedua-dua kontrak pun ejen tidak perlu sebut nombor ejen hartanah yang menjalankan kontrak tersebut. Maka dengan amalan sekarang, nilai jual beli sebenarnya biasanya tidak dapat dilaporkan dan ini telah mengakibatkan kerajaan menghadapi kekurangan dalam cukai 'property gainstax' dan juga cukai pendapatan ejen hartanah. Saya berpendapat ini perlu dikaji semula supaya segala jual beli hartanah dapat memerlukan bahawa ejen yang menjalankan urusan tersebut mesti dilaporkan dalam dokumen-dokumen tersebut.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Fasal 15 di mana fasal tersebut telah memperuntukkan hanya warganegara atau pemastautin tetap sahaja yang layak untuk didaftarkan sebagai penilai atau penilai percubaan. Saya berpendapat bahawa amalan tersebut walaupun dari segi tempoh masa pendek, ia akan dapat melindungi kepentingan rakyat tetapi kita mesti sedar perlindungan tersebut juga ada kesan negatifnya. Yang pertama, ia akan menafikan syarikat tempatan dalam mempelajari kepakaran syarikat ejen hartanah antarabangsa yang lebih berpengalaman, khususnya dalam jual beli hartanah yang bernilai tinggi dan ia juga akan menafikan peluang syarikat tempatan untuk mengadakan hubungan atau rantaian dengan syarikat antarabangsa dalam membangunkan bidang jual beli hartanah.

Kita mesti sedari bahawa dengan tekanan WTO yang kian mendesak negara-negara yang menyertai perjanjian tersebut untuk membuka bidang perkhidmatan kepada syarikat-syarikat antarabangsa, maka dengan mengadakan perlindungan yang tersebut, ia akan menjejaskan daya saing syarikat tempatan untuk menghadapi cabaran yang akan datang. Maka jika kita perlu ada perlindungan tersebut, saya berpendapat ia mesti terhad kepada satu tempoh dan tidak berlanjutan sehingga kita hilang daya saing dalam bidang pasaran antarabangsa. Sekian sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bagan, selepas itu kementerian diminta jawab.

## 4.27 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akibat pasaran hartanah yang pesat membangun, rumah-rumah setinggan, baik haram atau sah, terus terkorban. Dalam segi rumah-rumah setinggan ini ada banyak pertikaian tentang taraf mereka. Mungkin boleh dikatakan mereka setengahnya adalah sah, ada juga tidak sah, dan jikalau diklasifikasikan sebagai semua haram, saya ingat itu tidak adil kepada penduduk-penduduk di rumah-rumah yang sementara.

Dalam pendekatan ini, sesebuah rumah kampung atau rumah kayu atau rumah atap atau rumah zink, ia tidak boleh dikatakan sebagai rumah haram atau sebagai sebuah rumah yang tidak sah, jikalau pada masa membayar pampasan oleh pemaju atau tuan tanah. Kadang-kadang sebuah rumah itu tidak ada patil nombor, tetapi dia ada bayar bayaran sewa tanah kepada tuan tanah pada tiap-tiap bulan dan resit pun sedia ada.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada tiga jenis patil nombor rumah. Satu, ialah 'Temporary Building Permit (TBP) dan majlis tempatan hanya akan memberikan patil nombor TBP ini kepada rumah-rumah yang ada kelulusan pelan. Satu lagi ialah 'TS', iaitu hanya 'Taksiran Sahaja' (TS) dan rumah ini tidak ada kelulusan pelan, tetapi untuk kemudahan penduduk rumah membayar taksiran kepada pihak kerajaan tempatan, mereka memberikan patil nombor rumah ini. Dan satu jenis lagi ialah patil nombor putih, iaitu boleh dikatakan 'rent control' dan selalunya pemaju atau tuan-tuan punya tanah keliru dan mereka kata, "Oh, ini rumah haram, tak payah bayar. Ha, ini rumah ada patil nombor, dia boleh dibayar, boleh diberikan ganti rugi".

Oleh itu, saya berharaplah kerajaan boleh membuat satu takrifan berkenaan dengan status setinggan-setinggan ini, sama ada mereka sah atau tidak sah, mungkin ini boleh diputuskan oleh mahkamah tetapi lebih baik kerajaan dalam peluang membahaskan rang undang-undang ini memberi satu keterangan mengenai kedudukan mereka. Dan dalam sesebuah projek, apabila seseorang tuan tanah baru mengambil alih tanah itu, mereka akan berunding dengan penduduk-penduduk di kawasan sana.

Dan jikalau mereka tidak boleh bersetuju dengan jumlah yang dipampaskan, maka satu tindakan mahkamah mungkin boleh diambil oleh pemaju ke atas penduduk-penduduk rumah yang dikatakan

setinggan itu. Selalunya mereka akan pergi ke Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan akhirnya mungkin pergi ke rent Tribunal. Hakim akan mengambil perkiraan atas penilaian yang diberi atau penilaian yang dijalankan oleh jurupenilai berlesen. Mungkin saya ambil contoh sebuah rumah atap, jikalau pemaju hendak menaksirkan berapa banyak jumlah hendak dipampaskan, maka beliau akan mengupah seorang jurupenilai berlesen untuk menilainya.

Selalunya apabila penilai berlesen ini mengira nilai rumah ini, beliau hanya mengambil kira bahan-bahan pembinaan dan upah pembinaan sahaja. Sebuah rumah papan, sebuah rumah zink, sebuah rumah atap lebih-lebih ia boleh dinilai sebanyak RM2,000 atau RM3,000 sahaja. Mahkamah atau hakim akan memutuskan jumlah pampasan berdasarkan kepada penilaian yang diberi oleh penilai berlesen ini. Mungkin pada 30 tahun atau 40 tahun dahulu untuk sesebuah rumah boleh dibina dalam lingkungan RM500 atau RM1,000. Tetapi sekarang bayangkan jikalau kami merobohkan rumah lama ini dan hendak membina sebuah rumah yang baru di tempat yang lain berasaskan papan, kayu dan zink, sekurang-kurangnya RM5,000 atau RM6,000 barulah boleh dinaikkan.

Dari segi ini saya pun selalu dengar penduduk-penduduk di kawasan terlibat membuat pengaduan bahawa penilaian yang diberi atau pampasan yang diberi oleh mahkamah adalah terlalu rendah, dan mereka tidak boleh buat apa-apa dengan RM2,000, RM3,000. Oleh sebab itu, saya berharap taksiran atas penilaian mungkin mesti berasas kepada bahan pembinaan, upah pembinaan, dan mereka perlu mengambil kira usaha dan titik peluh yang diambil untuk membersihkan tapak itu. Mungkin bapa saya dia datang dari negeri China pada 50 tahun yang lalu, bukan ada jalan, bukan ada tempat lapang, semuanya belukar. Mereka perlu membersihkan belukar. Mereka perlu menambunkan lantai, mereka perlu membuka jalan untuk jalan kaki dan basikal, dan mereka perlu membuka tali air dan juga pokok-pokok buah-buahan, tanaman tidak akan diambil kira oleh penilai yang membuat nilaiannya.

Juga satu perkara yang penting ialah, apabila wujudnya sebuah rumah kampung atau beberapa buah rumah kampung dalam satu kawasan. Ini adalah satu pengawet kemajuan, dan ini semua sekali mesti diambil kira dalam menilai sesebuah rumah, berapa harga ia bernilai. Dalam hal ini, jikalau seorang pemaju atau seorang tuan tanah baru yang baru ambil alih sekeping tanah yang beliau bertujuan

untuk memajukan, silalah ambil pertimbangan kepada orang-orang yang duduk di atas tanah ini. Berilah pampasan yang sewajarnya, memadai, mencukupi bagi beliau untuk membina sebuah rumah ganti di tempat lain, dan bukan cuma berasaskan kepada nilai yang dinilai oleh penilai berlesen, di mana mungkin hanya terdapat beberapa ribu ringgit sahaja.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu ejen hartanah. Dengan penguatkuasaan akta baru yang mengenakan denda yang lebih berat dan kawalan yang lebih ketat kepada mereka sebagai orang tengah yang menjalankan - saya tidak akan sebut beliau sebagai ejen hartanah. Beliau menjalankan sebagai orang tengah dalam satu-satu transaksi baik tanah atau baik di sebuah bangunan. Selalu mereka boleh dapat komisen 1% dari penjual dan 1% lagi dari pembeli.

Dalam transaksi ini, komisen dibayar, semua perkara akan berjalan dengan licin. Jikalau ada berlakunya di mana pembeli atau penjual enggan membayar komisen kepada orang tengah ini, maka kami selalu nampak dan dengar di mahkamah-mahkamah ada orang mengambil langkah undang-undang menuntut bayaran komisen atas satu-satu transaksi hartanah ini. Jikalau dengan berkuatkuasanya akta ini, mungkin orang ini akan didakwa di bawah rang undang-undang ini, sebagai menjalankan satu kegiatan menjual atau sebagai orang tengah dalam transaksi ini. Beliau mungkin didenda, mungkin dipenjarakan. Saya nampaklah bahawa dalam konteks ini dia tidak adil bagi orang tengah itu yang memperkenalkan seorang pembeli kepada seorang penjual dalam transaksi ini.

Saya haraplah semasa kita mengambil peluang membahaskan rang undang-undang ini, satu keterangan boleh diberi di mana pada masa-masa kebelakangannya pegawai-pegawai kerajaan atau hakim-hakim di mahkamah boleh mengambil satu keterangan dari apa yang diberi di dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin orang tengah ini tidak boleh diklasifikasi sebagai seorang ejen hartanah. Ia cuma menjalankan sebagai seorang tengah sahaja. Dengan itu saya ucap terima kasih. Sekian.

4.37 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tujuh orang semuanya yang membahaskan pindaan akta ini, iaitu Yang Berhormat dari Senai, dari Balik Pulau, dari

Kemaman, Kota Melaka, Tambun, Mentakab dan akhirnya dari Bagan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah kena pada masa dan tempatnya kerana seperti mana yang kita sedia maklum negara kita sedang membangun dengan pesat, dan di dalam pembangunan ini hartanah sebagai satu sumber ekonomi yang penting, perlu diuruskan dengan kemas kini dan perlu diuruskan mengikut prosedur yang betul dan ditangani oleh orang-orang yang mempunyai profesionisme yang tinggi. Itulah yang diwujudkan ataupun dicadangkan beberapa pindaan kepada beberapa seksyen dalam undang-undang tubuh.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, hartanah sebagai satu sumber ekonomi negara pada masa ini, khususnya di dalam pertumbuhan yang pesat merupakan satu alat yang memisahkan ataupun memperbesarkan jurang di antara yang kaya dan yang miskin, ataupun di antara orang yang berpendapatan rendah dan berpendapatan lebih sedikit. Mengikut apa yang disifatkan oleh beliau minggu sudah, seseorang yang mendapat pendapatan RM1,000 dibandingkan dengan seseorang yang mendapat pendapatan RM3,000 atau RM4,000 jikalau yang mempunyai pendapatan yang tinggi itu mempunyai hartanah dan dispekulasikan sumber hartanah ini di dalam pasaran, maka perbezaan ini akan menjadi apa yang dikatakan dalam matematik, exponential, peningkatan yang exponential, iaitu peningkatan yang terlalu tidak seimbang dan terlalu tinggi.

Ini pastinya akan menambahkan lagi jurang berbezaan pendapatan di negarai kita. Ini adalah benar, kerana hendak kata tidak benar pun, dia profesor ekonomi dan benarlah, kerana dalam keadaan peningkatan hartanah yang ada sekarang dan spekulasi di dalam bidang ini, ditambah pula dengan keghairahan institusi-institusi kewangan seperti bank memberi pinjaman kepada spekulasi ini maka ianya akan menambahkan lagi jurang pendapatan di antara rakyat.

**Dato' Dr. Kamal bin Saleh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Kamal bin Saleh:** Hendak bertanya sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri, apakah ada pemikiran di kalangan kementerian mengenai asset inflation dan spekulasi tanah ini untuk mengkaji syarat-syarat di bawah Real Property Act.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memangnya ada. Kerana kita adalah sungguh peka tentang asset driven inflation yang sedang berlaku. Perkara ini sedang difikir dan dikajikan dan kita dapati bahawa pinjaman-pinjaman yang dibuat terhadap pembelian pemilikan hartanah tidak seharusnya meningkat melebihi 25% daripada keseluruhan pinjaman yang diberi oleh bank dan institusi kewangan. Ini penting sekali, kerana ianya, jikalau bubble ini pecah, maka kita akan menghadapi krisis yang besar seperti mana yang dihadapi di Hong Kong tidak berapa lama dahulu yang meruntuhkan Bank Bumiputera Finance (BMF) dan juga apa yang berlaku di Jepun tidak berapa lama dahulu.

Jadi, untuk menjawab soalan sahabat saya dari Wangsa Maju, memang kita sangat peka tentang hakikat ini. Sebab itulah kita menyarankan supaya perkara ini diambil perhatian agar ianya dapat diuruskan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga bertanya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kerugian yang timbul. Ingin saya nyatakan di sini, berbalik kepada dasar kerajaan, semenjak dahulu lagi kerajaan Perikatan dan juga Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini, kalau Tuan Yang di-Pertua ingat di masa Allahyarham Tun Dr. Ismail, satu cliché yang beliau guna ialah kita membina demokrasi berasaskan kepada pemilikan rumah. Jadi, keadaan ini diteruskan, malah diperhebatkan, dan ianya ditangani bukan sahaja oleh Kementerian Perumahan, tetapi ianya ditangani oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk memastikan bahawa majoriti, kalau tidak keseluruhannya, rakyat negara ini mempunyai rumah dan tanah. Apabila ini berlaku, maka kemungkinan spekulasi mengenai hartanah ini tidak begitu ketara dan tiap-tiap orang mempunyai hartanah.

Spekulasi berlaku apabila berlaku polarisasi pemilikan sumber ini.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nanti sekejap, flow saya sedang baik, jangan ganggu. Jikalau ini kita sama ratakan, pemilikan tanah dan hartanah yang menjadi pencetus kepada aset driven inflasi ini maka ianya tidak mungkin berlaku dengan banyak. Jadi, inilah yang dilakukan oleh pihak

kerajaan dan yang ditekankan oleh pihak kerajaan untuk mensederhanakan kemungkinan naik turun keadaan pasaran hartanah ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin meminta penjelasan mengenai polarisasi pemilikan hartanah ini. Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai usaha dalam perkara ini bersabit dengan pengambilan tanah secara besar-besaran oleh agensi-agensi kerajaan, yang mana agensi-agensi kerajaan itu sendiri pula akan mengambil tindakan spekulatif sehingga menjejaskan pemilikan tanah, terutama bumiputera, terutama di Sabah. Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah supaya tindakan spekulasi action ini tidak diteruskan dan pengambilan tanah yang sedemikian dengan separation land value, dengan izin, kemudian dinaikkan pula begitu tinggi sehingga berlipat kali ganda.

Apakah kerajaan sedar tentang ini di Sabah dan kalau sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk menghentikan keadaan ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tuaran tidak sabar. Saya akan datang kepada perkara itu apabila saya menjawab perbahasan yang dibuat oleh Ahli-ahli yang 7 orang tadi. Apa yang saya sebut tadi ialah pada keseluruhan makro ekonomi bukanlah mengenai masalah sesuatu perkara yang spesifik seperti pengambilan tanah ini. Saya akan datang kepada itu. Yang saya buka tadi ialah mukadimah untuk memberi latar belakang kepada kedudukan pasaran hartanah di negara kita, macam mana kerajaan menangani masalah ini dan saya akan masuk satu demi satu kerana Yang Berhormat dari Balik Pulau, ia bercakap secara keseluruhan bidang ekonomi, ia tidak merujuk kepada perkara-perkara yang spesifik di dalam akta ini. Jadi, saya untuk memberi mukadimah.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Kepong, duduklah dahulu. Saya akan memberi mukadimah ini, selepas itu saya akan masuk Kota Melaka, Bagan, Mentakab dan lain-lain. Jadi, dalam mukadimah ini tidak usah kacaulah lagi. Kepong hendak kacau juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar, walaupun Yang Berhormat minat kepada mukadimah tadi, yang ada

sesetengahnya baik juga, tetapi sesetengahnya tidak membayangkan keadaan yang sebenar seperti di seluruh negara, memandangkan tanah ini adalah di dalam bidang kerajaan negeri, maka timbul masalah.

Walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa itu adalah dasar kerajaan mengenai tanah iaitu mengenai penggunaan tanah itu lebih baiklah, mungkin terbaik sekali di dunia. Itu memang dasar yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di setiap negeri, kadangkala timbul masalah iaitu tanah tidak diuruskan dengan baik, termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Belanjawan - kongkalikung pun mungkin berlaku - itu masalahnya. Masalah bagaimana pihak Kerajaan Persekutuan dapat menyampaikan hasrat dan dapat melaksanakan dasar dengan lebih sempurna. Itu masalah dan mesti di pertimbangkan dengan baik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini pun semacam dengan Tuaran tadi. Saya baru pakai baju bersilat, dia dah bersilat dah! [Ketawa] Saya tak bersilat lagi. Saya baru bubuh baju, dia dah mula dah. Saya akan datang kepada masalah itu Yang Berhormat, sebab saya buka tadi, hanya buka gelanggang sahaja, saya bukan menyebut lagi tentang perkara itu. Memang kita akan mengambil kira masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru saya masuk gelanggang. Saya jawab perkara yang lebih mikro dahulu, iaitu daripada Kota Melaka yang membangkitkan beberapa soalan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya semasa membuat penilaian, jikalau penilaian dibuat tidak dapat, adakah kerajaan akan menyuruh syarikat itu menanggung perbezaannya? Ini satu point, satu perkara yang amat relevan pada masa ini, jawapan saya, bagi pihak kementerian, kerajaan sedang meneliti perkara ini dan kita akan mengkaji tentang perbezaan ini dan akan membuat satu kajian agar satu formula dapat diwujudkan.

Mengenai potongan dan pelanggan membuat 'window shopping', adakah kerajaan akan memberi garis panduan di mana tiada banyak perbezaan supaya perbezaan tidak berlaku begitu ketara, ada kaitan dengan Ahli Yang Berhormat katakan tadi, pihak kerajaan sedang meneliti perkara ini agar satu formula akan dilakukan pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat juga membangkit mengenai dengan penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan sering dipertikaikan dan mempunyai taraf profesionalisme yang tinggi. Ingin saya nyatakan

bahawa penilaian yang dibuat oleh pejabat tanah oleh pihak kerajaan, adalah mengikut apa yang kita kata peruntukan di dalam penilaian tanah seperti 'the current value' ataupun nilai hartanah di sekeliling yang dijual, potensi keupayaan masa hadapan di dalam 'potential earning' dan lain-lain lagi. Jadi, soalnya ialah pihak pejabat tanah membuat penilaian ini tidak lari ataupun tidak melebihi ataupun tidak kurang daripada apa yang diperuntukkan di dalam Akta Pengambilan Tanah.

Tetapi, Yang Berhormat sedia maklum bahawa, orang yang bersangkutan-paut ataupun pemilik tanah yang dinilai itu mempunyai kebebasan untuk mempertikaikan nilai ini dan mereka boleh mempertikaikannya di dalam mahkamah. Dan Yang Berhormat pula mengatakan selalunya mahkamah memihak kepada pihak kerajaan di dalam penilaian ini.

Jadi, di sini saya pun tak berani hendak cakaplah, sebab kebanyakan masa saya bekerja di dalam jabatan kerajaan dahulu, ada yang di mana kerajaan terpaksa menambah dan hendak dikatakan mahkamah satu statement yang general yang mengatakan mahkamah memihak kepada pihak kerajaan, bersetuju dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan adalah tidak berapa tepat, kerana ada di dalam kes-kes yang mana mahkamah menentukan bahawa apa yang dinilai oleh penilai yang ditunjuk oleh mahkamah yang lebih tinggi diikuti. Jadi di sini, kita kata 'the recourse' kepada mahkamah itu wujud untuk sesiapa yang tidak bersetuju dengan penilaian yang dibuat oleh pihak kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bersetuju dengan cadangan saya bahawa apabila syarikat penilaian swasta membuat satu penilaian, mereka mesti berpegang kepada penilaian tersebut dan kalau ia tidak tercapai, mereka akan menanggung perbezaan dan nilai sebenarnya dengan nilai yang mereka anggarkan sebelum itu.

Tetapi pada masa yang sama, kalau kerajaan ingin melaksanakan peruntukan seperti ini ke atas syarikat swasta, saya rasa kita harus mempunyai semangat serupa untuk jabatan kerajaan, kerana seperti yang saya nyatakan tadi, sungguhpun mahkamah kepada bukan semua kes, tetapi biasanya secara am memihak kepada nilai yang dianggarkan oleh pejabat tanah dan saya ingin cadangkan bahawa dalam perkara ini, penilaian yang dibuat, kalau boleh dirundingkan dengan syarikat swasta supaya kita

boleh dapat satu anggaran oleh bukan sahaja syarikat pihak kerajaan tetapi pihak kerajaan selepas dirundingkan dengan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan ini kerana sungguhpun mereka ada ruang untuk membuat rayuan ke mahkamah, tetapi seperti yang saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kosnya amat tinggi. Yang pertama, kita kena keluarkan deposit RM1,500 dengan pejabat dan mesti buat rayuan dalam masa enam minggu dan kena pula minta penilaian daripada syarikat swasta penilai dan juga peguam. Ini bukanlah satu jumlah kos yang rendah. Saya rasa ia merupakan satu beban yang amat tinggi kepada tuan punya tanah khususnya mereka yang datang dari golongan yang tidak berada.

Oleh sebab itu, kalau kita boleh adakan satu estimate yang lebih munasabah iaitu selain daripada pihak kerajaan, tetapi campur dengan pihak swasta, saya rasa kita boleh mengelakkan rayuan atau masalah bayaran pampasan yang kurang munasabah dan tidak adil kepada tuan punya tanah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah membuat satu cadangan yang mungkin tidak dapat diterima oleh kerajaan kerana kerajaan sendiri mempunyai unit penilaian tanah di Jabatan Penilaian, hendak merunding dengan swasta, mungkin kalau begitu Yang Berhormat mencadangkan penswastan penilaian hartanah seluruhnya, itu bolehlah. Kalau hendak runding dengan swasta, ini merupakan satu perkara yang bertindih.

Jadi, kalau kekallah pejabat penilaian kerajaan membuat penilaian berapa ribu ringgit, dia hendak kena runding pula dengan swasta, jadi, ini berlaku satu redundancy yang merugikan negara iaitu efficiency tidak berlaku dan akhirnya keseluruhan negara rugi.

Jadi, di sini mahkamah, jikalau seseorang perayu itu dia betul-betul serius, dia hendak takut apa bubuh deposit RM1,500 di dalam mahkamah? Jadi, kalau dia tahu, kalau dia pasti bahawa nilai tanah sebenarnya adalah melebihi RM1,500 dan desposit itu boleh didapati balik, deposit itu hanya untuk memastikan bahawa dia serius di dalam usahanya untuk membuat litigasi mengenai tanahnya.

Jadi, kalau katalah tanah saya dinilai 1/10 daripada harga yang sebenarnya, saya berani letakkan RM1,500 deposit dan saya akan lawan. Tetapi soal Yang Berhormat hendak suruh kita runding dengan pihak swasta dan menentukan nilai

yang muktamad, maka itu akan menjadi satu perkara yang redundan, dengan izin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya sebutkan ialah bukan pihak tuan punya tanah yang kaya. Tetapi, pada golongan yang miskin, kalau RM1,500, itu saya rasa satu masalah besar kepada golongan yang miskin. Saya bercakap berkenaan dengan perkara ini bukan secara sendiri, kerana saya pernah menguruskan satu kes di Air Keroh, di mana tentang nilai pokok, nilai rumah papan, dia tak puas hati dan saya tengok, saya pun rasa tak puas hati.

Akhirnya bila mahkamah putuskan, dia ada menambah sekali ganda, apa yang telah dicadangkan oleh pejabat tanah, tetapi untuk dapat RM1,500, kita kena kumpulkan wang daripada jiran-jirannya supaya dia boleh membuat rayuan dan saya rasa dalam kes ini mungkin dia bernasib baik kerana jiran-jirannya menerusi usaha kami, jiran-jirannya dapat mengumpulkan wang untuk menolongnya, tetapi, saya rasa ada banyak kes yang lain di mana mereka tak bernasib baik untuk mengeluarkan RM1,500 dan kalau ada satu projek penswastan tanah yang begitu besar, macam di Air Keroh di mana semua tanah habis diambil oleh kerajaan yang melibatkan beratus-ratus keluarga, saya rasa itu bukan satu jumlah yang kecil untuk setiap keluarga, beratus-ratus keluarga RM1,500.

Apabila saya cadang penswastan, saya bukan menyatakan bahawa swasta yang memutuskan, tetapi merundingkan dengan mereka supaya mereka dapat gambaran yang lebih luas sedikit. Kerana pembangunan tanah bukan sekadar itu, tetapi di sekeliling kawasan yang diambil alih atau terjejas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam penilaian hartanah, ianya bukan merupakan sebagaimana yang kita bincang dahulu, bukan merupakan exact science, ini adalah social science yang disumber ekonomiks dan ianya mempunyai elemen-elemen subjektif yang banyak.

Jadi, di sini untuk memuaskan setiap orang mengenai dengan hartanahnya, nilai hartanya tidakkan habis Yang Berhormat. Saya pun biasa masa saya bekerja dengan kerajaan dahulu, saya pun mempunyai merit untuk membela orang-orang marhain juga, biasa di dalam hal ini yang mana nilai hartanah ini, kita sendiri memikirkan bahawa tidak cukup, perlu diberi, macam Ahli Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan hal tadi.

Saya dari segi subjektif, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, kita tidak boleh hanya menilai dari kos bahan dan juga upah. Sebenarnya, apa yang dibangkitkan dari segi historical cost kena dimasukkan. Macam dia kata, bapanya datang dari China dahulu membuat saluran air, menambun jalan, kita perlu melihat historical cost.

Jadi, di dalam historical cost ini, boleh dilitigasikan dalam mahkamah apabila kita buat. Saya fikir perkara ini boleh dilitigasikan dan dapat hakim yang mempunyai kearifan yang tinggi, pasti dia mengetahui dan mengapresiasi masalah ini. Kalau saya subjektif, dari segi harga kalau hendak ikut, harga bahan yang dinilai masa itu tidak sama dengan harga bahan yang dibuat semula sebab 'depreciation' berlaku. Jadi, tanah, rumah yang dibuat dulu tidak tetapi dalam soal ini, soal inilah yang kita terpaksa rujuk kepada pihak yang ketiga iaitu mahkamah. Soalnya, apakah kita akan dapat keseluruhan kepuasan hati itu? Saya fikir di dunia ini tidak dapatlah. Cuma tunggu di syurga sahaja kita akan dapat kepuasan hati keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan mengenai penalti apabila undang-undang ini diluluskan. Pada hukuman-hukuman yang dikenakan dan meminta dilonggarkan syarat-syarat pada mereka yang sudah lama, ini dipertimbangkan. Peperiksaan dalam beberapa bahasa, tetapi kalau seseorang itu berumur 40 tahun, saya fikir dia boleh menguasai bahasa Malaysia. Tetapi, kalau berumur 50 tahun mungkin tidak, ini akan dapat kita pertimbangkan dan teliti.

Yang Berhormat juga minta kerajaan campur tangan ke atas komisen kepada ejen. Ini mungkin Yang Berhormat tersilap, kerana mengikut apa yang saya diberitahu oleh pihak pegawai bahawa ejen-ejen itu sendiri sebenarnya adalah pemilik, pemegang ekuiti syarikat-syarikat penilai. Jadi, sebenarnya tidak berlaku kita kata potongan. Dia memang mendapat sebahagian besar atau 100% kepada fee, nilai itu. Mungkin Yang Berhormat merujuk kepada negotiator tadi, sub-sub ejen, itu bolehlah. Tetapi Yang Berhormat sebut tadi ejen. Jadi, di sinilah boleh dipertimbangkan masalah ini iaitu kadang-kadang dia dapat 30%, ejen dapat, atau syarikat mendapat lebih banyak lagi. Jadi, perkara ini adalah perkara yang kecil yang kita dapat selesaikan bukan melalui rang undang-undang tetapi melalui pertimbangan pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan beberapa perkara.

Tetapi sebelum itu untuk berlaku adil kepada Ahli Yang Berhormat dari Nilai yang bercakap sebulan yang lalu, ingin saya menjawab. Walaupun dia tidak ada di sini, beliau adalah orang yang pertama bercakap mengenai isu yang beliau bangkit iaitu terdapatnya ejen-ejen hartanah yang tidak berlesen berada dalam pasaran dengan harapan mendapat 'big money'. Mereka sanggup melakukan apa sahaja dengan tujuan memperolehi keuntungan dalam masa yang singkat.

Untuk mengatasi masalah ini, ingin saya nyatakan bahawa pihak Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah memang telah memasukkan peruntukan yang memberi kuasa yang lebih luas kepada pihak polis dan juga pihak lembaga, pegawai-pegawai dalam mengambil tindakan ke atas aduan-aduan daripada pihak orang ramai ataupun dari pihak lembaga sendiri kepada polis.

Rang undang-undang ini telah mencadangkan denda yang akan dikenakan ke atas ejen-ejen yang tidak berlesen sekiranya disabitkan kesalahan dan dendanya adalah sebanyak RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sebagaimana yang dikatakan terlalu berat oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya rujuk tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Nilai juga mencadangkan supaya kerajaan memutuskan bahawa transaksi yang diuruskan oleh ejen tanpa lesen tidak sah dari sisi undang-undang termasuk komisen kepada mereka. Iaitu transaksi yang telah berlaku. Kerajaan berpendapat, Tuan Yang di-Pertua bahawa cadangan Yang Berhormat adalah sangat luas dan amat sukar dikuatkuasakan oleh kerana selain daripada ejen-ejen hartanah, tuan-tuan tanah dan bangunan serta pemaju sendiri dibenarkan memasarkan dan menjual hartanah ataupun harta-harta mereka. Jadi, sekatan yang dipohon akan menyekat semua pindah hak milik seperti itu. Jadi, di sini permintaan ini adalah terlalu luas dan terlalu susah untuk dilaksanakan penguatkuasaannya.

Mengenai saranan supaya pihak kerajaan bersedia untuk menghadapi cabaran membuka pasarannya kepada warganegara asing di dalam profesion penilaian dan ejen hartanah mengikut GATT. Isu ini memang di dalam pertimbangan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan berpendapat bahawa profesion penilaian dan ejen hartanah adalah merupakan profesion yang masih baru di negara ini. Seperti mana yang saya katakan tadi, awal-awal tadi ia merupakan satu bidang yang baru. Ianya memerlukan sedikit perlindungan dari segi

undang-undang. Jadi, kita tidaklah boleh buka sewenang-wenangnya kepada kehendak-kehendak WTO ataupun triti-triti antarabangsa yang telah kita sendiri menerimanya pada masa awalan. Profesion-profesion lain seperti jurukur tanah, jurukur bahan pun mempunyai syarat kewarganegaraan di dalam akta-akta mereka.

Cadangan pindaan peruntukan ini adalah supaya kita dapat menyamakan peruntukan-peruntukan supaya terdapat satu dengan izin, 'level playing field'. Kemudian sekiranya lain-lain profesion dikehendaki melonggarkan peruntukan ini, ianya juga akan diambil tindakan untuk akta ini seterusnya.

Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya menghadkan ejen hartanah asing daripada bertindak sebagai ejen hartanah di negara ini tanpa menubuhkan sebuah syarikat di sini. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang disyorkan di dalam rang undang-undang ini akan menghadkan ajen-ajen asing daripada memasarkan hartanah asing di sini tanpa melalui ejen hartanah tempatan. Pihak lembaga juga telah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perlakuan-perlakuan ejen-ejen asing sebelum ini. Pada ketika ini, mana-mana agen asing yang menjalankan aktiviti pemasaran hartanah di Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada pihak lembaga. Mereka juga perlu mendapat perkhidmatan ejen-agen hartanah tempatan sebelum mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan.

Mengenai perkara program pelajaran secara paksaan untuk penilai, pentaksiran hartanah yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa sememangnya ianya sudah menjadi hasrat oleh pihak lembaga memperkenalkan program-program Compulsory Professional Development ataupun CPD, dengan izin, untuk semua profesion yang dikawal selia oleh lembaga ini. Ianya akan dilaksanakan selepas rang undang-undang ini menjadi akta.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman yang bertanya beberapa soalan mengenai tindakan yang telah diambil oleh lembaga terhadap ejen hartanah ke atas penyelewengan dan perlakuan yang tidak berkaitan dengan kehendak lembaga, kehendak akta. Sebenarnya pada masa ini Yang Berhormat, amaran telah diberi kepada 200 orang ejen, dibatalkan pendaftaran 10 orang, pendaftaran ditangguh 27 orang, amaran yang berekod 35 orang. Inilah tindakan yang telah pun diambil oleh pihak lembaga ke atas ejen-ejen yang melakukan dengan izin, 'deviation' daripada kehendak akta.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga mencadangkan lembaga menubuhkan institusi sendiri untuk kursus ejen hartanah penilaian iaitu menubuhkan unit. Memang saya sebutkan tadi mengenai CPD yang telah dicadangkan oleh pihak lembaga dan tugas lembaga adalah memastikan menjalankan kerja-kerja regulatory dan juga kerja-kerja pembangunan seperti mana yang dikehendaki dan disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya institusi yang memberi kursus dalam bidang penaksiran hartanah. Yang ada dalam negara kita ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Teknologi Mara (ITM) dan beberapa institut lagi yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga membawa masalah bogus agent. Untuk menjawab soalan ini, ingin saya nyatakan dalam akta terdapat peruntukan untuk membolehkan pihak lembaga dan polis bertindak seperti mana kita memperluaskan, yang mana polis boleh bertindak, boleh masuk kepada mana-mana premis dengan waran ataupun tanpa waran. Dendanya saya telah sebut tadi.

Mengenai dengan membentuk unit khas. Pada masa sekarang tidak ada unit khas, perkara ini boleh dipertimbangkan, jikalau masalahnya banyak dan ada rasional untuk dilakukan. Amalan-amalan yang tidak etika, lembaga sedang dan akan mengambil tindakan-tindakan mengikut undang-undang seperti mana yang diperuntukkan oleh akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan beberapa isu yang sungguh relevan yang patut diambil tindakan. Untuk saya menjawab satu persatu tidak dapat saya jawab, tetapi segala pandangan Ahli Yang Berhormat yang bernas itu akan diteliti dan diambil kira oleh pihak lembaga, kerana sebagaimana yang kita tahu Ahli Yang Berhormat mempunyai dengan izin, first hand knowledge, kerana beliau adalah bekas seorang banker, sebelum menjadi Ahli Parlimen, tidak payah saya sebut satu persatu dalam hal ini dan kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan. Mengenai dengan Yang Berhormat dari Bagan tadi, saya setuju dengan Yang Berhormat dari segi substansinya, iaitu perlu diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga membangkitkan masalah spekulasi.....

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sentuh berkenaan dengan 'orang tengah' dan bukan ejen hartanah, macam mana statusnya?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu saya setuju. Kalau orang tengah itu dia melakukan transaksi, maksudnya dia melakukan kerja ejen dan jikalau dia tidak mempunyai lesen Yang Berhormat, maka dia tertakluk kepada peruntukan yang diadakan di dalam akta ini. Jadi, kalau orang tengah itu melakukan transaksi, maka dia adalah menjadi ejen yang haram sebab dia tidak ada lesen. Oleh itu, jangan jadi orang tengahlah.

Ahli Yang Berhormat adalah seorang yang percaya kepada ekonomi sosialisme. Jadi, orang tengah ini adalah tidak baik, jadi kita tidak perlu ada orang tengah.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin memperbetulkan sedikit bukan 'sosialisme' tetapi 'sosial demokrasi', di mana orang tengah pun memainkan peranan yang sangat penting. Tetapi di sini kita cakap dari segi spekulatif elemen yang perlu untuk memberangsangkan pasaran hartanah. Kalau rang undang-undang ini diluluskan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah ejen hartanah yang ada sekarang dalam negara kita dan kalau kita hanya membenarkan ejen hartanah yang ada untuk menjalankan semua urusan penjualan tanah dan sebagainya, adakah ia akan membawa satu kesan yang negatif kepada negara kita?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberitahu berapa ribu orang ejen hartanah dalam negara kita. Tetapi seperti mana kata Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri, lagi banyak lagi liquid dalam keadaan spekulasi yang akan berlaku. Dan di dalam mana-mana pasaran, elemen-elemen spekulasi perlu ada, tetapi kita perlu memastikan bahawa spekulasi ini tidak keluar atau tidak melampaui batasnya. Kalau ianya berlaku terlalu banyak spekulasi. Maka akan berlaku apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi iaitu masalah asset driven inflation. Jadi, di sini perimbangan kebolehan kita mengimbangkan spekulasi, pada satu tahap adalah baik untuk to deepen the market, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada tahap yang melebihi tahapnya, maka ianya akan membawa akibat yang buruk.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa pindaan yang dibawa di dalam rang undang-undang ini ialah untuk mendisiplinkan spekulasi ini. Kalau kita membiarkan semua orang boleh menjadi orang tengah seperti mana Yang Berhormat dari Bagan kata tadi, kita pun hendak menjadi orang tengah, kerana di dalam keadaan booming ataupun peningkatan pasaran hartanah sekarang, komisennya cukup baik. Kalau tadi dikatakan daripada RM300,000 selepas beberapa tahun sudah menjadi RM5.6 juta, bagaimana.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** .....nanti saya habiskan dahulu. Begitu besarnya komisen yang kita akan dapati. Jadi, semua orang akan menjadi middle man. Jadi, di sinilah yang mana di dalam peruntukan yang di dalam seksyen 21 dalam rang undang-undang ini kita memastikan ejen-ejen itu dikawal melalui certificate yang mana sebelum dia mendapat certificate, dia perlu menduduki beberapa peperiksaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dari segi bubble economy and asset driven inflation, memang ia merupakan satu masalah besar yang boleh mengancam kestabilan ekonomi. Tetapi kalau kita lihat pengalaman Jepun, saya rasa apabila dengan izin, bubble itu burst, itu bukan disebabkan oleh kerana ejen hartanah tidak bertauliah. Itu bukan isunya dan di sini saya rasa kalau dikaitkan bubble economy sama ada atau tidak ada, kita mentauliahkan ejen hartanah, saya rasa tidak berapa tepat. Apa yang kami di sini hendak tegaskan ialah, apabila bercakap tentang tanah orang tengah atau negotiators seperti ungkapan yang digunakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tentang peringkat bawahan di dalam kampung-kampung, kampung baru atau di bandar-bandar iaitu tentang tanah yang kecil bukan 'mega deal'. Kalau 'mega deal' mereka ini semua perlukan ejen hartanah. Tetapi orang tengah, untuk peringkat bawahan.

Di sini yang kita bimbang ialah satu dari segi peluang yang akan kurang dan yang kedua tentang pendapatan untuk orang-orang tengah ini, yang peringkat 'ikan bilis' bukan 'ikan yu'.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ada dua soalan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, Yang Berhormat kata ejen hartanah bukanlah merupakan faktor yang membawa kepada pecahan kepada bubble. Yang sebenarnya terlalu banyak ejen hartanah ini, ialah ia memobilisasikan pasaran. Walaupun dia tidak merupakan sebagai direct factor, tetapi ia indirect, kerana kalau lagi banyak ejen, lagi banyak benda yang dibawa dalam pasaran. Jadi, di sini Yang Berhormat tidak begitu tepat mengatakan 'tidak disebabkan'.

Mengenai dengan 'ikan bilis' ini Yang Berhormat, saya fikir dalam hal-hal ini peranan orang tengah, kalau di kampung kita panggil 'broker' tanah. Broker tanah ini memainkan satu peranan yang baik, tetapi kita dapat teliti juga dan kalau diteliti betul-betul, broker tanah ini selalunya melakukan perkara-perkara yang tidak diingini, maklumat-maklumat yang diberi tidak betul, dia mengambil lebih daripada perentasenya. Jadi, di sini pun ada masalah juga, kalau boleh, rakyat yang marhaen, yang hendak jual tanah, jual terus dengan..... mungkin juga dia tidak tahu mengenai dengan proses-proses transaksi, tetapi ingin. saya nyatakan di sini kebanyakan broker pun tidak tahu, cara-cara membuat agreement tanah dan sebagainya. Akhirnya dia terpaksa pergi kepada lawyer juga. Dia hanya membawa pembeli dan penjual, dia sendiri tidak tahu. Jadi, perlukah dia wujud kerana dia sendiri tidak tahu? Dia hanya orang yang membawa pembeli dengan penjual, tetapi akhirnya kena pergi kepada pejabat lawyer juga hendak menandatangani - jadi tidak perlu. Oleh itu, persoalannya Yang Berhormat ada 'ying' dengan 'yangnya' jugalah, antara dua perimbangan.

Berbalik kepada Yang Berhormat Tuaran, dia hendak membangkitkan sangat tadi iaitu mengenai dengan soal agensi-agensi kerajaan yang menyumbang....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Duduk! Masa tidak ada. Saya akan jawab. Saya faham apa Yang Berhormat tanya tadi, iaitu yang menyumbang kepada elemen spekulasi ini.

Saya fikir untuk Yang Berhormat menyatakan macam SCDC dan agensi-agensi lain-lain lagi, yang menyumbang kepada inflasi ini, saya fikir ianya tidak begitu tepat, kerana apa yang diambil oleh pihak

kerajaan berasaskan kepada penilaian dan apa yang dijual pun, kebanyakan SCDC menjual kepada harga yang lebih murah daripada pemaju-pemaju swasta - itu Yang Berhormat menuduh. Spekulasi kalau hendak didefinisikan ialah perletakan harga yang melebihi daripada rasional, yang melebihi daripada untung yang sepatutnya didapati.

Jadi, saya pasti kalau mana-mana SDC di negara ini melakukan itu ianya akan diambil tindakan oleh kerajaan negeri. Ianya melanggar dasar-dasar kerajaan negeri dan juga kerajaan negara untuk menolong orang. Jadi, Yang Berhormat kena tunjuk buktilah di mana, kita senang sahaja membuat tuduhan tetapi kena ada bukti.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jadi, soal spekulasi itu tidak timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuaran bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya beri peluang yang akhir.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Dato', mengenai tindakan spekulasi tidak semestinya ia semata-mata timbul daripada meletakkan harga atau nilai yang tinggi. Ada satu lagi faktor yang boleh menyebabkan harga tanah itu timbul, di mana walau tidak ada pembangunan pun di situ, pihak kerajaan negeri mengatakan ada pembangunan di situ yang akan berlaku dan justeru itu orang tahu bahawa ada sesuatu yang akan economic activities akan berlaku di situ. Pada hal dia, it will not take place tetapi orang yang mahu membeli tanah akan datang untuk membeli di situ. Adakah ini satu kegiatan yang sihat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan negeri kata akan berlaku pembangunan, akan berlaku. Yang akan melakukan pembangunan ialah kerajaan negeri walaupun dibuat oleh swasta kerajaan negeri juga yang akan meluluskannya. Jadi, Yang Berhormat membuat statement kata kerajaan negeri hendak melakukan pembangunan tetapi tidak ada, itu tidak betul.

Kalau kerajaan negeri, ia di dalam master plan, di dalam structure plan, mana-mana telah ada dan dia kata ada, ada. Sekarang tidak ada lagilah mungkin dalam perancangan Rancangan Malaysia Ketujuh dalam masa tiga bulan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Mentakab, saya akan datang pada Mentakab.

Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab telah membangkitkan beberapa perkara yang bernas, satu daripadanya beliau telah bertanya mengenai perlantikan negotiator oleh ejen hartanah. Ingin saya nyatakan di sini bahawa negotiator adalah pegawai yang digaji oleh ejen hartanah untuk membantu ejen itu sendiri, dia yang mendapat komisen. Gaji mereka adalah tertakluk kepada perjanjian antara ejen dan negotiator tidak membangkit soal penekanan. Kalau dia hendak jadi negotiator dan dia terima negotiator itu, maksud dia terima tahap gaji yang hendak diberikan ataupun komisen yang diberikan kepadanya. Kalau dia tidak terima, dia cari ejen lainlah.

Jadi, soal ini sudah berjawab dengan penerimaannya sebagai negotiator dan mengenai dengan cukai keuntungan hartanah Yang Berhormat bangkitkan itu.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Apakah syarat-syarat untuk pendaftaran sebagai ejen hartanah percubaan? Adakah pindaan-pindaan ini berhasrat menjadikan ejen hartanah percubaan juga berkongsi sebagai sub-ejen? Bolehkah dia bekerja sebagai sub-ejen pada ejen yang berdaftar?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Seperti mana yang tersebut dalam Seksyen 21 dalam pindaan ini, syarat-syaratnya kena ambil peperiksaan yang dikhas, yang disediakan oleh pihak Lembaga ada dalam rang undang-undang ini. Yang Berhormat tanya tadi, apa syarat boleh jadi sub-ejen. Dia sudah jadi ejen hendak jadi sub-ejen buat apa lagi.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Boleh tak dia, sebagai sub-ejen kepada ejen hartanah?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Siapa tu?

**Tuan Fu Ah Kiow:** Itu ejen hartanah percubaan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ejen hartanah percubaan. Dia memang ejen dalam percubaan, pasal apa dia hendak jadi sub-ejen lagi, dia memang ejen dalam percubaan. Sebagai

seorang inspektor dalam percubaan, dia sudah menjadi inspektor dah, cuma percubaan kalau dia diberi tempoh masa, kalau dia menjalankan kerja dengan elok, dia akan di'confirm'kan. Macam Yang Berhormat dahulu ataupun saya dahulu sebagai pegawai agronomis percubaan selama dua tahun, memang saya dapat gaji sepenuhnya. Cuma kalau saya tergelincir sedikit maka saya tidak akan di'confirm', itu sahaja.

Yang Berhormat juga membangkit mengenai dengan keuntungan cukai hartanah. Yang Berhormat, ini memerlukan pindahan kepada akta berkenaan dan pihak kerajaan akan mengkajikan perkara ini. Sebenarnya ia tidak ada dalam rang undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Mentakab juga membangkitkan mengenai penilai ejen harta asing, saya telah menjawabkan tadi di dalam jawapan kepada Senai.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya berikan, yang mana, yang tidak dapat saya jawab di dalam jawapan penggulangan saya ini, saya dan pegawai-pegawai saya yang ada daripada Jabatan Penilaian akan mengambil perhatian dan akan cuba memperbaiki usaha kerajaan untuk mengemaskinikan pengurusan penilaian dan penaksiran hartanah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANGUNDANG-UNDANG KESELAMATAN  
SOSIAL PEKERJA**

**(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 merupakan sebuah undang-undang untuk melindungi pekerja-pekerja berinsurans terhadap kejadian-kejadian luar jangka bencana kerja, termasuk kemalangan yang berlaku semasa orang berinsurans itu dalam perjalanan mengikut laluan dari rumah ke tempat kerjanya dan balik atau dalam perjalanan dari tempat kerjanya ke tempat makannya dan balik ke tempat kerjanya dalam masa rehat yang dibenarkan atau dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya dan penyakit khidmat, keilatan dan kematian akibat dari sebarang sebab.

Sebagai sebuah undang-undang yang memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di negara ini, Kementerian Sumber Manusia sentiasa sedar akan perlunya undang-undang itu diperbaiki dari semasa ke semasa supaya ianya sesuai dengan perkembangan dan perubahan ekonomi dan masyarakat semasa. Hakikat ini dapat dibuktikan dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada akta ini sebanyak enam kali dan kali terakhirnya ialah dalam tahun 1992.

Pada kali ini, pindaan-pindaan penting yang dicadangkan terhadap akta ini berhasrat untuk -

**Pertama,**

membenarkan orang berinsurans yang ditimpa bencana kerja disebabkan oleh kemalangan kenderaan motor atau tanggungannya menuntut pampasan atau ganti rugi terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987;

**Kedua,**

membolehkan mana-mana orang yang berhak mendapat apa-apa faedah di bawah akta itu mendapat apa-apa faedah yang serupa yang

dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain;

**Ketiga,**

mengadakan kemudahan pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seorang orang berinsurans;

**Keempat,**

menaikkan tempoh hukuman dan amaun denda yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah;

**Kelima,**

memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengenakan fee atau caj ke atas pemberian apa-apa maklumat atau dokumen yang berada dalam jagaan PERKESO; dan

**Keenam,**

meningkatkan lagi kualiti pentadbiran PERKESO di samping memperkukuhkan pelaksanaan akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Fasal 3 mencadangkan pindaan kepada seksyen 31 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk membenarkan orang berinsurans yang ditimpa bencana kerja disebabkan oleh kemalangan kenderaan motor atau orang tanggungannya menuntut pampasan atau ganti rugi daripada majikan orang berinsurans atau pengkhidmat majikan orang berinsurans itu yang dikehendaki diinsuranskan terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pada masa ini, orang berinsurans yang ditimpa bencana kerja disebabkan oleh kemalangan kenderaan motor atau orang tanggungannya tidak dibenarkan menuntut pampasan atau ganti rugi daripada majikan orang berinsurans itu atau pengkhidmat majikan orang berinsurans itu walaupun majikan orang berinsurans itu atau pengkhidmat majikan orang berinsurans itu ada mengambil polisi insurans terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, orang berinsurans yang ditimpa bencana kerja dalam keadaan sedemikian atau orang tanggungannya boleh menuntut pampasan atau ganti rugi daripada majikan orang berinsurans itu atau pengkhidmat majikan orang berinsurans itu terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Seterusnya, Fasal 4 mencadangkan pindaan kepada seksyen 42 untuk membenarkan orang yang berhak mendapat apa-apa faedah yang diperuntukkan di bawah akta ini menerima faedah yang serupa yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Pada masa ini, orang-orang yang berhak mendapat apa-apa faedah yang diperuntukkan di bawah akta ini tidak dibenarkan menerima faedah yang serupa yang dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain. Pindaan ini mencadangkan supaya orang-orang yang berhak mendapat apa-apa faedah di bawah akta ini dibenarkan juga menerima faedah yang serupa yang dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

Fasal 5 mencadangkan suatu seksyen 57A baru dengan tujuan untuk mengadakan kemudahan pendidikan kepada anak tanggungan seseorang orang berinsurans. Dengan adanya kemudahan sedemikian, ianya dapat memperbaiki lagi kemudahan yang sedia ada. Kemudahan ini adalah dalam bentuk pinjaman atau biasiswa dan diberi kepada anak-anak tanggungan orang berinsurans yang menerima pencen ilat atau bayaran berkala faedah hilang upaya kekal, dan yang mati akibat bencana kerja atau semasa menerima pencen ilat atau sebelum mencapai umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat kelayakan caruman yang ditetapkan. Terma-terma serta syarat yang wajar dikenakan akan juga diadakan.

Fasal 7 pula mencadangkan pindaan kepada seksyen 59B dengan tujuan antara lain untuk membolehkan Menteri Sumber Manusia melantik mana-mana orang yang sesuai menjadi Pengerusi Lembaga PERKESO, menambah bilangan anggota dan mengadakan Ahli Silih Ganti Lembaga PERKESO.

Bilangan anggota Lembaga PERKESO pada masa ini ialah sebelas orang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia sebagai Pengerusi, Ketua Pengarah PERKESO sebagai Timbalan Pengerusi, seorang pegawai mewakili Kementerian Kewangan, empat orang mewakili majikan-majikan dan empat orang mewakili orang-orang berinsurans.

Oleh kerana PERKESO adalah sebuah badan berkanun di bawah pengawasan Kementerian Sumber Manusia, adalah difikirkan kurang sesuai Ketua Setiausaha Kementerian menjadi Pengerusi Lembaga PERKESO pada masa yang sama. Adalah juga dirasakan bahawa Ketua Pengarah PERKESO

yang mana adalah Ketua Eksekutif PERKESO tidak seharusnya bertindak sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga PERKESO memandangkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh kedua-dua jawatan itu.

Di samping itu, memandangkan rancangan keselamatan sosial di negara ini akan terus berkembang dan untuk meningkatkan lagi kualiti pentadbirannya, adalah wajar Lembaga ini diperkukuhkan dengan menambah bilangan anggotanya. Begitu juga, ada kalanya setelah menetapkan tarikh mesyuarat Lembaga, wakil majikan atau wakil pekerja tidak hadir mesyuarat kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, untuk membolehkan mesyuarat Lembaga berjalan pada tarikh yang telah ditetapkan dan dengan keanggotaan sepenuhnya, adalah wajar Ahli Silih Ganti diadakan bagi wakil majikan dan pekerja.

Pindaan ini mencadangkan supaya Menteri Sumber Manusia melantik seorang yang sesuai menjadi Pengerusi Lembaga PERKESO. Bagaimanapun, seorang wakil daripada Kementerian Sumber Manusia akan juga menjadi anggota Lembaga PERKESO, manakala Ketua Pengarah PERKESO akan menjadi anggota Lembaga PERKESO sahaja. Keanggotaan Lembaga PERKESO juga ditambah dengan seorang pegawai mewakili Kementerian Kesihatan dan tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan sosial yang akan dilantik oleh Menteri Sumber Manusia menjadikan jumlah semuanya 16 orang berbanding dengan 11 orang sekarang. Orang-orang sedemikian akan dapat memberi kepakaran mereka mengenai dasar-dasar kerajaan berhubung dengan perkhidmatan sosial, kesihatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan sosial. Ahli Silih Ganti juga diadakan bagi wakil majikan dan pekerja.

Seterusnya, Fasal 8 mencadangkan pindaan kepada seksyen 59C untuk membolehkan Menteri Sumber Manusia melantik mana-mana orang untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.

Fasal 10 mencadangkan pindaan kepada seksyen 71 untuk membolehkan kumpulan wang PERKESO digunakan bagi maksud memberi faedah pendidikan. Berikutan cadangan untuk memberi pinjaman atau biasiswa pendidikan kepada anak tanggungan orang berinsurans, adalah perlu suatu tabung diwujudkan dengan menggunakan kumpulan wang PERKESO.

Fasal 13 dan Fasal 14 mencadangkan supaya pindaan dibuat untuk menaikkan tempoh hukuman penjara dan amaun denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 93 dan 94 daripada enam bulan kepada dua tahun dan amaunnya daripada RM2,000 kepada RM10,000. Ini kerana tempoh hukuman dan amaun denda yang sedia ada tidak lagi berkesan sebagai langkah pengajaran dan pencegahan.

Di bawah Fasal 15, pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia membuat peraturan-peraturan bagi mengenakan fee atau caj ke atas pemberian apa-apa maklumat atau dokumen yang berada dalam jagaan PERKESO. Tujuan mengenakan bayaran ke atas perkhidmatan berkenaan adalah untuk menampung sebahagian kos perkhidmatan dan untuk mengelakkan pembaziran serta menjimatkan perbelanjaan. Bagaimanapun, kadarnya akan ditetapkan pada paras yang berpatutan dan ianya tidak akan membebankan orang ramai.

Fasal 16 pula bertujuan meminda seksyen 110(2) untuk membolehkan hukuman maksimum penjara dua tahun dan denda RM10,000 dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini seperti sengaja menghalang disampaikan atau dipatuhi apa-apa saman PERKESO atau abai hadir dan mengemukakan dokumen-dokumen sebagaimana yang dikehendaki dalam saman itu apabila disaman. Pindaan ini juga sekali gus memberi kuasa kepada pegawai-pegawai PERKESO untuk mendakwa majikan-majikan yang ingkar. Pada masa ini, kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 110(2) itu hanya boleh dihukum mengikut peruntukan dalam Bab X Kanun Keseksaan di mana kuasa untuk mendakwa ialah pada pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia akan sentiasa memperbaiki Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dari semasa ke semasa supaya ianya sesuai dengan peredaran masa dan keperluan semasa para pekerja. Sesungguhnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja akan meningkatkan lagi kualiti pentadbiran PERKESO dan memperkukuhkan penguatkuasaan akta ini, tetapi akan menambahkan lagi faedah kepada orang berinsurans dan tanggungannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

5.40 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk membahas rang undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada beberapa cadangan yang dibuat tadi oleh Yang Berhormat, seperti menubuhkan Tabung Pendidikan adalah satu cadangan yang baik untuk membantu golongan penakat, mereka yang bergantung kepada pekerja-pekerja yang menghadapi kemalangan. Tetapi di sini saya ingin membuat satu cadangan tentang quantum bayaran yang dibuat oleh SOCSO, saya rasa haruslah dikaji semula. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadar minimum yang dibayar kepada para pekerja atau mereka yang hilang upaya, ilat dan lain-lain adalah RM8.00 sehari. Kalaulah negara kita telah menetapkan kadar kemiskinan setakat RM500 sebulan dan wang ini adalah yang hanya boleh dibayar kepada seseorang yang mungkin merupakan, dengan izin, soul breadwinner, pihak yang menanggung segala perbelanjaan keluarganya, saya rasa ini adalah tidak mencukupi.

Kalau dikira RM8.00 sehari minimum bayaran oleh SOCSO, untuk satu bulan 30 hari, saya tak berapa pasti sama ada akan dikira setakat 30 hari atau 20 hari working days. Sungguhpun genap 30 hari untuk sebulan, ini hanya RM240 sebulan sahaja. Ini adalah jauh lebih rendah daripada RM500 sebulan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan sebagai tahap dan kadar kemiskinan. Saya tidak mempertikaikan keikhlasan SOCSO dalam perkara ini, tetapi secara dasar pihak kerajaan harus mengkaji semula quantum bayaran ini, kerana ia sudah ketinggalan zaman. RM8.00 atau RM240 sebulan, saya rasa jauh rendah kalau berbanding dengan tahap RM500 sebulan kadar kemiskinan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Seperti yang sedia diketahui juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila seseorang menghadapi kemalangan, saya rasa kalau gajinya tidak berapa tinggi dan dia hanya bayar sekadar

RM8.00 tambah dengan kos perubatannya, saya rasa itu memang tak mencukupi. Sungguhpun mungkin ada concern medical allowance RM500 saya rasa itu pun tak cukup, RM500 maksimum. Itu pun tak cukup.

Oleh sebab itu, saya rasa adalah perlu bahawa jumlah ini dikaji semula. Kalau kita benar-benar hendak menepati hasrat masyarakat penyayang, saya rasa kalau boleh, saya tak tahu sama ada ia memerlukan rang undang-undang atau tidak. Kalau tidak, saya harap satu arahan boleh dikeluarkan oleh menteri dan pihak DAP tentu akan menyokong. Tetapi kalau perlukan satu pindaan rang undang-undang, saya harap ia boleh dibawa dengan secepat mungkin. Kerana ia adalah satu perkara yang amat urgent, dengan izin, yang amat perlu disegerakan.

Pada masa yang sama tentang satu lagi skim, iaitu dengan izin, di bawah invalidity pension, saya ingat pencen keilatan, di mana geran keilatan bolehlah dibayar kepada mana-mana pihak yang meninggal dunia tanpa kira sebabnya, tertakluk kepada dua syarat. Kalau saya tidak silap, yang pertama dia mesti membayar sekurang-kurangnya selama 24 bulan SOCSO. Yang kedua, dia belum cukup 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menguruskan beberapa kes seperti ini. Saya perhatikan bahawa bayaran yang dibuat, kadar minimum sekali yang dibuat adalah terlalu rendah. Biasanya dari kadar maksimum - ini untuk hilang upaya kekal ialah daripada minimum RM8.00 sehari kepada RM58.50 sehari maksimum. Tetapi untuk invalidity grant, dengan izin, atau apa yang disebut sebagai geran ilat, bantuan ilat atau pencen ilat, kadar yang dibayar sebulan ialah hanya RM171.43 sebulan minimum, dan maksimumnya RM1,267.50.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu meninggal dunia, dan kalau dia merupakan, dengan izin, soul breadwinner, semua ahli keluarga bergantung kepada dia. Kalau SOCSO hanya bayar RM171.43 secara minimum, saya rasa keluarganya akan hidup sehelai sepinggang, lebih teruk daripada 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.' Saya rasa jumlah ini haruslah dinaikkan ke sekurang-kurangnya ke tahap yang kerajaan menganggap sebagai tahap kemiskinan, iaitu melebihi RM500. Itu pun serupa. Kalau boleh kadar maksimumnya pun dinaikkan.

Seperti saya kemukakan tadi, kalau seseorang meninggal dunia mungkin - untuk mereka yang meninggal dunia, saya rasa bahagian yang dibayar pun agak berbeza, kerana kalau kepada balu, ada

satu ratio 3.5 anak, 2.5 dan sebagainya. Saya ingin meminta bahawa ahli keluarga, balu termasuk juga duda - sungguhpun kaum lelaki, tetapi saya rasa kita patut adil. Jangan ada diskriminasi sek. Mereka sepatutnya mendapat bahagian penuh, bukan sekadar 3.5 atau 2.5, kerana inilah hak mereka untuk mendapat bayaran yang cukup. Bayaran minimum sehingga sekarang saya rasa adalah tidak berapa memuaskan. Untuk hilang keupayaan kekal, saya ingin mencadangkan minimum RM8.00 dinaikkan. Maksimum RM50.80 sehari pun dinaikkan. Untuk minimum sekurang-kurangnya melebihi RM500 sebulan dan bahagian 20% ini 1.5 ini dinaikkan sebagai bayaran lump sum.

Kadar untuk mereka yang minimum, lump sum yang mereka boleh perolehi ialah RM14,356 dan bakinya 80%, iaitu RM6.40 sehari akan dibayar kepada pemohon. Untuk 20%, saya rasa RM14,356 ini secara lump sum, saya ingin cadangkan bahawa ia boleh dinaikkan kepada sekurang-kurang 50%, kerana apabila seorang menghadapi kecederaan, dia perlukan satu jumlah wang yang besar untuk menghadapi keadaan yang baru, di mana dia sakit, dia menghadapi kecederaan dan dia perlukan alat-alat tertentu untuk membantu dia menghadapi kehidupannya yang baru.

Oleh sebab itu, saya berharap pihak kementerian boleh mengkaji, menaikkan dari 20% ini kepada 50% secara lumpsum dan baki 50% akan dibayar secara harian sehingga ia meninggal dunia. Kalau jumlah ini tidak dinaikkan, saya pun ada perhatikan, apabila saya menguruskan permohonan kes-kes SOCSO ini, saya rasa meraka amat sukar untuk hidup dengan jumlah bayaran yang begitu rendah dan saya rasa ini adalah satu perkara yang harus diuruskan oleh pihak kementerian, dari segi jumlah bayaran yang dibuat. Saya ingat jumlah minimum ini adalah lebih penting daripada jumlah maksimum dan ia harus dipertingkatkan dengan segera, sama ada dari segi bayaran hilang upaya kekal ataupun geran ataupun bantuan ilat kepada mereka yang meninggal, kepada ahli-ahli keluarga yang bergantung dan kepada pekerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah saya ingin meminta pihak kementerian mengkaji untuk menaikkan jumlah minimum sebelum seseorang atau majikannya perlu membuat sumbangan kepada SOCSO. Sekarang, jumlah minimum yang ditetapkan ialah gaji RM2,000 sebulan dan saya rasa gaji ini harus dinaikkan supaya lebih ramai orang dapat menerima faedah atau perlindungan dari SOCSO dan memandangkan bahawa bayaran gaji

yang dibayar kepada pekerja pun meningkat, saya rasa RM2,000 sudah tidak tepat pada masanya dan harus ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya RM3,000 supaya kita dapat memberikan perlindungan yang lebih luas kepada pekerja-pekerja.

Pada masa yang sama, saya juga ingin meminta supaya pihak SOCSO memberikan publisiti yang meluas tentang perkhidmatan dan tentang faedah yang pekerja boleh perolehi dari SOCSO. Semua orang tahu tentang tuntutan daripada SOCSO - kalau mereka menghadapi kecederaan dalam sesuatu kemalangan kerja, tetapi ramai pekerja saya rasa tidak tahu bahawa ahli keluarga boleh menuntut bayaran dari SOCSO kalau mereka meninggal dunia, sungguhpun, tidak dalam keadaan bekerja.

Sebelum saya menguruskan kes-kes mengenai SOCSO saya sendiri pun tidak tahu. Kalau seseorang telah membayar selama 24 bulan dan tidak mencapai umur 55 tahun, ia boleh jadi mati kerana sakit, dia boleh mati kerana kemalangan yang tidak ada berkaitan langsung dengan pekerjaannya, tetapi sungguhpun begitu ahli keluarganya (dependencynya), golongan penakat, berhak membuat tuntutan daripada SOCSO untuk mendapat bayaran harian, seperti yang saya nyatakan tadi daripada RM171.43 sebulan kepada RM1,267.50 sebulan.

Saya harap faedah yang ada ini boleh disebarakan dengan luas kepada semua pekerja-pekerja supaya mereka tahu. Kerana saya rasa, kalau saya tidak silap ada hampir 7.4 juta orang ahli SOCSO. Ramai dari mereka tidak tahu tentang faedah ini. Kalau seseorang yang telah menyumbang selama 24 bulan, tidak cukup 55 tahun - mati, ahli keluarganya boleh membuat tuntutan.

Saya merasa bayaran perkara seperti ini, sungguhpun kecil tetapi kalau diselaraskan dan dinaikkan kelak, ia akan membantu sedikit sebanyak keluarga si mati itu. Tetapi oleh kerana ramai yang tidak tahu, saya harap pihak SOCSO bolehlah memberikan publisiti sedikit tentang faedah ini. Saya tidak tahu sama ada ia tertakluk di bawah Statute of Limitation Period. Kalau tidak, baiklah. Sungguhpun kita tahu seseorang itu tidak membuat tuntutan selama 10 tahun, dia masih berhak membuat tuntutan, tetapi kalau ia tertakluk kepada masa, saya harap kelonggaran bolehlah diberikan sama ada dalam bentuk arahan atau meminda Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang amat penting ialah mengenai masa yang diambil oleh

pihak Jemaah Doktor Rayuan menguruskan perbicaraan atau kes-kes yang disampaikan kepada mereka. Saya amat tertarik kepada laporan PERKESO, 1995 di mana ia menyatakan bahawa PERKESO, buat pertama kalinya telah dianugerahkan dengan anugerah Piagam Pelanggan terbaik bagi kategori badan-badan berkanun persekutuan. Saya rasa, kalau begitu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada PERKESO. Tetapi di sini, saya juga berharap supaya PERKESO bolehlah mengambil berat tentang masa yang diambil oleh Jemaah Doktor Rayuan membuat keputusan.

Saya juga ada banyak kes di mana Doktor Rayuan masih belum membuat keputusan muktamad, sungguhpun sudah hampir 2 tahun dan saya tidak tahu sama ada ini the rules or the exception. Tetapi saya harap perkara ini boleh diambil perhatian dengan serius oleh pihak PERKESO dan pada masa yang sama, kini hanya ada 6 Jemaah Doktor Rayuan di Semenanjung Malaysia iaitu 4 di Semenanjung dan 2 di Sabah dan Sarawak. Empat di Semenanjung Malaysia, kalau tidak silap, adalah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bharu dan Kuala Trengganu yang baru ditubuhkan.

Saya ingin mencadangkan di sini kalau boleh Jemaah Doktor Rayuan ini didirikan di semua ibu kota negeri supaya dapat menyenangkan pihak penuntut. Kerana seperti seorang pemohon di Melaka, ia terpaksa turun ke Johor Bharu. Sungguhpun SOCSO akan membayar semua kosnya, tetapi dari segi inconvenience, saya rasa untuk meminta mereka turun ke SOCSO, dari segi cost efektif mungkin lebih, dengan izin, kalau Jemaah Doktor Rayuan boleh didirikan di semua ibu kota negeri.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan, oleh kerana di sini, mengikut laporan PERKESO 1995, Jemaah Doktor Rayuan telah menguruskan 1,844 kes dan saya rasa ada banyak kes yang belum diuruskan oleh JDR ini. Saya ingin mencadangkan bahawa PERKESO tidak ada hak untuk membuat rayuan apabila mereka tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh jemaah doktor. Saya rasa, dari segi proses tuntutan yang dibuat, saya akan memberikan sedikit latar belakang tentang tuntutan yang dibuat oleh seorang pekerja - pekerja tersebut terpaksa membuat permohonan dan selepas itu ia akan berjumpa dengan jemaah doktor, biasanya di hospital kerajaan untuk meminta doktor tersebut menentukan kadar faedah harian hilang upaya kekal yang dia berhak menerima.

Apabila doktor tersebut membuat keputusan, kalau tidak puas hati dengan peratus taksiran yang dibuat oleh doktor, pihak pemohon, iaitu pekerja yang menghadapi kecederaan, bolehlah membuat rayuan. Saya rasa ini memang patut. Kalau pekerja tidak puas hati, mereka boleh membuat rayuan, tetapi pada masa yang sama, kalau SOCSO tidak puas hati, SOCSO pun boleh membuat rayuan.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa hak untuk SOCSO membuat rayuan haruslah dihapuskan kerana tujuan PERKESO adalah untuk memberikan perlindungan kepada pekerja untuk memastikan mereka mendapat bayaran dan mendapat keselamatan sosial yang kukuh. Kalau jemaah doktor di mana telah diktiraf oleh PERKESO sebagai bebas dan adil membuat keputusan bahawa pekerja tersebut harus menerima peratus taksiran yang tinggi, misalnya 6%. Kalau SOCSO tak puas hati, SOCSO membuat rayuan-merayu. Di sini kalau pekerja puas hati, dia harus menerima peratus taksiran 6% yang diberikan oleh jemaah doktor dan SOCSO tidak patut menafikan hak atau menafikan peratus taksiran yang diputuskan oleh jemaah doktor.

Tetapi, kalau pekerja tak puas hati, beliau patut merayu, supaya boleh dapat bayaran yang lebih tinggi. Ini adalah supaya kita dapat memenuhi hasrat SOCSO, dengan izin, give the benefit of the doc, dengan memberikan bayaran yang lebih tinggi kepada para pekerja. Kalau kita masih membenarkan SOCSO membuat rayuan, saya rasa ini bermakna bahawa pekerja akan menerima bayaran yang lebih rendah dan akan merugikan pekerja tersebut.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa, apa-apa keputusan yang dibuat oleh jemaah doktor, tidak boleh dirayukan oleh SOCSO kepada Jemaah Doktor Rayuan (JDR), tidak boleh dirayukan oleh SOCSO kepada JDR tetapi pekerja boleh buat rayuan.

Ini akan juga membolehkan kes-kes yang diuruskan oleh JDR dikurangkan supaya mereka tidak ada beban kerja yang terlalu berat dan dapat menyelesaikan semua kes or outstanding cases.

Saya juga harap bahawa pihak kementerian akan meningkatkan masa untuk keputusan yang dibuat oleh Jemaah Doktor Rayuan atau The Medical Affiliate Board supaya pekerja tersebut dapat bayaran dengan cepat dan kalau SOCSO membuat rayuan ke atas taksiran yang dibuat oleh jemaah

doktor iaitu doktor-doktor di hospital kerajaan, seperti yang saya nyatakan tadi, ia akan memakan masa yang sangat panjang. Banyak kes hingga selama enam bulan masih belum selesai. Saya rasa dari segi purata mungkin Yang Berhormat boleh memberitahu saya nanti, apakah masa yang perlu diambil oleh Jemaah Doktor Rayuan untuk menguruskannya. Kerana dalam beberapa kes yang ada dalam tangan saya sekurang-kurangnya satu tahun masih belum selesai dan saya harap tempoh masa ini bolehlah disingkatkan kerana kalau tidak, ia akan membawa kesulitan kepada para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik kepada pelanggan piagam ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, berhenti sekejap, kita ada Usul ini. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kemukakan Usul.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.00 malam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.00 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Di putuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.00 malam.

**RANGUNDANG-UNDANG KESELAMATAN  
SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Perbahasan disambung semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila sambung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ya, nampaknya tak payah balik malam inilah.

**Seorang Ahli:** Balik!

**Tuan Lim Guan Eng:** Menteri-menteri sudah balik, hai ya! Kesihan Timbalan Menteri! Menteri-menteri semua malas nampaknya! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi tentang piagam pelanggan yang dinyatakan di dalam Laporan SOCSO 1995 adalah untuk memberi perkhidmatan perlindungan keselamatan dan saya bacakan:

*"Sosial yang berkualiti, adil, tepat, cepat dan ekonomik kepada pekerja serta tanggung-tanggung mereka dan majikan SOCSO dengan ini memberi pengakuan tertakluk kepada semua maklumat yang diperlukan diperolehi dan tuntutan lengkap diterima untuk ...."*

Ini yang saya hendak bertanya, SOCSO membuat satu komitmen membayar faedah hilang upaya sementara kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh satu bulan. Berapa peratus yang tercapai?

Kedua, membayar faedah hilang upaya kekal, layanan semasa kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh tiga bulan. Berapa peratus yang tercapai? Adakah 100%, saya rasa tak mungkinlah, tetapi berapa peratus yang tercapai?

Dan untuk faedah orang tanggungan dalam tempoh tiga bulan, faedah pencen ilat, bayaran pertama kepada pekerja yang layak dalam tempoh tiga bulan, membayar faedah pencen penakat kepada orang tanggungan dalam tempoh tiga bulan, membayar faedah pengurusan mayat kepada waris pekerja yang layak dalam tempoh 15 hari dan sebagainya. Berapa peratus pencapaiannya?

Saya rasa ini sangat penting, kerana saya kadangkala ada menerima aduan bahawa bayaran yang dibuat adalah lambat sedikit dan kalau PERKESO sebagai sebuah badan berkanun persekutuan yang telah mendapat hadiah memberikan prestasi kerja yang tinggi, saya harap bahawa bayaran untuk pekerja yang menghadapi kecederaan bolehlah dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik tentang prestasi kewangan oleh PERKESO untuk tahun 1995 kerana sungguhpun PERKESO mempunyai dana sebanyak RM4,464 juta untuk tahun 1995 iaitu satu kenaikan RM603 juta, tetapi untung atau pulangan daripada pelaburannya telah menurun. Bolehkah saya dapat tahu, apakah sebabnya pulangan daripada pelaburannya telah menurun kalau berbanding dengan tahun 1994. Untuk tahun 1994 pulangan pelaburan adalah sebanyak RM278 juta, tetapi untuk tahun 1995, pulangannya hanya RM274 juta, apakah sebabnya ia telah turun, sedangkan dalam keadaan ekonomi yang memberangsangkan ini, sepatutnya boleh mendapat keuntungan yang lebih baik kalau dibandingkan dengan tahun lepas.

Saya harap pihak kerajaan bolehlah memberitahu apakah sebab di belakang penurunan prestasi kewangan oleh PERKESO ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, bolehkah saya dapat tahu tentang strategi pelaburan oleh PERKESO, kerana PERKESO ada membuat pelaburan dalam saham-saham. Adakah saham-saham ini diputuskan oleh PERKESO atau sebuah syarikat pengurusan profesional dan siapakah pihak tersebut yang memutuskan pelaburan dalam saham-saham kerana untuk tahun 1995, keuntungan modal .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, panjang lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat dalam tiga atau empat minit sahaja lagi! Keuntungan modal telah turun daripada RM59 juta kepada RM24 juta. Saya rasa itu adalah satu penurunan yang agak mendadak dan saya harap pihak kerajaan boleh memberikan penjelasan dalam perkara ini secara rumusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin meminta bahawa pihak kementerian menjaga nasib keluarga dan pekerja yang menghadapi kecederaan semasa bekerja, dengan menaikkan kadar yang dibayar kepada mereka, seperti yang saya telah nyatakan tadi, saya rasa sudah tiba masanya kadar minimum adalah menepati perkembangan ekonomi kita sekarang. Kalau kita masih terikat dengan kadar RM171 sebulan ataupun RM8 sehari, saya rasa ini tidak mencerminkan keadaan kadar kemiskinan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sekurangnya ia mestilah dinaikkan kepada tahap RM500 sebulan.

Yang kedua, untuk memastikan bahawa pihak pekerja mendapat bayaran yang adil dan juga memberikan 'benefit of the doubt' dengan izin, kepada ke atas tuntutan yang dibuat oleh para pekerja. Sekali lagi, saya ingin mencadangkan bahawa SOCSO tidak boleh diberikan hak untuk merayu ke atas taksiran yang dibuat oleh jemaah doktor yang sendiri dipilih oleh SOCSO. Kalau SOCSO sendiri memilih jemaah doktor, jemaah doktor membuat bayaran ataupun membuat taksiran yang tinggi, ia harus diterima oleh SOCSO. Tetapi kalau taksiran ini tidak diterima oleh pekerja, pekerja berhak merayu kerana ini jemaah doktor ini dipilih bukan oleh pekerja tetapi oleh SOCSO. Pada masa yang sama, harap bahawa masa untuk jemaah doktor rayuan membuat keputusan bolehlah ditingkatkan dengan secepat mungkin.

Dan akhirnya ialah tentang prestasi SOCSO. Di sini, saya ingin menyatakan penghargaan ke atas kakitangan yang bekerja dalam PERKESO. Mereka berusaha untuk membantu golongan pekerja yang mengalami kecederaan. Dan di sini saya harap pihak kerajaan boleh menimbang untuk menambah kakitangan supaya pemprosesan tuntutan oleh pekerja-pekerja yang tercedera bolehlah dicepatkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

6.13 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan sedikit beberapa perkara dalam meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996.

Perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah kelambatan pihak PERKESO di Kuala Lumpur membuat keputusan. Sama ada orang yang terkena kemalangan itu tertakluk di bawah undang-undang ini ataupun mendapat faedah daripada wang dana PERKESO ataupun tidak. Jadi, perkara ini berbangkit beberapa kali oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua saya adalah daripada kawasan menangkap ikan dan pembalakan. Kalau kita lihat, laporan PERKESO dalam tahun 1995, pembalakan adalah satu kerja yang mendatangkan risiko yang begitu tinggi sekali dan kematian adalah begitu banyak dalam industri pembalakan. Yang kedua ialah industri pembinaan; dan ketiga pengetaman dan kayu-kayuan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, banyaklah orang daripada kawasan saya terlibat secara terus

berhubung dengan tuntutan dengan PERKESO. Tetapi apabila tuntutan dibuat, kelambatan pihak PERKESO untuk membuat taksiran ataupun penilaian sama ada si pekerja yang berkenaan tergolong kepada pihak yang bekerja ataupun sebagai majikan. Kerana sistem pembalakan yang berlaku di Sarawak yang telah dituruni semenjak berpuluh-puluh tahun dahulu dalam industri pembalakan di Sarawak. Kadang-kadang memberi satu keadaan yang mengelirukan. Jadi, sampai sekarang pihak PERKESO apabila menerima laporan sama ada kemalangan maut ataupun luka parah daripada industri pembalakan ini mendatangkan satu kecurigaan oleh kerana keputusan yang dibuat daripada mereka adalah terlalu lama.

Jadi, salah satu daripada sebabnya ialah kesemua keputusan adalah dibuat di Kuala Lumpur. Tetapi, kalau keputusan yang sama boleh dibuat di kawasan umpamanya di region, umpamanya di Sabah, di Sarawak. Dan kalau Malaysia ini umpamanya dibahagi kepada beberapa region umpamanya, dan tiap-tiap kawasan, itu pejabat kawasan PERKESO itu boleh membuat keputusan dan penilaian sendiri dan membuat laporan sahaja ke Kuala Lumpur, dengan sendirinya keputusan ini mungkin boleh dipercepatkan.

Jadi, oleh kerana kadang-kadang kita melihat kalau orang kemalangan di tempat pembalakan dan dibawa membuat laporan polis dan berjumpa doktor dan sebagainya, masa itu sendiri telah begitu panjang sekali dari masa kemalangan baru membuat laporan. Kadang-kadang majikan pula, oleh kerana dipandang kemalangan ini adalah salah satu kemalangan yang biasa mereka lihat setiap masa, jadi tidaklah begitu penting kerana kemalangan itu berlaku kepada orang lain bukan mereka. Jadi, dalam keadaan sedemikian, tinggallah keluarga yang terlibat merasa mereka sendiri teraniaya. Oleh kerana kelambatan bukan sahaja daripada tindakan majikan tetapi oleh kerana kelambatan pihak berkuasa iaitu PERKESO membuat keputusan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pihak PERKESO membuat tiap-tiap kawasan mestilah ada penilai mereka sendiri untuk membuat kepastian dan memberikan keputusan dengan seberapa cepat yang boleh sama ada sesiapa sahaja terlibat dalam kemalangan itu termasuk ataupun terkeluar daripada liputan insurans PERKESO ini.

Satu lagi perkara yang tidak menyenangkan, saya sebagai wakil rakyat selalu menerima perkara yang sama. Kadang-kadang apabila kemalangan

berlaku, orang yang terlibat dalam kemalangan di bawa oleh rakan-rakan mereka atau kawan-kawan mereka ke hospital atau klinik yang terdekat sekali dan seterusnya pergi ke hospital yang terdekat sekali, kadang-kadang majikan tidak mengambil berat sangat untuk membuat laporan. Tidak membuat laporan kepada polis dan tidak membuat laporan kepada PERKESO. Ini juga boleh mendatangkan kelambatan. Jadi, saya berharap pihak kementerian memberi penekanan kepada pihak PERKESO agar perkara ini tidak berlaku supaya majikan bukan sahaja dari segi pengurusan PERKESO itu sendiri tetapi kalau perlu, undang-undang perlu dibuat untuk memastikan majikan itu sendiri yang membuat laporan kepada polis dan memberi laporan kepada pihak PERKESO yang orang-orang berkenaan ada mencarumkan pembayaran kepada pihak PERKESO dan sepatutnya diambil tindakan dengan seberapa segera supaya mengelak kelambatan.

Kita mesti tahu latar belakang PERKESO, Tuan Yang di-Pertua ialah berlandaskan tuntutan insurans yang dikatakan 'no fault claim-basis'. Jadi, dengan keadaan yang sama saya ingin menyentuh sedikit apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, soalan 'limitation period', dengan izin. Sepatutnya soalan limitation period ini dalam situasi yang mana tuntutan tidak berlandaskan kesalahan ataupun 'no fault claim-basis' sepatutnya kita tidak adakan. Oleh kerana landasan undang-undang itu sendiri ialah memberi ganjaran kepada yang menjadi mangsa. Jadi, dengan sendirinya mencari masalah kepada mangsa itu sendiri sudah keluar daripada asas-asas dan tujuan, matlamat kerajaan untuk mengadakan PERKESO.

Jadi, dengan sendirinya saya berharaplah kalau ada limitation period yang diberikan, patutlah kita hapuskan. Tetapi kita mesti memberi penekanan kepada pihak majikan atau menghukum pihak majikan kalau gagal membuat laporan yang tertentu kepada mana-mana pekerja mereka yang terlibat dalam kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan maut. Ingin saya menyebutkan lagi sekali pembalakan dan pembinaan adalah satu industri yang banyak mengorbankan rakyat Malaysia dalam industri ini - mengikut laporan PERKESO 1995. Jadi, adalah sangat menyedihkan kalau kita memandang dari segi apa PERKESO boleh buat dari segi gantirugi, memberi kemudahan, peruntukan atau menyara sedikit kepada keluarga mereka. Walaupun dialu-

alukan juga, umpamanya ganjaran persekolahan dan sebagainya diberi kepada keluarga yang berkenaan, tetapi mungkin ada lebih baik juga kalau pihak PERKESO melihat dan menyelidik bagaimana boleh mengatasi masalah yang menjadi satu pendapat - mungkin pekerja-pekerja kilang, pekerja pembinaan dan pembalakan ini, yang keselamatan mereka itu boleh mereka jaga tidak dengan kawal selia oleh pihak-pihak yang tertentu.

Jadi, PERKESO mesti menekankan pada majikan di samping memberi liputan insurans kepada mereka agar kemalangan di sektor ini tidak begitu banyak sangat. Maknanya kalaulah penyelidikan (research) boleh dibuat, kita mesti kena buat, supaya boleh mengatasi masalah menukar minda manusia ini yang berfikir, yang kemalangan itu berlaku pada orang lain sahaja, tidak berlaku pada mereka, kerana kadang-kadang kemalangan berlaku ialah kerana kita fikir orang lain sahaja yang terlibat dalam kemalangan, kita tidak pernah. Jadi, bila sudah kena baru sedar, yang kita juga boleh terlibat dalam kemalangan.

Dalam keadaan yang sedemikian, ramailah orang yang menjadi balu, hilang bapa kerana terlibat dalam kemalangan. Dalam keadaan yang sama Tuan Yang di-Pertua, ada juga keciciran, kerana saya telah menerima banyak aduan yang mana apabila anak mereka bekerja di Semenanjung umpamanya, mungkin juga boleh berlaku di Sarawak. Anak orang Sarawak bekerja di Semenanjung atau di tempat-tempat lain di luar kawasan perkampungan mereka. Jadi, ibu bapa dan orang yang layak menerima gajaran ataupun apa-apa daripada PERKESO tidak tahu-menahu sama ada anak mereka di bawah perlindungan PERKESO ataupun tidak. Kadang-kadang ada juga yang membawa girlfriend tinggal bersama. Jadi, bila pekerja ini meninggal dunia, yang girlfriend ini mengaku dia adalah isteri kepada si mati. Ini kadang-kadang menimbulkan perbalahan di antara keluarga si mati yang sebenarnya dengan orang yang mengaku dirinya sebagai isteri kepada si mati.

Oleh kerana pihak PERKESO sepatutnya apabila menerima caruman ataupun majikan telah membuat caruman kepada pihak PERKESO, soal seseorang pekerja telah diberi perlindungan PERKESO mestilah mempunyai satu kad ataupun daftar nombor PERKESO. Nombor ini mestilah diserahkan kepada orang yang berhak menerima sebagai beneficiary kepada tuntutan. Kalau berlaku kemalangan yang teruk, yang mana orang itu tidak sedarkan diri ataupun mendapat kemalangan maut.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, pihak yang terlibat, pihak yang menjadi mangsa bolehlah berhubung terus dengan PERKESO agar tidak ada perbalahan atau pergaduhan lagi. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang perkara begini berlaku oleh kerana masalah adat dan undang-undang agama juga terlibat. Kadang-kadang di Sarawak ada juga perkahwinan pada zaman dahulu, perkahwinan di kampung, orang-orang tempatan yang mungkin tidak ada berdaftar dan sebagainya. Dalam keadaan yang sedemikian, mungkin bapanya mengatakan bahawa kamilah yang lebih berhak daripada apa-apa tuntutan yang dibuat atau pemberian diberi oleh pihak authority macam pihak PERKESO.

Jadi, saya berharap pihak kementerian boleh memberi panduan kepada pihak PERKESO agar nombor pendaftaran PERKESO bila sahaja menerima caruman daripada sesiapa sahaja, orang yang memberi caruman itu ataupun beneficiary mereka mestilah mendapat nombor pendaftaran. Jadi, apabila berlaku sesuatu perkara, malah kemalangan yang teruk yang mana mangsa tidak mengenali dirinya sendiri lagi ataupun dalam keadaan yang mana dia tidak boleh membuat laporan ataupun tuntutan, pihak yang kedua bolehlah melaporkan perkara itu ataupun berjumpa dengan PERKESO berhubung dengan hak-hak mereka dalam perkara-perkara yang tersebut tadi.

Jadi, soal-soal lain, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak inginlah hendak cakap panjang lebar, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Lumut selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

6.28 ptg.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian perbahasan di atas Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa belanja untuk bekalan perkhidmatan perubatan merangkumi 5% sahaja dalam jumlah PERKESO bagi perbelanjaan tiap-tiap tahun. Angka ini begitu rendah terutama kerana PERKESO ditubuhkan adalah untuk menjaga kesihatan pekerja berinsurans. Saya harap pihak kementerian akan memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang saya akan bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini akan menambahkan lagi kemudahan dan faedah yang sedia ada, saya rasa beberapa faedah perubatan untuk orang berinsurans patut diberikan perhatian dan pertimbangan.

Yang pertama, kadang-kadang pekerja yang telah memasuki hospital kerajaan, seperti di Hospital Besar Ipoh memerlukan ujian seperti CAT-Scan X-ray. Oleh sebab hospital ini tidak mempunyai kemudahan CAT-Scan X-ray ini, pesakit ini diwajibkan mengambil CAT-Scan X-ray di hospital swasta. Walaupun rekomendasi telah diberikan oleh doktor di hospital kerajaan, kelulusan daripada pihak PERKESO di ibu pejabat Kuala Lumpur selalu mengambil masa panjang. Saya rasa sepatutnya tidak payah mendapat keputusan dari Kuala Lumpur, di Ipoh pun ada pejabatnya. Jadi, kelulusan sepatutnya boleh diberikan di pejabat di Ipoh. Lagi pun bayaran atau charge CAT-Scan X-ray dikenakan di hospital swasta tidak payah balik second class kadar dibayar balik kepada pesakit. Saya rasa keadaan ini tidak adil dan tidak wajar, saya bercadang sepatutnya 100% caj bayaran CAT-Scan X-ray yang dikenakan di hospital swasta haruslah dibayar oleh PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pesakit di bawah skim PERKESO. Pada masa ini pesakit memilih memasuki hospital swasta untuk rawatan dengan pelbagai sebab-sebabnya, mendapat tuntutan (compensation) dari PERKESO yang rendah dan kerap kali tidak boleh memenuhi 30% caj bayaran yang dikenakan di hospital swasta. Saya rasa sepatutnya tuntutan ini mengikut hospital kerajaan first class kadar dibanding dengan second class kadar yang diamalkan pada masa ini.

Pada masa ini juga bayaran kepada SOCSO doktor ianya GP untuk memberi rawatan kepada pesakit di bawah skim PERKESO, ianya RM40 sahaja. Bayaran ini tidak mengambil kira berapa kali pesakit dapat rawatan di klinik.

Dalam perkataan lain, bayaran RM40 mewajibkan seorang GP memberi rawatan kepada pesakit hingga disembuhkan. Saya rasa yuran ini sangat rendah memandangkan semua kos terlibat dalam perkhidmatan perubatan telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahajalah, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.31 ptg.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah pun diberi. Sebagaimana yang telah saya nyatakan kesimpulan rang undang-undang ini:-

- (i) untuk menambahkan lagi kemudahan dan faedah keselamatan sosial pekerja di negara ini;
- (ii) untuk membolehkan seorang yang berinsurans berhak mendapat apa-apa faedah di bawah akta ini, dapat juga apa-apa faedah yang serupa yang dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (iii) di samping itu, tanggungjawab semua pihak terhadap keselamatan sosial pekerja ditekankan lagi bagi menerusi peningkatan hukuman maksimum bagi pelanggaran akta;
- (iv) ia juga akan memantap dan memperkukuhkan lagi pentadbiran PERKESO melalui penyusunan semula keanggotaan Lembaga PERKESO dan panel pelaburannya supaya prinsip check and balance diketengahkan dan pertindihan peranan di kalangan anggota dihapuskan.

Dengan ini jelaslah bahawa apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, memang kerajaan prihatin dan kalau undang-undang diluluskan nanti maka sudah tentulah saya rasa ganti rugi yang boleh dinikmati oleh pekerja-pekerja itu akan jauh lebih daripada apa yang sedang dinikmati sekarang.

Namun demikian ada beberapa cadangan dan pandangan terperinci telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidaklah boleh jawab satu persatu kerana pembayarannya ada beratus-ratus jenis pembayaran mengikut keadaan dan sebagainya. Namun demikian, segala pandangan itu kita ambil perhatian dan di mana baik kita akan praktikkan kerana sudah tentulah kita terpaksa membaiki keadaan ini dari masa ke semasa.

Namun demikian, saya suka menjelaskan beberapa pandangan yang telah pun dibangkitkan. Satunya dari Kota Melaka, kadar gaji maksimum untuk masuk skim PERKESO haruslah beliau kata dinaikkan dari RM2,000 ke-RM3,000 sebulan. Itu cadangan wakil dari parti DAP tetapi pihak Barisan Nasional pula, kita bukan sahaja kadar sehingga RM3,000 malah kita naikkan kadar itu sehingga gaji

RM5,000 sebulan. Jadi, lebih ramai lagi mungkin ahli-ahli dapat menikmati faedah-faedah PERKESO ini.

Bayaran minimum pencen ilat sekarang adalah RM171.43 sebulan katanya, sebenarnya bayaran minimum ini telah dinaikkan ke-RM192.86 sebulan mulai 1hb. Januari 1996. PERKESO juga telah meminta aktuari kerajaan mengulangkaji kemungkinan menaikkan lagi kadar minimum. Oleh itu, saya suka menyatakan kita telah pun sebelum beliau cadangkan, kita telah pun naikkan kadar minimum itu.

Begitu juga kuantum bayaran dikaji semula kepada had minimum sekarang iaitu pada kadar RM8.00 minimum. Kadar minimum ini juga telah dinaikkan dari RM8.00 sehari kepada RM9.00 sehari mulai 1hb. Januari 1996. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka is out-of-date sedikit, namun demikian PERKESO juga telah meminta pihak aktuari kerajaan mengkaji kemungkinan kumpulan wang PERKESO untuk menaikkan lagi kadar minimum ini. Sebenarnya kadar faedah adalah bergantung kepada pendapatan bulanannya iaitu sehingga 80% untuk hilang upaya sementara dan 90% untuk hilang upaya kekal.

Pencapaian piagam pelanggan, sukacita saya menyatakan bahawa bayaran untuk hilang upaya sementara pencapaian adalah 90% bermakna kita capai kepada kadar atau tahap yang telah kita janjikan. Cuma untuk bayaran-bayaran faedah lain sahaja iaitu di antara 50% ke-80% kerana ini dalam segi membuat tuntutan kadang-kadang ada beberapa kerumitan yang perlu diselesaikan.

PERKESO tidak dibenarkan merayu keputusan jemaah doktor, kata Kota Melaka lagi, mengikut prinsipnya kedua-dua pihak berhak merayu kepada keputusan jemaah doktor sebagaimana ini diamalkan oleh semua institusi keselamatan sosial di seluruh dunia. Publisiti ini diberi melalui edaran risalah-risalah dan juga ceramah-ceramah di tempat kerja. Penerangan juga diberi menerusi media elektronik. Jemaah doktor rayuan akan ditambah apabila perlu dan di sepanjang masa ditambah dari masa ke semasa.

Strategi pendapatan pelaburan dalam tahun 1990 telah kurang sedikit berbanding dengan tahun 1994 ialah disebabkan oleh keadaan pasaran pelaburan iaitu di pasaran saham dan penurunan kadar invest dengan keadaan pelaburan yang lebih baik dalam tahun 1996. Jadi, ini sudah tentulah dari masa ke semasa pendapatan itu akan kurang, kadang-kadang akan naik, ini adat pelaburan.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan tentang faedah perubatan, kemudahan tidak ada di hospital kerajaan, oleh itu perlu dirujuk kepada hospital swasta memerlukan kelulusan ibu pejabat. Sukacita saya nyatakan, kajian sedang dibuat untuk menurunkan kuasa kepada pengurus pejabat tempatan bagi urusan sedemikian, insya-Allah, dalam masa yang pendek.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah menyatakan bahawa majikan tidak lapor kemalangan. Kalau majikan tidak melapor kemalangan maka majikan itu boleh didakwa dan sehingga ke masa ini sebanyak 50 majikan telah didakwa bagi kesalahan ini. Melalui cadangan pindaan yang dibahaskan sekarang, kerajaan mencadangkan hukuman denda minimum dinaikkan dari RM2,000 ke-RM10,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan kepada dua tahun atau kedua-duanya sekali. Dengan dinaikkan hukuman ini maka sudah tentulah pihak majikan akan mengambil lebih berat lagi mengenai perkara-perkara laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak pandangan yang telah diberi. Sebagaimana kita tahu undang-undang ini telah pun dipinda begitu banyak kali, ini kali ketujuh, maka ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mengkaji supaya kepentingan pekerja ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN) 1996

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.41 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta Pergigian 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pergigian 1971 telah diwujudkan untuk mendaftar pengamal-pengamal pergigian dan pengawal amalan pergigian di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelonggaran dan kelemahan kepada akta tersebut pada masa ini yang perlu dipinda untuk meningkatkan lagi keberkesanan akta tersebut.

Akta Pergigian 1971 menggunakan perkataan-perkataan "doktor gigi" apabila merujuk kepada pengamal-pengamal pergigian. Perkataan "doktor gigi" yang digunakan dalam konteks semasa adalah tidak tepat kerana bidang tugas pengamal-pengamal tersebut bukan sahaja terhad kepada gigi tetapi juga merangkumi tisu sokongan dan bahagian-bahagian berkaitan dengan gigi serta mulut. Memandangkan demikian, Kementerian Kesihatan ingin memberi gelaran yang sewajarnya kepada pengamal-pengamal pergigian dengan mencadangkan mereka dirujuk sebagai "doktor pergigian" atau "dental doctor", dengan izin, dan bukan lagi sebagai "doktor gigi" atau "tooth doctor", dengan izin.

Akta Pergigian 1971 memperuntukkan penubuhan satu perbadanan yang dinamakan Majlis Pergigian Malaysia untuk mengawasi amalan pergigian di negara ini. Pada masa ini bilangan komposisi Majlis tersebut adalah 17 orang dengan perwakilan dari pihak sektor awam dan sektor swasta.

Sejak penguatkuasaan Akta Pergigian, bilangan pengamal pergigian negara ini telah meningkat dari 287 doktor pergigian pada tahun 1971 kepada 1,750 orang doktor pergigian pada tahun 1995. Selain daripada itu, bilangan institusi pendidikan tinggi tempatan yang mempunyai fakulti pergigian telah bertambah. Pada masa ini selain daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaysia-Sarawak turut menawarkan kursus pergigian. Oleh yang demikian, kementerian ini mencadangkan untuk menambah bilangan doktor-doktor pergigian yang berkelayakan untuk menganggotai Majlis Pergigian Malaysia.

Untuk memenuhi tujuan ini, kementerian ini mencadangkan subseksyen 3(a)(e) dipinda untuk menambahkan lagi perwakilan daripada institusi pendidikan tinggi tempatan yang mempunyai fakulti pergigian iaitu dari 3 orang kepada 6 orang ahli dan ditambah subseksyen baru 3(1)(ea) untuk memberi kuasa kepada menteri untuk melantik tambahan 6 orang doktor pergigian. Dengan demikian, adalah dicadangkan bilangan ahli Majlis Pergigian Malaysia ditambahkan daripada 17 orang kepada 24 orang. Penambahan ahli majlis tersebut bermakna kuorum bagi mesyuarat majlis juga perlu ditambahkan. Kementerian ini mencadangkan kuorum tersebut ditambah daripada 7 orang kepada 10 orang.

Seterusnya, kementerian ini berpendapat bahawa adalah perlu diperketatkan lagi syarat kelayakan seseorang menjadi ahli Majlis. Pada masa ini tidak ada sebarang halangan bagi seseorang pengamal pergigian yang sedang atau telah diambil tindakan tatatertib untuk dinamakan, dilantik atau dipilih untuk menjadi ahli Majlis.

Untuk mengawasi keadaan demikian, kementerian ini mencadangkan bahawa subseksyen 3(13) dipinda untuk memastikan bahawa apabila seseorang pengamal pergigian yang dipotong namanya dari daftar pengamal-pengamal pergigian, akan hilang kelayakan menjadi ahli Majlis Pergigian secara automatik. Sehubungan dengan kehilangan kelayakan menjadi ahli tersebut, perlu juga diwujudkan peruntukan bagi menetapkan tempoh menghadkan kelayakan untuk dinamakan, dilantik atau dipilih untuk menjadi ahli Majlis Pergigian.

Untuk memenuhi tujuan ini, kementerian ini mencadangkan ditambahkan subseksyen baru 3(13A) di mana dalam hal sesuatu penggantungan atau celaan, seseorang pengamal pergigian tidak layak menjadi ahli Majlis selama tempoh 6 tahun selepas hukuman berkenaan dijatuhkan.

Satu lagi peruntukan baru yang dicadangkan di bawah subseksyen 3(15) adalah di mana seseorang ahli Majlis yang menghadapi sebarang aduan, keanggotaannya digantung mulai tarikh mula siasatan oleh Majlis sehingga selesai siasatan tersebut.

Sehubungan dengan penggantungan keahlian tersebut, satu peruntukan baru di bawah subseksyen 3(16) dicadangkan di mana keanggotaan itu boleh disambungkan semula jika didapati tiada kes terbukti terhadap pengamal tersebut atau pengamal tersebut tidak dikenakan apa-apa tindakan tatatertib.

Seterusnya, dicadangkan juga melalui peruntukan baru di bawah subseksyen 3(17) di mana ahli tersebut dibenarkan meneruskan keanggotaannya untuk baki tempoh jawatan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Akta Pergigian tidak menghalang seseorang pengamal yang berkecacatan teruk, termasuk berpenyakit jiwa dari didaftar dengan Majlis. Bagi membetulkan keadaan ini, kementerian ini mencadangkan satu pindaan dibuat pada seksyen 17(1) dan seksyen 23 akta tersebut di mana jika seseorang pengamal didapati oleh sesebuah panel kajian semula perubatan yang beliau menghadapi sebarang kecacatan fizikal atau mental yang mengakibatkan beliau tidak mampu untuk mengamal secara profesional, maka nama pengamal tersebut akan dipotong dari daftar. Walau bagaimanapun, menurut subseksyen 23(2) yang sedia ada, pendaftaran semula boleh dibuat setelah keadaan mental dan fizikal pengamal berkenaan pulih ke tahap yang memuaskan dan keadaan ini diterima oleh Majlis Pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa penalti am bagi sebarang kesalahan terhadap akta tersebut adalah tidak berkesan dan tidak cukup menakutkan, dengan izin, deterrent bagi menghalang seseorang daripada melakukan kesalahan-kesalahan terhadap akta tersebut. Oleh yang demikian, kementerian ini mencadangkan bahawa jumlah penalti am dinaikkan iaitu dari RM1,000 kepada RM10,000 bagi kesalahan pertama dan untuk kesalahan kedua dan seterusnya, penalti dinaikkan dari RM2,000 kepada RM20,000 dan hukuman penjara dinaikkan dari tempoh masa yang tidak lebih dari 6 bulan kepada tempoh masa yang tidak lebih daripada 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pergigian 1971 yang disebutkan di atas, perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta tersebut.

Saya mohon usul ini disokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pergigian 1971 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yan.

6.49 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokonglah akta pindaan ini kerana gigi ini satu benda yang bukan boleh main-main. Kalau tidak ada gigi, orang yang elok pun nampak hodoh. Kemudian kalau orang yang tidak ada gigi, kalau dia makan kacang, dia tidak bolehlah makan kacang, dia dok 'ronyeh' kacang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia pakai gigi palsu boleh juga! [Ketawa]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, kalau tidak ada gigi, Tuan Yang di-Pertua, imam pun kalau dia baca "ayat" pun kadang-kadang tidak betul, angin keluar lebih. Cuma saya hendak merujuk kembali kepada klinik-klinik pergigian ataupun yang berdaftar, yang lama-lama sudah ditubuh semasa zaman penjajah dahulu. Di Jalan Tengku Ibrahim di Alor Setar ada satu bernama Chong. Dia bukan doktor, tetapi dia sebagai pendaftar sahaja. Jadi, depa ini masih wujud. Kalau kita hendak kira umur saya semasa budak-budak sampai la dok ada klinik itu. Saya perasan yang mencabut gigi itu pun sudah teruk sangat, sudah ranum sangat. Hendak cabut gigi pun tidak boleh lagi. Tetapi depa melatih pelapis muda, guna lesen depa tetapi orang lain yang tolong cabut di dalam itu. Jadi, depa ini kita hendak masuk ke dalam ini - bolehkah depa jadi ahli Majlis ini? Fasal depa ini bukan qualified, tetapi hanya berdaftar.

Begitu juga di kawasan saya, Yan, ada klinik pergigian, namanya Tan. Lesen pun tidak ada. Dia dok rentap gigi orang kampung kadang-kadang bila teruk sedikit, dia kata gigi ini sudah teruk dia rentap. Kemudian di Alor Setar pun di pasar-pasar minggu ada yang dok bawa kereta dan cabut gigi. Dia pasang lagu tape recorder, dia sapu ubat sahaja, dia tidak cucuk. Bila kawan ini keriau kuat, lagi kuat lagu dia perderas. Jadi, tak dengar yang kawan ini sakit. 'Rap' dia rentap.

Gigi bukan boleh main-main, Tuan Yang di-Pertua. Benda duduk di atas, dia akan effect mata, telinga dan sebagainya. Saya bukanlah pakar bahagian ini urat saraf, tetapi saya difahamkan. Jadi, klinik-klinik macam ini, adakah pihak kementerian ambil tindakan? Fasal orang kampung, macam di Yan, mereka keluar ke Guar, tidak ada tempat lain lagi. Dia pergilah ke klinik itu. Kemudian, gamak susah sedikit, dia refer, dia nanti tulis tidak berupaya cabut, dia refer pergi ke GH. Yang mana dia boleh rentap, dia rentap. Yang mana tak boleh, dia hantar ke sana. Kemudian, dia beri pesakit itu telan panadol. Carik akar itu tak tahulah kadang-kadang berlubang.

Jadi, yang ini pihak kementerian kena kaji. Saya bersetujulah tadi kita hendak lantik Majlis dan sebagainya. Baguslah itu yang ada ijazah dan ada kelulusan. Ini yang tidak ada apa, yang dok cari makan bertahun-tahun, apakah tindakan pihak kementerian hendak menyelesaikan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, saya berharaplah pihak kementerian gunakan enforcement untuk menyiasat di seluruh negara klinik-klinik yang tidak berkelulusan, tidak diiktiraf oleh kementerian tetapi hanya berdaftar, dan juga di pasar-pasar minggu, yang dok rentap di pasar minggu. Dia bubuh satu kerusi, kemudian dia rentap macam itu sahaja. Cucuk pun tidak. Kalau cucuk, kita pun tidak berani sua dagu. Orang tua cabut, Tuan Yang di-Pertua, dia berniaga. Di Alor Setar dahulu, mendiang sudah mati, orang Siam, dia gantung gigi penuh badan dia hendak buktikan kepada orang dia cabut gigi.

Jadi, benda-benda macam ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak kementerian tidak ambil tindakan dan kita pula pindaan yang ini, kena kepada doktor-doktor yang berkelulusan, dan mereka ini sekarang dok compete, kalau dengan doktor biasa di Alor Setar, sekali dia rentap gigi RM15.00. Tetapi yang jenis tidak qualified RM5.00 pun dia cabut. Jadi, adakah pihak kementerian juga akan mencadangkan supaya harga-harga perubatan gigi ini ada hadnya? Jangan kita ikut suka doktor sahaja. Tidak mengapalah macam di Kuala Lumpur cara dia cabut harga lain dan sebagainya. Kalau boleh, kita selaraskan harga-harga doktor ini juga. Maklumlah gigi, macam saya kata tadi, cukup mustahak. Kalau kita tidak ada gigi nanti cukup pelek. Kita bubuh gigi palsu pun bukan benda asli. Kadang-kadang kita buka mulut gigi turun awal daripada mulut. [Ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya hendak bercakap, dan saya berharap pihak kementerian akan ambil tindakan yang sewajarnya. Apakah mereka ini akan diteruskan wujud di dalam negara kita ini, sedangkan kita sedia maklum mereka bukanlah doktor-doktor yang berpengalaman ataupun mereka ini bukan pakar-pakar pergigian? Jadi, ini juga akan bersaing dengan doktor-doktor pergigian yang sebenarnya. Jadi, penalti yang dikenakan ini saya amat menyokong supaya pihak kementerian juga kalau boleh kutiplah pendaftar-pendaftar gigi bubuh depa di bawah satu majlis lain supaya boleh kita kontrol, bila mereka sudah habis, depa mati, kita tidak usah renew lagi lesen. Fasal banyak sangat, di Alor Setar, di Pekan Melayu ada dua, Jalan Tengku Ibrahim ada satu. Dia pakai

cermin sekerat, kelabu sekerat dan cerah sekerat. Macam milk bar zaman dahulu, di bawah pejabat Tuan Yang di-Pertua di Jalan Langgar. Jadi, klinik pun fesyen itu. Tak ubah fesyen, macam itu juga. Kerusi pun kita hendak duduk tak gamak, cukup lama. Jadi, saya dengan itu menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Tidak ada lagi yang hendak bercakap.

6.57 ptg.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang menyokong kuat di atas cadangan daripada Kementerian Kesihatan. Kementerian memanglah menyedari bahawa keadaan penguatkuasaan itu perlu dilakukan. Sebab itulah dalam untuk memastikan supaya sama ada bolehkah seorang yang berdaftar dengan Majlis Pergigian menjadi ahli Majlis - boleh. Sebab ada peruntukan di dalam Akta Pergigian yang membolehkan orang yang berdaftar dengan Majlis Pergigian menjadi ahli Majlis.

Tetapi perlu ditekankan, dalam cadangan menambahkan ahli Majlis, ahli-ahli tambahan hanya akan terdiri daripada orang yang berkelayakan. Jadi, tentang soal sama ada ada kes di mana terdapat di pasar-pasar minggu, mengikut akta kita iaitu dalam Akta 31/5, Dental Act, ada pemeriksaan yang dilakukan oleh Pegawai Kesihatan Bahagian Pergigian dilakukan sekurang-kurangnya setahun sekali dalam setiap daftar yang mengandungi apa yang kita panggil 'dentist berdaftar', kerana dalam Daftar Pergigian Malaysia, kita ada dua bahagian. Bahagian satu yang dipanggil sebagai Dental Surgent, dengan izin, dan bahagian kedua daftar itu dikenali sebagai Dentist Berdaftar.

Kerana sebelum tahun 1971 ada sebanyak 441 orang lebih kurang apa Yang Berhormat tadi mengatakan dentist atau tukang gigi yang tidak berkelayakan. Jadi, disebabkan oleh peluang yang diberikan untuk membolehkan mereka meneruskan praktis mereka ini, hanya diberi sebanyak enam bulan sebaik Akta Dental 1971 kita dikuatkuasakan untuk mereka ini memohon untuk didaftarkan di bawah bahagian dua ini. Jadi, dengan demikian, dalam masa enam bulan selepas pendaftaran itu ditutup, maka mereka tidak boleh lagi mendaftar, dan kalau dibandingkan jumlah dahulu ada sebanyak 441, sekarang hanya sebanyak 164 sahaja lagi yang

ada. Jadi, dengan itu bermakna, dalam masa tidak berapa lama lagi bilangan yang tinggal sebanyak 164 lagi tidak akan ada, dan kalau berlaku salah kelakuan di kalangan mereka ini oleh kerana ada penguatkuasaan yang dilakukan oleh pegawai pergigian boleh diambil kira terhadap mereka ini.

Bagi caj pergigian ataupun harga-harga pembayaran untuk rawatan pergigian, bagi klinik pergigian kerajaan, cajnya telah ditetapkan mengikut schedule Fee pada 1982 dan bagi klinik swasta, panduan ada disediakan oleh Persatuan Pergigian Malaysia. Jadi, dengan itu, saya mengucapkan banyak terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 1996

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.00 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990, dan untuk memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar, 1965 di bacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1997 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab 1, Rang Undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan-pindaan yang terlibat di bawahnya.

Bab 2, Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada masa ini pinjaman-pinjaman asing yang melebihi RM250 juta oleh syarikat-syarikat swasta bagi maksud perbelanjaan pembangunan layak mendapat taraf pinjaman yang diluluskan di mana faedah yang dibayar kepada bukan pemastautin tidak dikenakan apa-apa cukai pegangan. Pengecualian cukai ini diadakan untuk mengurangkan kos kewangan buat menggalakkan pembangunan ekonomi sumbangan sektor swasta. Memandangkan kepada perkembangan ekonomi semasa, Fasal 4(a), Akta Cukai Pendapatan 1967 diadakan bertujuan untuk memansuhkan peruntukan pengiktirafan pinjaman yang diluluskan ini. Pemansuhan ini berkuatkuasa mulai daripada 25hb. Oktober 1996.

Pada masa kini, setiap pengusaha yang ingin menayangkan filem cinematograph dikehendaki mendaftar di bawah Seksyen 5, Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965. Pendapatan kasar pengusaha yang berdaftar tersebut adalah tertakluk kepada duti sewa filem pada kadar 15%. Fasal 61 di bawah Bab 10, Rang Undang-undang bertujuan memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965 mulai 1hb. Januari, 1997. Selanjutnya pendapatan pengusaha sedemikian akan dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subFasal 4 (b) bertujuan untuk meminda takrif royalti untuk mengenakan caj ke atas sewaan filem yang dibayar oleh pengusaha kepada bukan pemastautin.

Fasal 5, 7, 19(a) dan 21 pula bertujuan meminda Perenggan 4A (iii) dan 15(c) Seksyen 109 B dan Bahagian V, Jadual 1, masing-masing berikutan pemansuhan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965. Fasal 6 bertujuan meminda sub-perenggan 13(1)(b)(i) buat memperuntukkan bahawa sebagaimana sebagai tambahan kepada faedah atau kemudahan yang terdiri daripada rawatan

perubatan atau pergigian faedah jagaan kanak-kanak yang diberikan oleh majikan, juga tidak akan ditaksirkan atas pekerja. Manakala Fasal 8 pula bertujuan memasukkan perenggan baru (i) dalam subseksyen 34(6) Akta supaya perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan dan menyelenggara pusat jagaan kanak-kanak bagi faedah pekerja dibenarkan sebagai potongan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dari sektor swasta di dalam memberi sumbangan kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan di dalam Belanjawan 1996, pengumuman telah dibuat supaya potongan dalam pengiraan cukai pendapatan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang menyumbang kepada projek-projek tersebut di dalam bidang pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur. Justeru itu, Fasal 8 adalah bertujuan memasukkan perenggan baru (h) dalam sub-seksyen 34(6) Akta bagi menguatkuasa pengumuman tersebut di atas untuk meliputi sumbangan yang dibuat dalam tahun asas 1996.

Sebagai langkah untuk menarik lebih ramai sektor swasta menyokong usaha-usaha kerajaan bagi memajukan kebudayaan nasional, pemuliharaan warisan negara serta aktiviti bagi mengatasi masalah sosial, Fasal 8 - bertujuan memasukkan perenggan baru (j) untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaannya sendiri yang aktiviti diiktiraf oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Fasal 10 pula bertujuan memasukkan sub-seksyen 44 (6A) untuk membolehkan potongan bagi maksud cukai pendapatan dibuat bagi sumbangan dalam bentuk artifak atau manuskrip kepada kerajaan. Selanjutnya, Fasal 10 pula bertujuan meminda perenggan 44(7)(f) supaya potongan bagi maksud cukai pendapatan diberikan kepada derma wang tunai yang dibuat kepada institusi latihan teknik atau vokasional yang bukan bertujuan mencari keuntungan.

Manakala Fasal 23(b) bertujuan memasukkan Perenggan Baru 32 ke dalam Jadual 6, untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian ke atas pendapatan individu pemastautin daripada penyertaannya dalam pertunjukan kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak boleh dinikmati oleh individual yang sememangnya bertugas sebagai seorang artis kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sekiranya pembayar cukai gagal memegang cukai pegangan ke atas bayaran kepada pemastautin yang tertakluk kepada cukai ini, maka jumlah bayaran tersebut tidak dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai pendapatan. Di samping pembayar cukai perlu menjelaskan cukai pegangan 10%, penalti 10% dikenakan jika cukai tidak dibayar dalam tempoh 30 hari serta penalti tambahan 5% jika tidak dibayar dalam tempoh genap 90 hari.

Selaras dengan layanan cukai kepada pembayar cukai lain, Fasal 9 adalah untuk meminda Perenggan 39(1)(f), (i) dan (j) bagi mengadakan peruntukan supaya pembayaran kepada bukan pemastautin dibenarkan sebagai potongan setelah pembayar cukai menjelaskan cukai pegangan sebanyak 10% yang sepatutnya dipotong dan cukai tambahan sebanyak 10% sebagai penalti kelewatan tersebut.

Fasal 16 memperuntukkan bahawa pertambahan cukai kerana kelewatan tersebut tidak terpakai bagi hutang yang kena dibayar di bawah subseksyen 107A(2), 109(2) dan 109B(2).

Fasal 17, Fasal 18 dan Fasal 19 pula bertujuan meminda subseksyen 107A, 109 dan 109B untuk mengadakan peruntukan bagi pertambahan cukai sebanyak 10% daripada amaun kasar pembayaran, jika pembayar tidak meremitkan cukai kepada ketua pengarah berkenaan dengan pembayaran kontrak faedah royalti dan pembayaran yang dibuat di bawah kelas-kelas khas pendapatan kepada bukan pemastautin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh pesakit-pesakit yang mengidap penyakit yang sukar diubati seperti kanser, HIV, AIDS, penyakit buah pinggang, leukimia dan seumpamanya, Fasal 11 bertujuan memasukkan perenggan baru 46(g) untuk memberi pelepasan kepada pembayar cukai individual sehingga had maksimum RM5,000 bagi perbelanjaan perubatan untuk dirinya sendiri, isteri atau suaminya atau anak-anak mereka.

Pada masa ini, jumlah premium insurans nyawa dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dibenarkan sebagai pelepasan dalam pengiraan cukai pendapatan individual adalah sehingga RM5,000.

Walau bagaimanapun, bagi premium insurans nyawa, pembayar cukai hanya dibenarkan untuk mendapat pelepasan sehingga 7% daripada nilai polisi insurans nyawanya sahaja. Dengan sekatan ini pembayar cukai mungkin tidak dapat menikmati

secara maksimum pelepasan yang diberi. Oleh yang demikian, Fasal 12 adalah bertujuan meminda seksyen 49 supaya pelepasan yang dibenarkan berkenaan dengan pembayaran premium insurans nyawa tidak lagi terhad kepada 7% amaun modal yang diinsuranskan.

Pada masa kini, pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat pengurusan dana asing daripada perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan di luar negara adalah dikenakan kadar cukai konsesi sebanyak 10%. Bagi memberikan layanan yang sama rata kepada syarikat-syarikat pengurusan dana tempatan, serta untuk memajukan pengurusan dana di Malaysia, Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 60G untuk membolehkan syarikat pengurusan dana milik tempatan layak mendapat kadar cukai konsesi sebanyak 10% ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing.

Dalam Belanjawan 1996, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa pendapatan faedah yang diperolehi oleh dana tertutup daripada bon dan sekuriti tertentu adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan sebagai satu langkah untuk menggalakkan lagi pertumbuhan dana tertutup serta memberikan layanan cukai yang setanding dengan unit-unit amanah.

Fasal 14 bertujuan memasukkan seksyen baru 60H untuk mengecualikan keuntungan pelaburannya daripada cukai. Dalam pada masa itu hanya sebahagian daripada perbelanjaan pentadbiran tertentu dibenarkan sebagai potongan.

Manakala Fasal 23(C) bertujuan untuk meminda subperenggan 35(C) membuat peruntukan bahawa faedah yang dibayar kepada seorang individu, Amanah Saham dan dana tertutup yang disenaraikan daripada bon (selain daripada saham pinjaman boleh tukar) yang dinilai oleh Malaysia Rating Corporation Berhad juga adalah dikecualikan dari cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 83(3) untuk menyelaraskan dan memperbaiki pentadbiran cukai berhubung dengan obligasi majikan untuk menahan wang dan memberi notis bertulis sebelum pemberhentian kerja pekerja. Pindaan ini memperuntukkan bahawa majikan tidak perlu memberikan notis pemberhentian pekerjaan, jika pendapatan pekerja adalah tertakluk kepada potongan cukai bulanan atau jika saranan pekerja adalah kurang daripada amaun minimum pendapatan yang tertakluk kepada

potongan cukai bulanan dengan syarat bahawa pekerja itu tidak berhenti kerja secara kekal.

Pada masa ini elaun bangunan khas telah disediakan untuk menggalakkan majikan di sektor pengilangan, menyediakan tempat penginapan kepada pekerja-pekerjanya. Ini adalah untuk membantu majikan untuk menarik tenaga kerja yang diperlukan. Kemudahan penginapan yang disediakan juga dijangka dapat membantu majikan dalam sektor itu untuk mengekalkan tenaga kerja di samping memanfaatkan para pekerja. Selaras dengan objektif yang sama, Fasal 22 bertujuan meminda subperenggan 42A(1) Jadual 3, untuk memperluaskan pemberian elaun berkenaan kepada sektor perhotelan, pelancongan atau projek perkhidmatan yang diluluskan.

Pada masa ini, koperasi berdaftar dikecualikan daripada cukai pendapatan sekiranya kumpulan wang anggota koperasi tidak melebihi RM500,000. Sebagai langkah untuk menggalakkan perkembangan koperasi dan meningkatkan tahap simpanan di kalangan ahli-ahlinya, Fasal 23(a) bertujuan meminda subperenggan 12(1)(b) Jadual 6 supaya pengecualian daripada cukai pendapatan dinikmati oleh koperasi dengan wang anggota koperasi tidak melebihi RM750,000 pada hari pertama tempoh asas.

Fasal 24 pula bertujuan meminda Jadual 7A untuk meluaskan skop pemakaian elaun pelaburan semula kepada koperasi berasaskan pertanian, persatuan peladang dan persatuan perikanan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Petroleum, Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 26, Fasal 29, Fasal 30 dan Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 2, 69, 70 dan 71 Akta untuk membolehkan ketua pengarah mewakili kuasanya kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Fasal 27 adalah bertujuan memasukkan subseksyen baru (7B), (7C) dan (7D).

Subseksyen baru (7B) bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan bagi menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada mana-mana kariat atau projek masyarakat yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur yang diluluskan oleh pihak berkuasa

yang relevan adalah dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan perniagaan itu.

Subseksyen baru (7C) bertujuan memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak dan penyelenggaraan pusat jagaan kanak-kanak bagi faedah pekerja adalah dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan perniagaan itu. Perbelanjaan yang layak dipotong di bawah pindaan ini tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja yang bersifat kekal.

Subseksyen (7D) yang baru bertujuan membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaan yang diluluskan oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta-Tanah 1976.

Fasal 33, 34, 35, 36 dan 37 bertujuan meminda seksyen 2, 45, 47 dan 54 Akta Cukai Keuntungan Harta-Tanah 1976 untuk membolehkan ketua pengarah mewakili kuasanya kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Bab V berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Fasal 40 bertujuan meminda takrif "amanah luar pesisir" dalam subseksyen 2(1). Pindaan ini ialah pindaan yang berbangkit dengan pengwujudan Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996.

Bab VI adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975, sebagai usaha untuk meneroka pasaran ekport dan selaras dengan dasar eksport semasa.

Fasal 42 bertujuan meminda seksyen 2 dengan memasukkan takrif "perkhidmatan yang kena dibayar cukai dieksportkan".

Fasal 43 bertujuan meminda seksyen 3 supaya cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan.

Manakala Fasal 44 pula bertujuan meminda subseksyen 14(2) untuk melanjutkan tempoh yang cukai perkhidmatan kena dibayar daripada 6 bulan kepada 12 bulan, sekiranya pembayaran bagi penyediaan apa-apa perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai tidak diterima dari tarikh

pengeluaran invoice bagi perkhidmatan tersebut. Cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh 12 bulan itu.

Bab VII adalah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

Fasal 46 bertujuan memasukkan seksyen baru 2B untuk membenarkan gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen kemudahan menyimpan barang-barang tanpa membayar cukai jualan dan juga supaya gudang pengilangan berlesen tidak perlu dilesenkan di bawah subseksyen 13(1) Akta.

Bab VIII adalah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Kastam 1967.

Fasal 48 bertujuan meminda subseksyen 65(1) untuk membolehkan barang-barang lain seperti barang-barang yang tidak dikenakan duti digudangkan ditempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen.

Bab IX adalah berkaitan dengan beberapa pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990. Pada masa ini terdapat aktiviti jualan runcit kepada individu barangan bebas cukai seperti minuman beralkohol dan rokok di dalam zon-zon bebas kawasan pelabuhan tertentu. Jadual runcit bebas cukai seperti ini adalah tidak selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan zon-zon bebas di kawasan-kawasan pelabuhan tersebut.

Fasal 50 bertujuan meminda subseksyen 2(1) untuk meminda takrif aktiviti perdagangan dengan mengeluarkan aktiviti perniagaan runcit daripada takrif ini.

Fasal 51 bertujuan meminda perenggan 5(2)(c) untuk membenarkan barang-barang yang tidak lagi dalam bungkusan asal dihantar ke kawasan utama kastam selepas barang-barang itu diproses di dalam zon bebas.

Fasal 52 pula bertujuan memasukkan seksyen baru 6A mengenai kuasa menteri untuk meluluskan perniagaan runcit yang bersesuaian untuk diadakan di zon-zon bebas yang diluluskan.

Manakala Fasal 53 adalah bertujuan memotong subseksyen 8(2) dan 8(3) kerana kedua-dua subseksyen tersebut telah digantikan dengan subseksyen 6A.

Fasal 59 pula adalah bertujuan meminda perenggan 30(a) untuk membenarkan mana-mana pegawai kanan kastam mendakwa sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 6A di

mahkamah. Pada masa ini hanya aktiviti selain daripada yang diwartakan sahaja dibenarkan dijalankan di zon bebas.

Dengan ini Fasal 55 bertujuan meminda subseksyen 10(3) untuk membolehkan menteri meluluskan apa-apa aktiviti tambahan khususnya kepada pengendali individu dalam zon bebas.

Manakala Fasal 57 pula bertujuan meminda subseksyen 12(1) untuk membolehkan menteri meluluskan apa-apa barang (umpamanya untuk perniagaan runcit) untuk dibawa masuk ke dalam zon bebas.

Fasal 56(a) bertujuan meminda subseksyen 11(1) supaya menteri tidak lagi perlu meluluskan barang-barang daripada perihalan yang akan digunakan secara langsung untuk pengilangan barang-barang lain.

Manakala Fasal 56(b) pula bertujuan membolehkan menteri meluluskan barang-barang, selain daripada barang-barang yang terdapat di bawah subseksyen 11(1), untuk dibawa ke dalam zon bebas (perindustrian) bagi aktiviti lain. Dengan pindaan ini, aktiviti pengedaran dan pemasaran boleh dijalankan oleh Pusat Perolehan Antarabangsa di zon perindustrian bebas.

Pada masa ini subseksyen 13(1) hanya menghadkan pihak berkuasa zon bebas mengadakan kemudahan-kemudahan dalam zon bebas dan pihak berkuasa zon bebas tidak boleh memberikan perkhidmatan sokongan buat kemudahan penghuni zon seperti bank, kantin, taman asuhan kanak-kanak dan sebagainya.

Fasal 58 bertujuan meminda subseksyen 13(1) untuk membenarkan syarikat-syarikat memberikan perkhidmatan yang disebutkan di atas di dalam zon bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai

Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990, dan untuk memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka.

7.32 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak cukup kuorum. Tidak cukup nampaknya.

**Seorang Ahli:** Tidak apalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sungguhpun tidak cukup ahli, terpaksa juga berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak bangkitkan peraturan mesyuaratkah ataupun sekadar bercakap sahaja?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau hendak bangkit, boleh bangkitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu terserah kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau bangkit, boleh bangkit. Kalau macam itu boleh bangkit. Nampaknya, tidak cukup ahli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Setiausaha.

*[Ahli-ahli dikira: Kurang daripada 26 Ahli hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*[Ahli-ahli dikira - lebih 26 Ahli hadir]*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** ..... saya ingin merakamkan rasa kesal, kerana ramai Ahli-ahli Parlimen Islam sedang sembahyang, tetapi kuorum dipanggil. Ini menunjukkan tidak ada perikemanusiaan, biadap!.....*[Tepuk]*

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Betul itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat .....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan penyokongan tadi, kerana kami semua bertanggungjawab, tetapi waktu sembahyang ini kita terpaksa, ini ada kawan kita yang sekarang masih menunaikan sembahyang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
*[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Jangan cuba mengambil kesempatan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**  
*[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ini bukan usul, tetapi meluahkan perasaan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya benarkan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**  
*[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat - 21 orang sudah cukup kuorum. Kota Melaka boleh teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Siapa banyak kuorum?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat demonstrasi tadi - tidak patut, kerana saya ada sebut tadi bahawa tidak cukup, tetapi selepas itu ditunjukkan kepada saya sama ada hendak bangkit atau tidak, tetapi sungguhpun begitu saya amat sedar bahawa itu untuk.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ahli Parlimen untuk yang beragama Islam.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** DAP dua orang sahaja dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itupun mahu cakap besar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Untuk Ahli Parlimen yang beragama Islam saya tidak salahkan mereka....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Waktu sembahyang kacau!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Hendak berucapkah atau hendak.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi ada seorang Timbalan Menteri dia naik tanpa meminta apa-apa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia berdiri begitu sahaja dan cakap. Jadi, saya berhak untuk menjawab. Saya tidak bantah dia bercakap....*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat saya rasa, ini ada had batasnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya sendiri pun ada had dan batasnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak boleh macam ini.....

**Beberapa Ahli:** *[Boo!]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa kalau Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak apalah, kalau Yang Berhormat tidak berminat untuk bercakap, saya berhentikan Yang Berhormat daripada berucap.

**Seorang Ahli:** Jangan beri dia berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak payahlah tunjuk 'taring' kepada Kerusi, ini saya rasa keterlaluan....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi Yang Berhormat..... *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Yan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat kalau hendak berucap itu bukan begitu rupanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya tuju kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak salahkan dia kerana dia hendak sembahyang, saya tidak salahkan. Oleh sebab itu saya tidak salahkan Ahli Parlimen yang beragama Islam, tetapi yang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak payahlah.....

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... bukan beragama Islam, saya salahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak payahlah berhujah.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dia mengambil bahagian semasa membincangkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996, tetapi bila waktu saya hendak menjawab dia hilang - tidak ada langsung, samalah mereka pun pergi minum kopi juga. Apalah! very childish - childishlah. Tidak ada modal lain, kuorum pula, childish!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat hendak apa? Tidak berbudi ini? *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukup!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak ada standardlah macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bangun atas apa?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Peraturan 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** 43.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja membuat keputusan supaya Yang Berhormat ini berhenti, dia

masih berdegil-degil lagi. Jadi, saya mencadangkan supaya diambil tindakan tatatertib mengikut Peraturan 44 - dihalau keluar! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Kalau dia tidak mahu mendengar arahan Tuan Yang di-Pertua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat itu terserah kepada saya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** .... Peraturan 44 - ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi saya hendak beri nasihat sedikit Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah cakup atas topik-topik yang tidak bersabit dengan rang undang-undang, elakkan sahajalah, kenapa Yang Berhormat hendak tunjuk taring kepada Kerusi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak rujuk kepada kuorum 26 orang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak mendapat pandangan, kalau semasa sembahyang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** ....bolehkah kita tangguhkan Dewan untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen Islam sembahyang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sekarang ini....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita ini tidak ada masalah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dia mencabar ini!

**Tuan Lim Guan Eng:** Cabar siapa?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Mandarin sambil menunjukkan jam di dinding] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan! Yang Berhormat dari Yan, ini saya tidak benarkan. Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya memang memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk berbahas, tetapi janganlah cuba hendak ungkit-ungkitkan benda yang tidak bersabit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak mengambil bahagian, tetapi saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tidak akan tumpu kepada Yang Berhormat seorang sahaja. Cukuplah Yang Berhormat! Ada ahli-ahli lain yang hendak berucap ataupun hendak berbahas?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum berucap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tidak akan tunggu Yang Berhormat seorang sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Atas kemahuan Yang Berhormat seorang sahaja. Saya rasa ini sudah keterlaluan Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bangun untuk berucap Tuan Yang di-Pertua. Adakah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tidak menafikan hak Yang Berhormat daripada berbahas, tetapi janganlah mengambil kesempatan semacam ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya menjawab apa yang dilempar oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau hendak jawab Yang Berhormat, di sini bukan tempatnya dan sekarang pun bukan masanya. Cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya membantah atas apa saya diberhentikan berucap?

**Seorang Ahli:** Apa ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Atas apa saya diberhentikan berucap, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, keputusan tadi itu tetap dikekalkan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, boleh saya tentukan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi kita boleh timbulkan point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya benarkan, tetapi Yang Berhormat, belum sampai masanya lagi.

Fasal 1 hingga 4 -

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, point of order atas apa Yang Berhormat dan yang keberapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** 39(1).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** 39(1) dan 40(1). Saya sebutkan 40(1) dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Mana satu Yang Berhormat hendak bangkitkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak sebutkan 40(1) dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:**

40(1) "Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada Mesyuarat maka seseorang ahli boleh bangun di tempatnya dan menuntut mencadangkan "*Iaitu masalah ini diputuskan sekarang*" dan jika, pada fikiran Pengerusi Usul ini tidak akan membawa peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digunakan pada jalan yang salah atau melanggar hak-

hak puak kecil maka masalah hendaklah dikemuka bagi diputuskan dengan serta-merta dan diputuskan dengan tidak boleh dipinda.....

(2) Apabila usul "*Iaitu masalah ini diputuskan sekarang*" telah disetujui dan masalah asal telah diputuskan, maka siapa-siapa ahli boleh menuntut supaya apa-apa masalah lain yang telah dikemukakan oleh Pengerusi itu diputuskan sekarang dan jika Pengerusi bersetuju, masalah ini hendaklah diminta mesyuarat memutuskannya dengan serta-merta....."

Tuan Pengerusi, saya telah bangun.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak payah berhujah, sebutkan sahaja....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya telah bangun untuk berucap tadi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat sudah bangkitkan point of order dan Peraturan Mesyuarat dan sekarang saya kena putus....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak tahu atas apa sebab tadi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:**..... saya tidak dibenarkan berucap? Saya tidak melanggar apa-apa peraturan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, .....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tingkah-laku! Perangai

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Satu sahaja....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana memanggil kuorum.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Satu demi satu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa salahnya, kalau kuorum ini tidak mahu kita mansuhkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya. Nanti dahulu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak adillah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, bersabit dengan apa yang dibangkitkan tadi oleh Kota Melaka, saya rasa ini tidak bersabit, tidak kena,

sebab bukan beliau tidak diberi peluang untuk berbahas. Sebenarnya itupun bukan kerana beliau bangkitkan point of order atas kuorum tidak cukup. Inipun diizinkan, walaupun ada pihak yang menegurnya, tetapi saya bagi peluang juga kepada beliau untuk berbahas, tetapi nampaknya beliau sibuk sangat, ghairah sangat hendak jawab perkara yang tidak kena-mengena dengan rang undang-undang. Jadi, saya terpaksa membuat sesuatu yang tidak disenangi, walaupun saya sendiri memang tidak mahu berbuat demikian [*Tepuk*] tetapi janganlah Yang Berhormat mengambil kesempatan semacam ini. Sekali-sekala mungkin manusia ini 'Bumi mana yang tidak ditimpa hujan', saya boleh sabar tetapi janganlah membuat ini semacam gelagat yang berkekalan. Ini bukan sesuatu yang patut digalakkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, atas perkara yang sama, kalau saya berbalah, saya bukan berbalah dengan Tuan Pengerusi, saya berbalah dengan Ahli Parlimen yang bangun tanpa diberi kebenaran. Kalau macam ini sepatutnya Tuan Pengerusi, memberikan amaran.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tidak berhajat memberi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Menyampuk*]  
[*pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak erti bahasa kebangsaan, saya rasa kesal sangatlah Yang Berhormat. Sebab saya sudah cakap tadi cukup jelas dan saya tidak akan huraikan dengan lebih lanjut lagi. Fasal-fasal 1.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tidak akan ulangi apa yang telah dicakapkan tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, boleh ambil tindakan tetapi saya hendak bagi satu point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Point of order yang ke berapa? Benda yang sama tidak akan saya layan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat kesal kerana dia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** 36(4). Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya amat kesal.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 36(4) - unparliamentary.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia menggunakan perkataan biadab ke atas saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Pengerusi, kalau itu unparliamentary, saya tarik balik perkataan biadab yang saya katakan kepada Yang Berhormat tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau perkataan itu dilafazkan, saya tidak benarkan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, bahawa apabila pihak kerajaan menyebutkan perkataan yang unparliamentary, tindakan tidak diambil. Tetapi bila saya tidak buat apa-apa, saya hanya mempertahankan diri, saya tidak dibenarkan berucap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat, jangan putar belit, Yang Berhormat. Itu dosa tahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak putar belit, ini perasaan saya. Saya tidak diberikan keadilan untuk berucap.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tadi, dia suruh saya tarik perkataan itu, saya tarik. Tetapi dia tidak pernah suruh saya tarik.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**  
[*Bangun*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa ini memang tidak adil.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Biar saya putuskan, biasanya kalau sesepatah perkataan yang dianggap unparliamentary itu disebut dengan serta merta pihak yang berkenaan patutlah minta ahli yang berkenaan tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya tidak diberi peluang berucap pun.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Pengerusi, kita sebelah sini patuh kepada Tuan Pengerusi, saya tarik balik. Tak faham lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebelah ini tak gentlemen ke macam ini?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Okay, baik, Yang Berhormat. Kita balik kepada perbahasan, Fasal-fasal 1 hingga 4, [*Diganggu*] jadi

sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ya, apa dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin mendapat persetujuan lagi tentang point of order 37.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** 37.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** 37.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi jangan berhujah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bahawa seseorang ahli .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, ini point of order, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, boleh macam inikah? Tadi saya bangun, bila saya berucap tidak beri can langsung. Mana keadilan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi, jangan putar belit, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak putar belit, Peraturan Mesyuarat 37 "*Adalah salah bagi Peraturan Mesyuarat mendahului perbincangan atau rang undang-undang yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang membahaskan sesuatu usul tersendiri*", minta maaf, ini 39. 37, ini Peraturan Mesyuarat lamalah. [Ketawa]

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** "*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali jika hendak.....*" saya point of order, duduklah, ini tak fahamkah, Peraturan Mesyuarat. "*Seseorang ahli.....*", duduk, diam-diam. "*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali:-*

(a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat, ketika itu ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dan ahli yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak

*dikeluarkannya buat pengetahuan mesyuarat yang diserahkan kepada Pengerusi memutuskannya.*" Faham tak?

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Guan Eng:** dan

(b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....*yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang bercakap itu mahu beralah dan duduk, dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh pengerusi.*"

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum orang ada minta jalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah bangun berucap, Yang Berhormat Jebleu telah bangun berucap. Mengapa tindakan tidak diambil ke atas mereka? Tetapi jawab kepada saya, bila saya berhak berucap, itu yang tidak adil.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebenarnya tidak dengarkah Yang Berhormat, bila Timbalan Menteri dan juga Ahli Yang Berhormat Kuala Pilah bangun, saya sudah cakap tadi ini bukan usul, tidak payah ada seorang pencadang dan seorang lagi penyokong. Saya sudah cakap tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi kalau begitu, mengapa mereka dibenarkan berucap begitu panjang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... dan membuat tuduhan kepada saya. Ini tidak adil.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya menghormati Ahli Parlimen ini yang bersembahyang, tidak ada masalah.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Saya hendak jawab, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak payahlah, Yang Berhormat. Saya rasa saya kena.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Pengerusi, bagi saya chance dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** You tidak bagi saya chance pun, saya bagi you chance.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Saya rasa.....

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Kita patuh dengan Tuan Pengerusi, Pengerusi kata duduk, saya duduklah. You yang tidak patuh dengan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan tentang point of order ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan dan ini tidak akan saya ulangi lagi. Baik.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**  
[Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order, duduk dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kulim, tidak. Yang ini saya sudah cakap tadi, kalaulah Yang Berhormat, berbalik kepada apa yang diputuskan, saya menegahnya sama sekali. Kalau Yang Berhormat, cuba hendak hendak untkitkan perkara yang tidak bersabit dengan rang undang-undang, saya tidak akan layan lagi, Yang Berhormat. Cukup jelas.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa itu memang tidak adil kerana mereka dibenarkan buat yang tidak dibenarkan tetapi saya berhak berucap tidak dibenarkan berucap. Mana demokrasi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat berdegil, saya terpaksa membangkitkan apa yang saya memang tidak berniat berbuat.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat seorang sahajalah yang erti apa dia demokrasi, cukuplah, Yang Berhormat. Kalau cakap macam itu, saya rasa Yang Berhormat, itu keangkuhan namanya, Yang Berhormat. [Tepuk]

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu keputusan, Tuan Pengerusi tidak adil. Ini saya rasa tidak adil. Saya bukan hendak berbalah atau tidak mengerti tetapi ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Terserah kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak berhenti.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** .....saya akan bangkitkan Peraturan Mesyuarat 44. Nanti, Yang Berhormat, ini ada had batasnya, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order, Tuan Pengerusi, dia memang cari pasal hendak keluar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tahu macam mana hendak menanganinya, Yang Berhormat.

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 -

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 5 Rang Undang-undang dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the the duty is leviabale under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965", yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 5 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Masalahnya ialah Fasal 5 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, dikemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 5, Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviabale under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

*The English translation is as follows:*

Clauses 5 of the Bill is amended by inserting before the words "where the duty is leviabale under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," which are proposed to be deleted under that clause the words ", not being payments of film rentals,".

**Fasal 5** seperti mana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 -

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan bahawa Fasal 7 dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 7 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Masalahnya ialah Fasal 7 seperti mana yang dipinda di dalam slip pindaan, dikemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 7, Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

*The English translation is as follows:*

Clauses 7 of the Bill is amended by inserting before the words "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," which are proposed to be deleted under that clause the words ", not being payments of film rentals,".

**Fasal 7** seperti mana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 8 dan 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 -

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 10 Rang Undang-undang dipinda seperti berikut:

(a) dalam perenggan (b) teks bahasa kebangsaan sahaja, dalam subseksyen 44(6A) baru yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "any gift or artefact or manuscript" dengan perkataan "any gift of artefact or manuscript"; dan

(b) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "dalam subseksyen (7)" perkataan 'dalam takrif "institusi" '.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 10 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Masalahnya ialah bahawa Fasal 10 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, dikemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 10 Rang Undang-undang adalah dipinda -

(a) dalam perenggan (b) teks bahasa kebangsaan sahaja, dalam subseksyen 44(6A) baru yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "any gift or artefact or manuscript" dengan perkataan "any gift or artefact or manuscript"; dan

(b) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "dalam subseksyen (7)" perkataan 'dalam takrif "institution" '.

*The English translation is as follows:*

Clause 10 of the Bill is amended -

(a) in paragraph (b) of the national language text only, in the proposed new subsection 44(6A) by substituting for the words "any gift or artefact or manuscript" the words "any gift or artefact or manuscript"; and

(b) in paragraph (c) by inserting after the words "in subsection (7)" the words 'in the definition of "institution" '.

**Fasal 10** seperti mana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 11 hingga 18** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 19 -

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 19(a) Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 19(a) sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

Masalahnya ialah bahawa Fasal 19(a) sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, dikemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Fasal 19(a) Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan", not being payments of film rentals, ".

*The English translation is as follows:*

Clause 19(a) of the Bill is amended by inserting before the words "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965," which are proposed to be deleted under that clause the words "not being payments of film rentals,".

**Fasal 19** seperti mana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 20** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 -

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 21 Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965" yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan ", not being payments of film rentals,".

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 21 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

Masalahnya ialah bahawa Fasal 21 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan, dikemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Fasal 21 Rang Undang-undang adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965" yang dicadangkan dipotong di bawah fasal itu perkataan "not being payments of film rentals,".

*The English translation is as follows:*

Clause 21 of the Bill is amended by inserting before the words "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965" which are proposed to be deleted under that clause the words ", not being payments of film rentals,".

**Fasal 21** seperti mana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 22 hingga 61** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN 1996

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.58 mlm.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia; bagi mengadakan peruntukan tentang fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya; dan bagi mengadakan peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menyediakan akaun secara konsisten, benar, munasabah dan mudah dibuat perbandingan, suatu piawai perakaunan amat diperlukan oleh pihak yang menyediakan dan mengaudit akaun agar kekeliruan tidak berlaku. Inovasi yang berterusan dalam bidang kewangan dan perdagangan yang begitu pesat juga menyebabkan perlunya akaun

yang jelas bagi membolehkan pengguna membuat penilaian dan perbandingan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah entiti.

Perkembangan pasaran modal juga memerlukan laporan kewangan dan penzahiran maklumat yang berkualiti tinggi dalam sektor korporat. Pada masa ini tidak terdapat sesuatu badan tunggal yang berkuasa untuk menggubal piawaian perakaunan. Walau bagaimanapun, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA) telah mengisi kekosongan itu setakat kemampuan yang terhad. Sungguhpun usaha-usaha kedua-dua badan itu patut dipuji, tetapi sistem yang sedia ada mempunyai masalah mengenai pematuhan dan juga tidak mendapat kepercayaan daripada kalangan yang bukan ahli profesional perakaunan. Badan-badan profesional hanya dapat memastikan ahli-ahlinya sahaja mematuhi piawaian perakaunan tetapi mereka tidak dapat menjamin pematuhan oleh pengarah syarikat yang bukannya akauntan walaupun tanggungjawab akaun syarikat adalah terletak pada pengarahnya.

Dengan peralihan pengawalseliaan di Malaysia yang menuju ke arah penzahiran sepenuhnya, piawaian perakaunan yang mendapat persetujuan semua pihak menjadi semakin penting. Proses penggubalan piawaian perakaunan bukan sahaja melibatkan profesional perakaunan malah juga kumpulan-kumpulan kepentingan seperti pihak penyedia dan pengguna penyata kewangan.

Sehubungan dengan itu, semasa Ucapan Belanjawan 1996, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penubuhan satu badan bebas menggubal piawaian perakaunan yang dikenali sebagai Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia sebagai sebuah badan berkanun di bawah pengawasan Kementerian Kewangan. Ianya berbentuk struktur berperingkat yang terdiri daripada Yayasan Laporan Kewangan (Yayasan) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Lembaga).

Yayasan ialah sebuah badan korporat dan organisasi utama dalam struktur penggubalan piawaian perakaunan, walaupun Yayasan mengawasi lembaga, tetapi penggubalan Piawaian Perakaunan adalah dilaksanakan oleh lembaga secara bebas. Yayasan mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut:

- (i) untuk memberi pandangannya terhadap apa-apa perkara yang dicadangkan oleh Lembaga berkaitan dengan fungsi Lembaga;

- (ii) untuk mengkaji semula prestasi Lembaga;
- (iii) untuk meluluskan perlantikan Pengarah Teknikal;
- (iv) untuk bertanggungjawab bagi semua urusan kewangan berkaitan dengan operasi Lembaga; dan
- (v) untuk menjalankan fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Yayasan akan terdiri daripada 19 ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Ahli-ahli ini termasuk 7 ahli ex-officio dan 12 orang ahli biasa seperti berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;
- (b) Gabenor Bank Negara atau wakilnya;
- (c) Pengurus Suruhanjaya Sekuriti atau wakilnya;
- (d) Pendaftar Syarikat ataupun wakilnya;
- (e) Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur atau wakilnya;
- (f) Presiden Institusi Akauntan Negara;
- (g) Pengerusi Lembaga;
- (h) 12 ahli lain terdiri daripada:
  - (i) lima pegawai utama di syarikat awam tersenarai;
  - (ii) Empat ahli adalah rakan kongsi dengan pengalaman tidak kurang daripada 10 tahun diploma Akauntan Awam; dan
  - (iii) .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiausaha, sila kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 17 orang, sila bunyikan loceng.

**Loceng dibunyikan**

[Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 26, cukup kuorum. Timbalan Menteri, sila teruskan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini, kalau tadi sahabat saya membangkitkan. Waktu Maghrib kita mulai jam 7.00 sehingga 8.15 malam.

Wakil-wakil kita orang Islam terpaksa menunaikan fardu solat, sembahyang. Jadi, janganlah dipermain-mainkan. Bukanlah kita tidak mahu hadir. Kita harap pihak yang berkenaan ini ada perasaan hormat sedikit kepada kami sebagai menghormati agama kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat, biasanya atau kadang-kadang pembangkang pun ada di dalam, waktu tidak ada kuorum tidak dibangkitkan. Kita malam ini banyak urusan. Saya berharaplah kalau pun dibangkitkan itu serius, jangan untuk mengendalakan persidangan. Tadi loceng berbunyi pun saya tengah sembahyang, saya tak dapat penuhkan kuorum. Saya minta kerjasamalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya boleh berikan jaminan bahawa kita akan berikan kerjasama. Tetapi saya amat kesal kerana tidak tahu keadaan membuat tuduhan yang melulu bahawa kita tidak hormati ahli Parlimen Islam bersembahyang. Saya rasa itu sudah lebih. Di sini kita boleh berikan kerjasama seperti tadi yang diminta oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apa beri peluang dia bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak payah bercakap. You don't have seksyen di sini. Tak payah hendak jelas, memang tidak hormat pun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat menghormati orang Islam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak menuju kepada Ahli Parlimen yang beragama Islam. Kerana Ahli Parlimen Barisan Nasional pun ada yang tidak beragama Islam, mengapa mereka tidak hadir?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak payahlah hendak jelas lagi! Esok saya hendak minta akhbar publish ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, kita akan berikan kerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia memang tidak berniat untuk berbuat demikian, tetapi kebetulan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Walaupun Ahli Parlimen Barisan Nasional yang bukan Islam ada di luar, tetapi lebih ramai daripada pembangkang yang ada di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukup ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa ramai pembangkang sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukup ya. Okay, cukuplah.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri minta teruskan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua,

- (iii) seorang ahli adalah rakan kongsi dengan pengalaman tidak kurang daripada 10 tahun mengamalkan perundangan;
- (iv) dua ahli lain adalah mereka yang mempunyai pengalaman dan latar belakang yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga akan ditugaskan untuk menggubal dan mempertingkatkan piawaian perakaunan dan laporan kewangan bagi para pengguna, penyelia dan juruaudit penyata kewangan. Walaupun Lembaga adalah bebas dalam penggubalan piawaian perakaunan, tetapi satu proses rundingan akan diwujudkan di antara Yayasan dan Lembaga untuk memastikan bahawa pandangan yang secukupnya telah diperolehi dan dipertimbangkan sebelum sesuatu piawaian perakaunan digubal. Fungsi-fungsi Lembaga adalah seperti berikut:

- (a) untuk mengeluarkan piawaian perakaunan yang baru;
- (b) untuk mengkaji semula meminda atau menerima pakai piawaian perakaunan yang sedia ada;
- (c) untuk mengeluarkan kenyataan prinsip asas bagi laporan kewangan;
- (d) untuk menaja atau membangunkan piawaian perakaunan;

- (e) untuk mengadakan rundingan seperti yang diperlukan bagi menentukan kandungan konsep, prinsip dan piawaian perakaunan;
- (f) untuk membuat perubahan dan bentuk kandungan piawaian perakaunan yang dicadangkan sebagaimana difikirkan perlu;
- (g) untuk menggubal konsep rangka kerja bertujuan menilai piawaian perakaunan yang telah dijalankan; dan
- (h) untuk menjalankan fungsi-fungsi lain sepertimana yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Lembaga akan dianggotai oleh 8 orang ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- (a) Pengerusi;
- (b) Akauntan Negara; dan
- (c) enam ahli yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam satu atau lebih daripada bidang yang berikut, iaitu ilmu perakaunan, undang-undang, perniagaan atau kewangan dan dalam urusan perakaunan dan laporan kewangan.

Di samping itu, dicadangkan supaya tiga orang penasihat dilantik di dalam Lembaga yang mewakili Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Pejabat Pendaftar Syarikat. Penasihat tersebut hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perakaunan, undang-undang perniagaan atau kewangan. Tetapi mereka tidak diberi kuasa untuk mengundi dalam semua mesyuarat Lembaga.

Akta Laporan Kewangan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama rang undang-undang ini menyediakan peruntukan berkaitan dengan dengan takrif dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam draf akta itu. Misalnya takrif piawaian perakaunan, piawaian perakaunan yang dibenarkan, Lembaga Yayasan Tabung, menteri dan pegawai utama.

Bahagian kedua rang undang-undang itu menyediakan peruntukan mengenai fungsi keahlian, aktiviti bagi Lembaga dan Yayasan.

Bahagian ketiga Rang Undang-undang itu menyediakan penjelasan mengenai Hal Ehwal Kewangan Yayasan termasuk akaun dan laporan tahunan.

Bahagian Keempat, Rang Undang-undang itu menyediakan peruntukan am mengenai akta ini

termasuk pematuhan kepada piawaian perakaunan yang diluluskan kerahsiaan dan kuasa untuk membuat peraturan.

Akta ini dirangka sedemikian rupa di mana Lembaga mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (a) Lembaga diwujudkan hanya untuk menggubal piawaian perakaunan.
- (b) Lembaga tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap kesalahan sivil atau jenayah kerana penguatkuasaan undang-undang jenayah untuk menghukum ketidakpatuhan bukan merupakan objektif utamanya; dan
- (c) tanggungjawab untuk memastikan pematuhan piawaian perakaunan adalah tertakluk kepada agensi pengawal-selia yang berkaitan.

Adalah menjadi satu beban yang berat bagi Lembaga sebagai sebuah agensi yang menggubal piawaian perakaunan jika ianya juga dikehendaki memastikan pematuhan piawaian perakaunan tambahan lagi kos untuk mengendalikan penguatkuasaan adalah terlalu besar. Mekanisme pengawalan yang paling sesuai untuk tugas ini adalah dipertanggungjawabkan ke atas badan-badan pengawal selia yang sedia ada. Walaupun Juruaudit diharapkan dapat memastikan piawaian perakaunan dipatuhi, penguatkuasaan di peringkat pengawal selia masih diperlukan.

Sehubungan dengan itu, agensi-agensi berikut dicadangkan untuk melaksanakan penguatkuasaan piawaian mengikut bidang masing-masing;

- (a) Suruhanjaya Sekuriti akan bertanggungjawab bagi penguatkuasaan piawaian terhadap semua syarikat awam yang tersenarai;
- (b) Bank Negara Malaysia akan bertanggungjawab bagi menguatkuasakan penguatkuasaan piawaian terhadap semua institusi kewangan di bawah seliaannya; dan
- (c) Pendaftar Syarikat pula akan bertanggungjawab bagi penguatkuasaan piawaian terhadap semua syarikat yang lain.

Akta Laporan Kewangan 1996 memberi peluang dan peranan yang mencukupi kepada Bank Negara Malaysia, Pendaftar Syarikat dan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengambil bahagian yang aktif dalam proses penggubalan piawaian perakaunan melalui penyertaan agensi-agensi ini dalam Yayasan dan juga Lembaga. Penguatkuasaan oleh ketiga-tiga agensi ke atas kumpulan syarikat-syarikat tertentu adalah

suatu pendekatan yang praktikal dan boleh diselaraskan secara pentadbiran dan persefahaman antara ketiga-tiga agensi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting supaya bidang penguatkuasaan dan pematuhan dimasukkan ke dalam undang-undang yang berkenaan iaitu Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Institusi Kewangan dan Bank 1989 dan Akta Syarikat 1965 selaras dengan penguatkuasaan piawaian perakaunan oleh semua pengawalseliaan yang berkenaan. Peraturan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 perlu dipinda untuk memastikan bahawa piawaian yang diluluskan oleh Lembaga dipatuhi oleh semua syarikat awam yang tersenarai. Bank Negara secara budi bicara pentadbiran boleh menetapkan bahawa ia hanya meluluskan penyata kewangan di bawah Seksyen 41(4) Akta Institusi Kewangan dan Bank 1989. Jika institusi kewangan itu telah mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Akta Syarikat pula perlu dipinda bagi memastikan bahawa akaun-akaun syarikat disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga.

Pengwujudan akta ini melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan tetapi jumlahnya masih belum ditentukan. Satu tabung pelancaran berjumlah RM30 juta telah dicadangkan untuk penubuhannya, memandangkan langkah ini dijangka akan meningkatkan pembangunan pasaran modal, khususnya, pasaran ekuiti, maka adalah dicadangkan supaya tabung pelancaran berjumlah RM30 juta disumbangkan sama rata di antara Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Secara keseluruhannya, rang undang-undang yang dicadangkan itu menyediakan peruntukan terperinci mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan piawaian perakaunan. Kementerian Kewangan berpendapat peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996 itu adalah sesuai dan mencukupi untuk memaju dan mengawal selia aktiviti piawaian perakaunan.

Sekian sahaja. Saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia bagi mengadakan peruntukan

tentang fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi mengadakan peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tambun.

**8.18 mlm.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996. Sepertimana kita sedia maklum, bahawa Penyata Kewangan digunakan oleh banyak pihak, terutama oleh pihak kerajaan bertujuan untuk cukai, pihak bank untuk pinjaman, pemegang saham untuk dividen, pengurusan syarikat untuk mengetahui kedudukan kewangan dan lain-lain pihak yang menggunakan Penyata Kewangan untuk kajian perbandingan dan sebagainya.

Saya mengalu-alukan penubuhan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan saya percaya dengan penubuhan Yayasan serta Lembaga akan menghasilkan standard perakaunan dan kewangan yang tinggi di negara kita.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berlaku di dalam Laporan Kewangan seperti mana yang ada sekarang. Pertama, tentang Laporan Kewangan - biasanya kita lihat Laporan Kewangan yang diaudit kadang-kadang lewat dikeluarkan. Bagi syarikat-syarikat yang baik, efisien serta efektif, dalam tempoh 6 bulan Penyata Kewangan yang diaudit akan keluar, tetapi kadangkala kita dapati bahawa banyak syarikat yang Laporan Kewangan yang diaudit dikeluarkan begitu lambat sampai setahun atau 2 tahun. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian ke arah untuk memastikan semua syarikat mengeluarkan laporan yang telah diaudit dalam tempoh waktu pada tahun berikutnya tidak sampai 1 atau 2 tahun terlewat, kerana pentingnya akaun itu diaudit untuk kegunaan pihak-pihak seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Kedua, saya dapati dalam kerja-kerja mengaudit, tentang pemeriksaan buku-buku ledger, cash book, berbanding dengan baucer, ataupun dalam erti kata lain kerja-kerja vauching, saya dapati bahawa di bawah praktis sekarang ini, kerja-kerja vouching ini dilakukan dalam lingkungan 7% - 10% transaction yang terdapat di dalam buku-buku. Begitu juga dari segi stock taking yang dibuat pada setiap hujung tahun, dilakukan pada peringkat 5 hingga 10% ke

atas semua stok yang ada. Saya berpendapat tahap 5 - 10% ini patut ditingkatkan, sekurang-kurangnya kepada 30%- 50% supaya kita dapat menunjukkan kedudukan yang betul. Jikalau sekadar 5% - 10%, kita buat vouching dan stock taking, mungkin kita akan tertinggal perkara-perkara yang tidak betul di dalam buku-buku akaun tersebut.

Begitu juga saya dapati dari segi pengesahan hutang. Biasanya juruaudit akan mengeluarkan surat kepada pemiutang ataupun siberhutang untuk mendapatkan pengesahan dan juruaudit tidak akan menunggu mendapatkan pengesahan, mereka telah mengeluarkan akaun yang telah diaudit. Ini bermakna bahawa figure-figure di dalam penyata kewangan ada kemungkinan tidak menunjukkan gambaran yang sebenar.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh adalah bahawa laporan kewangan kita hanya menyiarkan sebahagian sahaja daripada kedudukan kewangan yang sebenarnya, financial disclosure tidak menyeluruh. Kalau kita lihat dalam penyata kewangan syarikat, di dalam penyata untung rugi, kita akan dapati bahawa ia bermula dengan profit before tax, keuntungan bersih sebelum cukai dan kemudian turun ke bawah tax, profit after tax, dividen dan sebagainya. Dia tidak menunjukkan daripada permulaan penyata untung rugi daripada hasil jualan cost of sales, kos jualan, keuntungan kasar, kos pentadbiran dan sebagainya.

Saya berpendapat, sepatutnya ia memberi gambaran yang menyeluruh supaya semua pihak yang perlu menggunakan penyata kewangan ini dapat membuat analisa secara yang betul. Umpamanya, kalau syarikat menjual sesuatu produk, ia dapat menghasilkan pendapatan hasil jualan sebanyak RM100 juta, kita tahu cost of sale berapa dan akhirnya kita tahu ke peringkat bawah segala jumlahnya dan kita boleh buat ratio analysis berasaskan kepada perbandingan dengan keuntungan tahun lalu, balancesheet dengan profit and loss analysis dan sebagainya. Tanpa financial disclosure yang sepenuhnya, kita tidak akan membuat analisis yang sebenarnya.

Perkara ini telah dihadapi oleh banyak pihak terutama pihak bank dalam memberi pinjaman, berdasarkan kepada anggaran yang bukan benar dapat daripada syarikat dan ini akan membuka pihak bank kepada risiko kewangan dan juga kepada syarikat. Jikalau kita dapat full disclosure, pihak bank membuat analisis serta boleh membuat rekomendasi dan cadangan kepada syarikat untuk kebaikan syarikat.

Satu lagi perkara, tentang laporan juruaudit. Kita dapati bahawa sebelum juruaudit mengeluarkan akaun yang telah diaudit, ia biasa menulis surat kepada pengarah syarikat menerangkan kelemahan yang didapati semasa menjalankan kerja-kerja audit dan syarikat akan menjawab. Setelah berbincang dan sebagainya, pihak juruaudit akan mengeluarkan akaun yang telah diaudit.

Saya berpendapat bahawa kelemahan ini patut dimasukkan dalam penyata kewangan supaya diketahui oleh pemegang saham dan pihak yang memerlukan untuk melihat akaun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara, kita mengadakan penyata kewangan yang diaudit pada setiap tahun sekali dalam satu financial year end, katalah 31hb. Disember, kita akan memulakan audit pada bulan Januari, Februari atau Mac dan siap. Saya dapati bahawa dalam keadaan sekarang, perubahan begitu cepat. Saya dapati bahawa penyata kewangan yang dikeluarkan setahun sekali yang telah diaudit ini tidak mencukupi untuk kegunaan syarikat dan pihak lain.

Ada syarikat yang membuat interim auditing seperti Tasek Cement dan sebagainya dan ini membantu syarikat tersebut. Saya berpendapat bahawa pihak kerajaan harus begitu tegas, supaya laporan kewangan ini tidak diaudit setahun sekali, ia ada baiknya dilakukan interim auditing dalam tempoh enam bulan dan kemudian 'yearly' dan dalam tempoh enam bulan lagi kerana dari segi kosnya sama. Kalau pihak juruaudit mengenakan sebanyak RM15,000 untuk menjalankan kerja audit untuk tempoh setahun, kalau kita buat setiap enam bulan pun dia lebih kurang sahaja, hanya kita akan membuka buku-buku kita untuk diperiksa oleh pihak juruaudit dan kadangkala syarikat tidak begitu suka buku-bukunya dilihat oleh pihak lain.

Saya juga menyentuh tentang masalah balancesheet. Saya dapati bahawa dari segi kedudukan si berhutang dengan si piutang, kita dapati bahawa di dalam penyata kewangan ada disediakan peruntukan untuk hutang ragu. Peruntukan untuk hutang ragu ini dibiarkan kepada pengurusan syarikat, mahu pun lembaga pengarah untuk menentukan polisinya. Ada syarikat, bila kita buat 'aging schedule' - jadual umur hutang ataupun si berhutang ini. Kita selalu buat satu bulan hingga tiga bulan, tiga bulan hingga ke enam bulan sampai 'aging schedule' nya pergi sehingga sampai setahun lebih, tetapi tidak diletak dalam peruntukan untuk hutang ragu.

Saya berpendapat bahawa kerajaan harus ada satu dasar - hutang yang lebih daripada setahun ini

sepatutnya dimasukkan atau tidak sebagai hutang ragu, kerana pada pendapat saya hutang yang lebih daripada satu tahun, ia menjadi begitu susah untuk dikutip dan besar kemungkinan ia akan jadi hutang ragu. Syarikat tidak bersetuju untuk ini dijadikan hutang ragu kerana ia akan mempengaruhi kedudukan untung rugi, kalau besar hutang ragu, kedudukan untung rugi akan menjadi begitu kecil. Tetapi kalau dibiarkan hutang ini bukan dalam bentuk hutang ragu, ia akhirnya akan meninggalkan kesan kepada syarikat dari segi liquidity kepada syarikat tersebut.

Saya berpendapat, satu dasar harus ada, sejauh manakah 'aging' untuk si berhutang dan si piutang ini sebelum ia dimasukkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Begitu juga dari segi pelaburan. Saya dapati dalam penyata kewangan, pelaburan dalam pasaran saham banyak kali dicatat pada harga kos bukan pada harga pasaran dan ini tidak memberi gambaran yang benar tentang kedudukan penyata kewangan tersebut. Ini juga perlu ada satu dasar yang mana hendak dipakai, sama ada pada peringkat kos ataupun pada peringkat menggunakan kos, 'at cost' ataupun menggunakan 'market price', kerana ini mempunyai kesan kepada kewangan syarikat terutama liquidity. Kalau dia beli saham HICOM katakan pada harga RM7 kemudian jatuh pada harga RM5, kalau at cost dia akan letak pada harga RM7, pada hal harga sebenarnya sudah jatuh kepada RM5 dan ia tidak memberi gambaran baik dan gambaran yang sebenarnya, kerana kita ketahui bahawa penyata kewangan ini bertujuan untuk memberi gambaran sebenar kedudukan kewangan syarikat.

Satu lagi masalah yang dapat saya lihat dari segi mata wang asing. Kalau syarikat mempunyai transaction dengan pihak negara luar, transaction dalam bentuk US Dollar, bila hendak diterjemahkan dalam bentuk mata wang Malaysia, pada tukaran asing berapakah yang harus digunakan? Dan sebagai standard practice, ia menggunakan at 2.5 ataupun US\$1 : RM2.50. Dan ini diterjemahkan ia akan memberi satu figure dalam bentuk ringgit Malaysia.

Saya dapati bahawa sistem ini tidak baik, tidak memberi gambaran kedudukan sebenar syarikat. Saya berharap kerajaan ada satu dasar, bagaimanakah, adakah pada masa kita membeli US Dollar, jumlah itu yang patut digunakan, kalau 2.47 dia patut beli pada kadar 2.47, tetapi saya tengok banyak syarikat menggunakan praktis, dia buat flat rate 2.50 dan akhirnya bila berlaku tukaran, dia akan letak di dalam profit and loss, akaun untung rugi,

gains or lost from foreign exchange. Ini saya dapati bukan sistem yang betul.

Satu lagi perkara, berkaitan dengan mata wang ini tentang consolidation statement atau accounts seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita telah menjadi sebuah negara yang mempunyai pelaburan di negara asing. Satu syarikat ada hotel di Amerika Selatan, mempunyai projek highway di India, ada projek di Phillipines dan sebagainya dan anak-anak syarikat ini beroperasi menggunakan mata wang asing, kalau di Phillipines menggunakan Pesos, di China-Taiwan menggunakan Yuan, di Sweden menggunakan Kroner dan sebagainya.

Jadi, bila hendak buat consolidation accounts ini, macam manakah practice yang harus dibuat dari segi tukaran asing ini? Hendak diterjemahkan di dalam ringgit Malaysiakah?

Akhir sekali, saya hendak sentuh sedikit tentang penyata kewangan. Walaupun ini agak terkeluar sedikit tetapi saya percaya ada juga relevan dari segi penyata kewangan badan-badan kerajaan. Baru-baru ini saya dapat penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat untuk tahun 1994. Kalau mengikut practice biasa, bila kita habis financial year ended pada 31hb. Disember, ia akan siap dalam tempoh enam bulan. Itu practice yang baik dan bagus.

Saya anggap apabila kita menerima penyata kewangan daripada badan kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat umpamanya untuk tahun ini, sekarang bulan Disember tentu kita akan dapat penyata kewangan pada 31hb. Disember 1995. Tetapi yang diperolehi baru-baru ini pada 31hb. Disember 1994. Saya dapati bahawa practice ini berlaku di banyak tempat, badan-badan berkanun di peringkat negeri dan hampir di seluruh negara kecuali ada beberapa badan yang begitu efisien tentang penyata kewangannya, akan keluarkan penyata kewangan yang 'up to date'.

Cuba kita bayangkan, bila kita menerima penyata kewangan pada tahun 1994, kita menghadapi masalah kewangan sekarang. Macam mana kita hendak buat analisis. Pihak-pihak yang terlibat untuk mempunyai kepentingan tentang kewangan badan-badan ini, akan mempunyai laporan yang 'out-dated', yang sudah dua tahun lalu dan cuba untuk mengatasi masalah masa ini. Umpamanya kalau kita cakap di Parlimen tentang kedudukan kewangan MARA, kita akan gunakan figure tahun 1994. Jadi, segala perbincangan kita akan menjadi perbincangan yang sia-sia, yang tidak berguna. Segala cadangan kita untuk memberi kebaikan

kepada badan-badan kerajaan ini tidak akan berlaku kerana 'figure' nya adalah figure yang out-dated.

Jadi, saya berharap kepada kerajaan, perkara ini harus diberi perhatian yang serius kerana kunci kejayaan kepada satu-satu organisasi selain daripada sumber manusia adalah kewangan. Kalau kewangan ini tidak dijaga dengan baik, laporannya tidak dikeluarkan dengan baik, maka ia akan menghadapi masalah-masalah kewangan nanti. Mereka yang terlibat untuk membuat analisis tidak akan dapat memberi cadangan-cadangan serta recommendation yang baik pada badan-badan tersebut. Saya mengucapkan terima kasih. Saya mohon menyekong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

8.34 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996. Saya sungguh kesal sungguhpun Ahli Parlimen MCA ada 32 tetapi tidak cukup kuorum.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Seorang Ahli:** Baik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini menunjukkan mereka

...

**Seorang Ahli:** Kalau tidak mahu berucap, elok duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...ikut sahaja.

**Seorang Ahli:** Mana insulin?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang sangat penting yang membabitkan penetapan piawai perakaunan untuk negara kita. Sungguhpun saya tidak diberikan peluang berucap tentang Dasar Percukaian Negara kita tadi, tetapi ia juga ada kaitan dengan penetapan standard-standard piawai dan juga pengutipan cukai. Kerana standard yang kita gunakan akan menentukan cukai-cukai yang akan dikutip oleh negara kita.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri faham atau tidak? Sungguhpun Lembaga ini atau Yayasan ini akan ditubuhkan, adakah Lembaga Perakaunan dalam negara kita dirundingkan terlebih dahulu sebelum rang undang-undang ini dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini? Dalam Malaysia kita ada dua buah badan perakaunan. Satu ialah MIA - Malaysian Institute

of Accountant. Yang kedua ialah MACPA iaitu sebuah badan yang ditubuhkan lebih awal tetapi kerana sebab-sebab tertentu, kedua-dua badan perakaunan ini telah beroperasi secara berasingan. Bukan seperti Majlis Peguam, hanya ada satu majlis yang menguruskan perkara-perkara yang membabitkan peguam-peguam. Memandangkan keadaan demikian, apakah usaha hingga sekarang untuk mencantumkan kedua-dua badan perakaunan ini? Supaya kita ada satu badan yang boleh mengawal selia industri dan profesion perakaunan.

Saya rasa sudah tiba masanya bahawa kerajaan mempunyai atau negara kita mempunyai badan Lembaga Perakaunan yang tunggal untuk menguruskan hal-ehwal akauntan, standard perakaunan dan sebarang pertikaian yang timbul. Kalau tidak ada consistency, saya rasa ia juga akan membawa kesan negatif ke atas pembangunan ekonomi khususnya pembangunan pasaran modal yang sihat, maju dan canggih. Tentu perkara ini tidak dianggap penting oleh pihak kerajaan tetapi di sini, saya ingin merujuk kepada Bahagian IV seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Fasal 27 tujuannya ialah supaya piawai perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh lembaga dipatuhi berkenaan dengan akaun yang dikehendaki disimpan di bawah pelbagai undang-undang yang ditadbirkan oleh Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kewibawaan Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti untuk menguruskan atau menentukan generally accepted accounting principles? Sedangkan mereka sendiri tidak mengikut dengan izin, 'generally accepted accounting principles'. Apabila Bank Negara mengalami kerugian tukaran wang asing yang amat besar sebanyak RM30 bilion, ia hanya mengakui kerugian dalam lingkungan RM15 bilion. Tetapi, yang bakinya telah diselindung dalam akaunnya, dalam bentuk 'creative accounting' yang digunakan oleh Bank Negara. Di mana asset revaluation reserve tidak membayangkan dan menunjukkan keadaan perakaunan yang sebenarnya.

Oleh sebab itu, sungguhpun kalau dari segi perakaunan pada masa itu Bank Negara boleh dianggap sebagai insolvent ataupun 'in layman's term', Tuan Yang di-Pertua, bankrap. Tetapi hal ini tidak diterima oleh pihak kerajaan. Adakah sebuah badan yang tidak menghormati asas dan dasar perakaunan boleh dipercayai untuk menegakkan standard perakaunan yang akan ditetapkan dikeluarkan oleh yaysan sebagai pentadbir, pengurus dan pengawal selia? Apa gunanya?

Tadi Yang Berhormat sebelum saya telah menyatakan beberapa hujah yang dia rasa resah sedikit, kalau ia tidak dijelaskan. Tetapi, apa gunanya kita mempunyai piawai perakaunan? Kalau dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan, ia tidak dilaksanakan. Saya harap perkara ini akan diberikan perhatian kerana nampaknya ada banyak perkara, ada banyak contoh di mana prinsip perakaunan telah dibelakangkan. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang sama ada dari segi menilaikan harta 'when he use historical cost convention', dengan izin, or current market value is net realizable value atau beberapa prinsip pengiraan yang sedia ada.

Saya rasa ini satu perkara yang telah diperbincangkan dengan hebat sekali bukan sahaja di negara kita, tetapi di negara Barat, sama ada kita harus menggunakan historical cost convention ataupun current market value, kerana ia akan memberikan kesan yang sangat besar ke atas keseluruhan penyata kewangan yang akan dikeluarkan. Kalau kita menukarkan pengiraan aset daripada historical cost convention kepada current market value, the valuation surplus, dengan izin, akan menentukan aset atau menentukan Nett Tangible Asset Backing (NTA) syarikat tersebut dan ia membawa kesan yang sangat besar kerana kalau the valuation surplus ini diambil kira, Nett Tangible Asset Backing (NTA) sesebuah syarikat boleh naik melambung tinggi, tentu sekali ini bergantung kepada penilaian aset tersebut yang diadakan. Kalau penilaian itu tinggi dan juga kriteria penilaian yang dibuat pun penting, sekiranya penilaian itu tinggi, NTA itu akan naik dan ini akan memberi kesan secara langsung dan positif pada harga saham. Inilah juga bahayanya Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau NTA dinaikkan mengikut penilaian atau pengiraan nilai aset tanpa mengikut lunas-lunas dengan izin, generally accepted accounting principles, ia akan memberikan satu gambaran yang palsu kepada para pelabur, kerana ini bukanlah kedudukan sebenarnya syarikat tersebut.

Sungguhpun ada NTA yang tinggi, tetapi sebenarnya bukan kerana tidak mempunyai backing atau tidak mempunyai nilai yang sebenarnya. Oleh sebab itu saya ingin bertanya, apakah standard yang kita akan ikut sebagai model? Saya tahu bahawa kita menggunakan FASB - Australia, ataupun daripada Britain dan juga beberapa daripada Amerika Syarikat. Tetapi apakah model accounting standard yang kita akan pakai, sedangkan sekarang kita di Malaysia, ada dua badan perakaunan, siapakah yang akan menentukannya.

Saya rasa kalau kita serahkan semua kepada yayasan, timbul juga komposisi yayasan tersebut, daripada badan mana - MIA atau MACPA? Selagi perkara ini tidak dapat diatasi, saya rasa ia akan menimbulkan masalah untuk menentukan consistency dalam sistem perakaunan kita. Sungguhpun begitu, saya rasa perkara yang lebih penting ialah pelaksanaan dan penguatkuasaan. Tanpa pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh pihak-pihak yang diamanahkan sama ada Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat, saya rasa tujuan rang undang-undang ini tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertanya tentang rasional pihak Suruhanjaya Sekuriti apabila menyenaraikan Johor Tenggara Oil Palm Berhad (JTOP) dalam asetnya - nett tangible asset. Penyenaian yang dibuat pada 28hb. Jun, 1996 menawarkan 36,500,000 saham bernilai RM1.00 dengan harga tawaran sesaham sebanyak RM1.65. Dalam laporan akauntan prospektus adalah dinyatakan dalam bahawa asset and liability consolidated group, consolidated accounts kumpulan tersebut, selepas penyelarasan kerana ada lebihan ekor penilaian semula hartanah dan pelaburan, nett tangible asset, dengan izin, per ordinary share adalah sebanyak RM1.91 sesaham.

Tuan Yang di-Pertua, pengiraan NTA per ordinary share sebanyak RM1.91 sesaham adalah berdasarkan kepada revaluation reserve, pengambilan kira revaluation surplus sebanyak RM167,916,000. Kalau tanpa mengira revaluation surplus ini nett tangible asset setakat 31hb. Disember, 1995 adalah RM138.589 juta. Kalau dibahagikan dengan saham sebanyak RM160,000 hanya sekadar 88 sen sesaham iaitu NTAny adalah sekadar 88 sen sesaham, bukan RM1.91 yang telah dinyatakan dalam prospektus JTOP. Inilah perbezaan yang amat besar seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Tambun yang berucap sebelum saya. Perbezaan pengiraan apabila menggunakan prinsip perakaunan.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan sebanyak RM1.03 sesaham adalah satu perbezaan yang sangat besar dan juga kalau ini dibandingkan dengan harga tawaran sebanyak RM1.65 sesaham, ini menunjukkan bahawa ia adalah lebih kurang daripada harga tawaran oleh JTOP dan pada masa yang sama revaluation surplus ini adalah untuk hartanah yang masih belum dimiliki oleh JTOP. What is the accounting treatment dalam keadaan yang sedemikian? Apabila keadaannya masih belum

jelas, kalau ini dibenarkan, ini tidak lain daripada mengelirukan para pelabur kerana apabila mereka memohon untuk saham tersebut yang ditawarkan dengan harga RM1.65 sesaham iaitu Johor Tenggara Oil Palm Berhad yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bahawa penswastan ini tidak dijalankan dengan kebenaran atau tidak mengambil kira kepentingan negeri Johor dalam Dewan Undangan Negeri Johor. Kalau begitu ia boleh dianggap sebagai mengelirukan para pelabur kerana harga tawaran sesaham adalah RM1.65. Nett Tangible Asset (NTA) syarikat tersebut dalam prospektus kalau mengambil kira revaluation surplus iaitu pengiraan hartanah mengikut harga pasaran semasa adalah RM1.91, lebih tinggi daripada harga tawaran iaitu RM1.65. Ini adalah prestasi yang boleh dianggap memuaskan.

Tetapi kalau kita mengeluarkan revaluation reserve sebanyak RM168 juta, net tangible asset syarikat ini iaitu JTOP Bhd. ini adalah hanya 88 sen sesaham. Dengan kata lain para pelabur tidak tahu, apa yang akan berlaku kerana tanah tersebut masih belum dipindah milik sungguhpun telah bertahun-tahun. Kerajaan Negeri Johor pun tidak berapa puas hati dengan penswastan tanah KEJORA kepada JTOP dan Menteri Besar pun tidak berapa gembira tentang urusan transaksi ini yang memang menjadi satu public knowledge, dengan izin.

Kalau tanah ini tidak dapat disampaikan kepada syarikat tersebut, apa yang berlaku ialah bahawa pelabur ini hanya tertinggal dengan NTA sebanyak 88 sen sesaham bukan seunit 91 sen akan bermakna harga atau nilai syarikat ini tidak sampai pun RM1.00. Mungkin itu sebab mengapa, JTOP harganya masih tidak berapa cergas kebelakangan ini dalam pasaran BSKL sekarang.

Tetapi ini merupakan satu contoh di mana dalam menjalankan tugasnya kalau disegi penguatkuasaan, macam mana kita boleh mendapat keyakinan bahawa prinsip perakaunan dan sebagai susulannya kepentingan pelabur-pelabur kecil akan terpelihara. Tanpa jaminan ini apa-apa prinsipal perakaunan yang digunakan tidak bermakna langsung. Dan keadaan sedemikian, kalaulah dengan izin, worse case scenario, perkara ini berlaku di mana hartanah tidak boleh dipindahmilik dan NTAny benar-benar 88 sen sesaham. Adakah syarikat perakaunan akan bertanggungjawab ke atas perbezaan?

Seperti yang mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu di Amerika Syarikat, apabila sebuah syarikat perakaunan membuat unjukan atau ramalan tentang sesebuah syarikat yang akan

disenaraikan dalam SEC iaitu BSKL di Amerika Syarikat yang dinamakan Security Exchange Commission. Mereka akan memberikan ramalan keuntungan yang boleh dicapai oleh syarikat tersebut dan sebarang perbezaan, dengan izin, any profit variant yang melebihi 10% akan ditampung oleh syarikat perakaunan tersebut kerana tidak memberikan satu syor atau pendapat profesional yang tepat. Ini dengan izin, there are liable for any profit variant above 10 percent.

Keadaan sedemikian tidak berlaku - dan ini termaktub dalam undang-undang juga dalam amalan atau economic practices, amalan perakaunan peringkat tersebut, tetapi ini tidak berlaku dalam negara kita. Di sini sejauh manakah kepentingan pelabur akan terpelihara, adakah pihak kerajaan akan dengan izin, gift teeth to enforcement of this accounting standard dengan memastikan syarikat perakaunan yang membuat ramalan sedemikian terpaksa menanggung apa-apa perbezaan tentang ramalan mereka.

Kalau misalnya, dia membuat ramalan bahawa syarikat ini akan untung RM1 juta tetapi sebenarnya dia rugi RM1 juta, masa itu syarikat perakaunan kena menanggung kerugian tersebut kalau dituntut oleh pelabur-pelabur yang menggunakan laporan akauntan tersebut dan ini berlaku di Amerika Syarikat. Tetapi di Malaysia, kalau seseorang pelabur saham atau yang hendak membeli saham sesebuah syarikat membeli bergantung kepada dasarkan laporan akauntan tersebut, adakah syarikat perakaunan boleh diwajibkan bertanggungjawab kalau ramalan yang dibuat atau penyediaan akaun ini, penyata ini tidak tepat? Ini ialah untuk membela dan mempertahankan kepentingan pelabur-pelabur kecil.

Satu perkara lain, Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai peruntukan bertujuan memastikan bahawa yayasan dari lembaga mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran maklumat yang diberikan secara sulit kepada yayasan atau lembaga dan peruntukan yang bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Di sini, adakah peruntukan ini akan berkesan bila Suruhanjaya Sekuriti tidak pun dapat menghapuskan perdagangan dalaman atau sehingga sekarang masih belum ada sebarang pendakwaan atau tindakan ke atas kegiatan perdagangan dalaman. Saya tidak nampak macam mana kita boleh menguatkuasakan peruntukan ini. Kalau Suruhajaya Sekuriti yang lebih mempunyai

kakitangan dan sokongan yang lebih besar tidak dapat menangani masalah ini dan tidak boleh dinafikan maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan yayasan yang dicadangkan ditubuhkan mempunyai nilai yang amat tinggi kalau diketahui lebih awal.

Sebarang perubahan piawai perakaunan boleh membawa kesan yang amat besar. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya, macam mana pihak kerajaan akan menguatkuasakan peruntukan ini, confidentiality, macam mana? Saya tidak nampak pihak kerajaan boleh menguatkuasakan peruntukan ini, kalau Suruhanjaya Sekuriti sendiri menunjukkan jalan bagaimana ia boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, consistency adalah sangat penting dalam perkara ini ada banyak contoh di mana apabila sesebuah syarikat melakukan kesalahan, ia didakwa tetapi tidak pula untuk syarikat lain. Apa yang Suruhanjaya Sekuriti laksanakan atas REPCO adalah satu langkah yang dialu-alukan tetapi ada syarikat-syarikat lain yang menghadapi keadaan atau melakukan kesalahan yang serupa tetapi tidak ada tindakan yang diambil.

Satu contoh lain, ialah menanggung penyenaaran Fumakila dalam BSKL, Papan Kedua tetapi apa pula tindakan yang diambil ke atas Suruhanjaya Sekuriti ke atas mereka yang mendapat balik permohonan sebelum cabutan atau 'balloting' dibuat. Dari segi ini ia hanya memilih atas sebab-sebab politik tertentu untuk mengambil tindakan. Saya rasa selagi campur tangan politik ini, tidak boleh dihapuskan sama sekali, adalah sukar untuk sebuah badan profesional bertindak dengan tegas dan memberikan keyakinan kepada pelabur.

Audience, sasaran penubuhan yayasan ini adalah bukan hanya orang ramai, tetapi kepada pelabur-pelabur. Kalau pelabur-pelabur mempunyai keyakinan, lembaga atau yayasan ini mesti menunjukkan mereka boleh bertindak tanpa pilih kasih. Sehingga sekarang saya tidak nampak macam mana ini boleh berlaku.

Yang kedua, adalah diharapkan juga bahawa satu laporan bolehlah dibuat kepada Dewan yang mulia ini supaya kita tahu macam mana operasi yayasan ini berjalan dan rasional keputusan yang dibuat oleh yayasan dan lembaga ini kerana ia amat penting sekali. Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu komitmen kerajaan untuk, dengan izin, 'disclosure requirements' - 'the accounting standards relating to disclosure requirements of companies'. Ini adalah satu perkara yang amat penting kerana kita sering mendapati keadaan di mana syarikat tertentu

tidak memberikan pendedahan maklumat yang mereka patut berikan, tetapi pada masa yang sama mendedahkan maklumat yang belum disahkan supaya harga saham mereka boleh naik. Ini berlaku apabila mereka membuat pengumuman tentang MoU yang mereka tandatangani, tetapi apabila ini tidak menjadi hakikat, ia dilupakan sama sekali.

Tentang kerugian yang dialami oleh syarikat tersebut, ia akan diumumkan hanya pada saat-saat terakhir. Seperti baru-baru ini Kumpulan Emas, bila dia mendedahkan tentang kerugian, saya ingat beratus-ratus juta ringgit di Samoa Islands. Kalau ada 'full disclosure requirements' diikuti, saya rasa perkara ini mungkin boleh dielakkan, tetapi ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah saya. Saya harap bahawa pihak yang bertanggungjawab nanti tidak akan bermain politik dalam perkara yang penting seperti ini dan diharap bahawa MIA dan MACPA serta pihak kerajaan boleh mengiktiraf kedua-dua badan. Sungguhpun MIA telah dianggap sebagai satu badan 'statutory', tetapi pada masa yang sama boleh 'inclusive', dengan izin, mengambil kira semua pandangan daripada pakar-pakar kedua-dua badan perakaunan ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

9.04 mlm.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih khasnya kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, iaitu Yang Berhormat dari Tambun dan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Mengenai sama ada pihak-pihak yang berkenaan telah dijemput untuk mengemukakan pandangan-pandangan mereka terhadap penubuhan yayasan dan lembaga ini, iaitu untuk meluluskan Rang Undang-undang Laporan Kewangan. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat khasnya dari Kota Melaka, iaitu semua pihak yang ada kaitan telah dijemput dan telah dijalankan perbincangan sepenuhnya dan semua pihak pun telah bersetuju supaya rang undang-undang ini diluluskan.

Saya suka menunjukkan satu keratan surat khabar iaitu *Business Times* yang disiarkan pada 28.10.1996, iaitu dengan izin:

"MIA allowed moves to set up a new board. MIA will support any move to strengthen the capital market in this country. The setting of this new board will enable us to play a prominent role in the new board, as such we warmly welcome the

budget proposal for the new board as it benefit all parties.”

Ini menunjukkan bahawa satu badan yang difikirkan paling kontroversi itu telah memberi sokongan yang hebat kepada penubuhan lembaga dan yayasan.

Sukacita saya sekali lagi menegaskan iaitu Yayasan Laporan Kewangan akan mewakili kumpulan-kumpulan yang berkepentingan yang seluasnya. Yayasan ini akan mengkaji semula prestasi lembaga dan memainkan peranan sebagai badan pengawal dan penasihat. Yayasan juga bertanggungjawab secara langsung terhadap semua urusan kewangan berkaitan dengan operasi lembaga. Walau bagaimanapun, yayasan tersebut langsung tidak terlibat dalam proses penggubalan piawaian perakaunan, oleh itu lembaga adalah bebas dalam hal ehwal teknikal tetapi masih bertanggungjawab kepada Yayasan Laporan Kewangan seperti yang diamalkan dengan berjaya kini di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah sebutkan begitu jelas sekali iaitu rang undang-undang ini ialah untuk kita tubuhkan satu yayasan dan lembaga yang bermanfaat untuk membolehkan penglibatan pemilikan yang lebih luas dalam proses penggubalan piawaian dan juga untuk menghadapi sasaran suasana perdagangan yang semakin kompleks dan inovatif. Dan juga seperti yang diterangkan, untuk menekankan supaya ia konsisten dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal serantau. Dan juga satu perkara yang penting, untuk memastikan keseragaman seperti yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lembaga dan yayasan ini adalah selaras dengan peralihan kepada pengawalseliaan berteraskan penzahiran dan juga untuk mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang perakaunan kewangan dan laporan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, lembaga ini tidak akan menggantikan peranan seperti yang dimainkan oleh badan-badan akauntan, seperti MIA ataupun MACPA oleh kerana mereka akan terus bertanggungjawab terhadap perkara yang berkaitan dengan pentadbiran profesional. Usaha para profesional yang secara rela telah melaksanakan tugas menggubal piawaian perakaunan pada masa yang lepas, tetapi telah diperhatikan oleh kerana mereka tidak mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu untuk pihak-pihak tertentu. Mereka hanya berkuasa untuk memastikan pematuhan piawaian-piawaian yang diwujudkan kepada ahli-ahli masing-masing.

Maka adalah difikirkan pewujudan satu badan lembaga dan yayasan itu adalah amat diperlukan sekali.

Peranan dan fungsi MIA itu masih tetap berterusan, seperti:

- untuk menetapkan kelayakan seseorang ahli;
- mengadakan latihan, pendidikan dan peperiksaan bagi mereka yang sedang atau ingin menjalankan profesional perakaunan;
- mengawal praktis profesional perakaunan di Malaysia;
- meningkatkan kepentingan profesional perakaunan di Malaysia;
- memberi bantuan kewangan atau bantuan lain kepada ahli-ahlinya atau tanggungan mereka sebagaimana yang difikirkan sesuai dengan tujuan;
- melindungi atau meningkatkan kebajikan ahli-ahlinya;
- menggubal piawaian pengauditan; dan
- melaksanakan pada umumnya apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkan sesuai dengan tujuan mencapai objektif-objektif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apakah model ‘accounting standard’ yang kita akan pakai? Pihak lembaga dan yayasan akan mengambil kira piawaian yang dikeluarkan oleh International Accounting Standard Committee (IASC) untuk menentukan bahawa piawaian-piawaian kami adalah selaras dengan praktik-praktik antarabangsa. Namun demikian, situasi yang khusus kepada negara kita akan juga diambil kira supaya piawaian boleh dipakai di negara ini.

Tentang komposisi Lembaga/Yayasan adalah dari mana sama ada MIA ataupun MACPA, sukacita saya maklumkan seperti yang saya sebutkan tadi, komposisi Lembaga dan Yayasan tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana satu pihak ataupun satu-satu badan, tetapi akan mengikuti komposisi seperti yang disediakan dalam akta ini adalah cirinya yang penting supaya ia berfungsi secara independent dan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga gembira kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan beberapa kelemahan yang ada sekarang, dan juga kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tambun.

Itulah sebabnya mengapa kerajaan mencadangkan penubuhan akta ini. Dengan penguatkuasaan akta ini, kerajaan berharap ia akan meningkatkan tahap laporan kewangan. Kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka seperti Johor Tenggara Oil Palm, penubuhan Lembaga akan dapat memastikan supaya pada masa hadapan, laporan kewangan akan berasaskan kepada penzahiran prinsip perakaunan.

Secara keseluruhannya rang undang-undang ini menyediakan peruntukan yang terperinci mengenai hal-hal yang berkaitan dengan piawaian perakaunan dan peruntukan undang-undang yang terkandung di dalamnya adalah difikirkan sesuai dan mencukupi untuk memajukan dan mengawal selia aktiviti piawaian penubuhan.

Perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tambun seperti laporan kewangan lewat dikemukakan khasnya oleh syarikat-syarikat tersenarai, syarikat-syarikat tertentu sampai satu-dua tahun, pemeriksaan lejar dan stocktaking, financial disclosure tidak menyeluruhi, juruaudit dan balance sheet yang ragu-ragu untuk menunjukkan hutang ragu dan pelabuhan, iaitu kos yang sebenarnya bertentangan dengan harga pasaran dan juga perkara-perkara seperti mata wang asing. Sukacita ini adalah kelemahan-kelemahan yang telah disebutkan dan yang kita fikirkan adalah amat perlu diperbaiki. Saya percaya pihak kementerian dan agensi-agensi yang ada kaitan dengan Lembaga yang akan ditubuhkan itu akan mengambil kira semua hujah-hujah yang telah dikemukakan.

Khususnya tentang laporan yang tidak mengeluarkan gambaran yang menyeluruh kos jualan dan lain-lain tidak dimasukkan dan juga kelemahan-kelemahan patut dimasukkan dalam penyata audit, dan penyata audit tidak mencukupi, ada syarikat yang mengeluarkan penyata interim. Suka saya memaklumkan iaitu hanya perkara-perkara kelemahan yang material ataupun significant sahaja dimasukkan dalam penyata kewangan. Ini adalah selaras dengan konsep materiality dalam perakaunan. Mungkin terdapat suatu piawaian yang dicadangkan yang disediakan oleh pihak International Accounting Standard Committee berkenaan dengan perkara ini. Ini sedang dikaji oleh pihak profesional perakaunan untuk diterima pakai di Malaysia.

Tentang mata wang asing dalam laporan kewangan, ini memang menjadi satu perkara yang agak susah. Tetapi saya fikir syarikat-syarikat yang ada perniagaan di luar negeri perlu mengikut

piawaian yang sedia ada dalam pertukaran mata wang asing.

Tentang laporan oleh Bank Negara Malaysia yang dikatakan menyembunyikan kerugian, sukacita saya maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, iaitu Bank Negara menyediakan akaunnya mengikut kehendak aktanya sendiri sebagai badan pengawal selia. Ia diberi kuasa untuk memastikan bank-bank, institusi kewangan menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian yang akan ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Tentang hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka apakah kewibawaan Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia untuk menguruskan generally accepted accounting principle bila mereka sendiri tidak mematuhi general accounting principle ini.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Sekuriti 1983 dan juga Bank Negara Malaysia di bawah Akta Banking and Financial Institution, adalah diberi kuasa untuk mengawal selia syarikat awam tersenarai dan institusi kewangan masing-masing. Kedua-dua Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia semestinya dikehendaki mematuhi prinsip-prinsip berkenaan, dan kedua-dua badan tersebut tertakluk kepada pengauditan oleh juruaudit yang bebas. Sekarang ketidakpematuhan terhadap piawaian perakaunan adalah dimasukkan dalam laporan kewangan.

Teguran iaitu Security Commission dan juga Bank Negara Malaysia sendiri tidak mematuhi accounting principle, saya rasa ini adalah satu cerita yang tidak boleh habis seperti kalau kita buat satu badan untuk menentukan badan ini supaya dia jalankan tugasnya, mungkin cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu diperlukan untuk menubuhkan satu badan lagi untuk menjaga badan ini. Jadi, ini adalah satu cerita yang tidak habis, dan kerajaan berfikir ini adalah agensi-agensi yang berkuasa dan diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Badan-badan ini adalah mempunyai check and balances untuk mengawal selia dan untuk menentukan tugas-tugas yang ditentukan itu dapat dijalankan dengan sempurna. Kita juga mempunyai satu kerajaan yang baik dan juga yang berkecekapan tinggi. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak payah bimbang oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa memastikan supaya perkara-perkara yang disebutkan itu tidak timbul dan kelemahan-kelemahan yang kita temui itu akan dapat diperbaiki dan kualiti laporan kewangan itu dapat kita tingkatkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### USUL

#### **AKTA KASTAM 1967**

##### **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1996**

9.22 mlm.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1996;

yang telah dibentangkan dihadapan Majlis ini sebagai kertas Statut Bil.198 tahun 1996 disahkan”.

Perintah Duti Kastaam (Pindaan)(No.2) 1966 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas 'corrugated medium paper' dan 'kraftliner/testliner' dari 20% kepada 15%.

Perintah ini telah dikuatkuasakan pada 27 Jun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

9.23 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sampai pukul 11.00 kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat baru datang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak sangkalah Rang Undang-undang Kewangan dilepaskan dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyetujui bahawa kita mesti meminda Perintah Duti Kastam dari semasa ke semasa secocok dengan Belanjawan yang telah pun dilulus di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya nampak daripada Perintah Duti Kastam 1996 ini, yang dipinda dalam Jadual Pertama, misalnya, RM4,804.11 dengan menggantikan perkataan 20% yang terdapat dalam ruang 4, untuk perkataan 15%. Ini bermakna satu angka - 20% digunakan untuk semua ini, jumlahnya hampir 18. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, minta menggantikan perkataan 20% ini? Apakah maksud, apakah semua ini? Kerana di dalam Kertas Perintah Statut ini tidak dicatatkan apakah dia, cuma angka sahaja, seolah-olah dengan angka itu kita semua “halimunan”, kita boleh mendapat tahu apa yang terkandung di dalamnya.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan supaya kita semua, Ahli Parlimen yang ada di dalam ini yang berjumlah cuma 6 atau 7 orang sahaja, walaupun tidak cukup kuorum, termasuk parit yang sulong, yang prihatin mengenai masalah Perintah Kastam ini - saya berharap dapat dijelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri menjawab.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Perintah ini adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import bagi corrugated medium paper, craftliner dan testliner paper dari 5% kepada 20% seperti yang berikut, iaitu 20% untuk tahun pertama, 20% untuk tahun kedua, 15% untuk tahun ketiga, 15% untuk tahun keempat dan 5% untuk tahun kelima. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen 2, Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1996,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut Bil 198 tahun 1996 disahkan”.

Usul dikemukakan dan diputuskan dan disetujui,  
Diputuskan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen 2, Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1996,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut Bil 198 tahun 1996 disahkan”.

### USUL

#### **AKTA EKSAIS 1976**

##### **Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1996**

**Tuan Yang di-Pertua:** Aturan Mesyuarat No. 7, Yang Berhormat.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976 1976 Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1996;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini dijadikan sebagai Kertas Statut Bil 199 tahun 1996 disahkan”.

Perintah Duti Eksais.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Beri dia tolong sedikitlah. Kertas Statut 199.

**Dato' Wong See Wah:** Nantilah! Sabar sedikit!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nukleus dan televisyen dan .... Saya hendak tolong orang pun susah sedikit sekarang ini. [Ketawa]

**Dato' Wong See Wah:** Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.2) adalah bertujuan untuk meminda struktur tarif, kod tarif atau diskripsi barangan dalam Perintah Duti Eksais (Pindaan) ini adalah diperlukan supaya menyamai dengan struktur tarif, kod tarif dan diskripsi barangan yang terdapat dalam Perintah Duti Kastam 1996.

Penyelarasan ini akan memudahkan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja mentadbirkan kedua-dua perintah tersebut.

Perintah ini adalah dikuatkuasakan pada 17hb. Oktober, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, sila Kepong.

9.31 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sekarang ini walaupun tak cukup kuorum, kita masih berminat!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kali ini dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.2) 1996 ini lebih baik sedikit kerana butiran yang lebih lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kutipan daripada hasil negara itu, setiap tahun kita kutip hasil hampir RM60,000 juta, sebahagiannya daripada Perintah Duti Eksais seperti inilah. Misalnya, saya nampak daripada perintah ini di dalamnya ada 'undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of less than 80% volume spirits, liqueurs and other spirituous beverages', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan penyesuaian duti ini, apakah amaun dianggarkan akan dikutip oleh pihak Kastam misalnya untuk the spirits liqueurs and other spirituous beverages dan seterusnya, daripada apakah yang dimaksudkan dengan memasukkan di tempat yang sesuai, di bawah ruang masing-masing selepas nombor Kepala 2208.50 000 dengan yang berikut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, sebab ini sangatlah, walaupun butiran ada lebih lengkap daripada perintah yang lepas, tetapi tidak begitu jelas.

Saya pun tidak minum vodka sebab itulah, saya tidak begitu faham. Di sini ada vodka, ada liqueurs dan cordials dan rate of duty RM11 per 100% volume per litre, dengan izin. Dan juga untuk liqueurs RM11. Saya pun tak fahamlah mengapa liqueurs serupa dengan vodka sahaja, RM11 per 100% volume per litre juga.

Saya nampak ada Description of goods - Other, also rate of duty RM11 per 100% volume per litre. What do you mean by this 'other', you mean to say that, adakah ini bermakna semua minuman keras itu termasuk di dalam 'other' ini. Sangat samar-samarlah ini, tak begitu jelas!

Adakah ini juga termasuk yang disebutkan di sini 'Bitters', mungkin termasuk hock dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah kita sekarang, saya tak hisap rokok dan saya nampak, oh! "Parit yang sulong" hisap rokok, itulah masalah. Ha! Dikenakan import dutinya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, itu kebebasan dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham, kebebasan dia! Saya pun setiap kali bersama dengan dia, terpaksa sabar, kerana bila dia hisap rokok, kitalah hisap juga. Serba salah! Ha!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tak ada point!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ini [*Ketawa*] memang ada point di sini, dia kata tak ada point! Mengenai cigarettes containing tobacco.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah Kepong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, 'Description of goods - Cigarettes containing tobacco', apa cigarette yang tak ada tobacco, macam mana cigarette, ini masalah. 'Gua' pun bingung juga, 'cigarettes containing tobacco'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, rokok itu pun ada rokok yang palsu! [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Palsu, macam mana palsu pula? Dia ada dikenakan rate of duty di sini, RM28.60 per kilogram. Saya tak tahulah, apa cigarette tidak containing tobacco pula, cigarette mana? Rokok keretek pun ada tobacco juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia tidak begitu faham. Mana cigarette containing tobacco, apakah jenis cigarette yang lain, rokok yang lain yang mengandungi bukan tembakau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya fikir, soalan ini mungkin tak kena juga, soalan ini tidak sepatutnya ditujukan kepada Timbalan Menteri Kewangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebab tembakau ini kalau tak silap saya, dalam bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, bukan, bukan! Tuan Yang di-Pertua, kerana dia mengenakan RM28.60 untuk satu kilogram?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu boleh soal, ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang, sebab saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan sekarang ini, sebab nampaknya cigarette ini, rokok ini bermacam-macam, ada yang bukan tembakau pun ada. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tak begitu faham.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai masalah television of the receivers and colour ini yang tak silap saya ada hendak mengurangkan duti ini tetapi saya nampak masih 10% untuk television receivers. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan dan di sini saya pun tak begitu mengerti mengenai black and white or other monochrome. Black and white? Sekarang ini, apakah peratusan yang masih menggunakan black and white television? Mungkin Tumpat kerana black and white? [*Ketawa*]

Semua telah menggunakan yang warna, berapa wang yang dapat dengan duti 10%, saya tahu, daripada black and white television, pada pendapat saya tak ramai orang menggunakan black and white, tak payah bayar dutilah kalau macam itu, tak ramai!

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja mengenai televisyen dan selepas ini ya, mengenai battery operated (with screen of over 41.6 centimetres) - 10% duti. Battery operated, macam mana battery operated, biasanya bukan battery operated untuk televisyen?

Saya bangkitkan ini kerana saya pun tak tahulah di mana, mungkin di kawasan yang terpencil ataupun kita ada 2,000 sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Mungkin di 2,000 sekolah ini mesti gunakan bateri untuk televisyen. Bolehkah Yang Berhormat terangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.40 mlm.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang alkohol ataupun barangan yang digolongkan di bawah alkohol, meliputi vodka dan beer yang sebenarnya adalah bergantung kepada darjah kekekatannya dan biasanya tiap-tiap satu jenis itu adalah digunakan satu kepala oleh kerana diperjeniskan mengikut kekekatannya. Begitu juga tentang mengapa "others" digunakan oleh kerana ia tidak dapat diperjeniskan untuk satu-satu kepala yang dikhaskan itu digolongkan di bawah "others".

Begitu juga dengan cigarette yang containing tobacco, oleh kerana diperjeniskan sebagai satu jenis khas, iaitu kerana cigarette juga adalah dicampur dengan bahan-bahan lain, itulah sebabnya mengapa ada perjenisan yang lain.

Berkenaan dengan television receivers secara terperinci ini adalah including dengan izin, video monitors, television receivers including video monitors and video projectors whether or not combine in the same housing with radiobroadcast receiver or sound or video recording or reproducing apparatus. Ini adalah hanya termasuk juga yang colour dan black and white. Sukacita saya maklumkan sebenarnya tidak melibatkan perubahan tax, ini hanyalah dipergunakan atau diperjeniskan. Dengan cara sebegini sistem yang berjenisan ini adalah selaras dengan sistem keharmonian yang digunakan oleh antarabangsa. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta

Eksais 1976, Perintah berikut;

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.2) 1996; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil 199 tahun 1996 disahkan."

### RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) SYNOD DIOCESE MALAYSIA BARAT (PINDAAN) 1996

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

9.45 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah keperluan untuk orang-orang yang beragama Kristian, tetapi saya seorang Timbalan Menteri yang beragama Islam yang membentangkannya. Ini mungkin, dengan izin, the DAP can learn a few lesson on the religious 'tolerance' dan tidak panggil kuorum waktu orang sedang sembahyang Maghrib.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7hb. April, 1970 diocese Singapura dan Malaya bagi Gereja Anglikan telah dipisahkan dan diocese yang berasingan bagi Singapura dan Malaysia Barat telah diwujudkan. Perwujudan satu diocese yang berasingan ini bertujuan untuk membolehkan Gejera Anglikan di Malaysia Barat menjalankan kegiatan sendiri sebagai suatu unit yang bebas, bagi membolehkan diocese Malaysia Barat ini menguruskan dengan sepenuhnya hal-ehwalnya sendiri tanpa bergantung kepada diocese Singapura sebagai penjaga sah segala harta alih dan harta takalinya. Maka dalam bulan Jun, 1971 pihak Gereja Anglikan telah meminta kerajaan membentangkan suatu rang undang-undang bagi memperbadankan Synod Diocese Malaysia Barat di Parlimen.

Kerajaan telah bersetuju untuk berbuat demikian dan oleh itu, Rang Undang-undang (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971 telah dibentangkan oleh pihak kerajaan pada semua peringkat dalam mesyuarat Parlimen dalam bulan Julai, 1971 itu juga.

Kerajaan telah menunaikan permintaan itu walaupun pada hakikatnya rang undang-undang itu hanya melibatkan perkara persendirian sahaja

dan sepatutnya dikemukakan kepada Parlimen melalui rang undang-undang persendirian kerana kerajaan berpegang teguh pada peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan beragama. Rang undang-undang itu kemudiannya menjadi Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971 dan berkuatkuasa mulai 3hb. September, 1971. Sekarang Gereja Anglikan meminta bantuan kerajaan untuk membentangkan suatu pindaan kepada akta yang berkenaan.

Pindaan yang dicadangkan ini menjadi perlu berikutan dengan perpindahan kuasa Archbishop of Canterbury kepada Archbishop bagi the Province of the Anglican Church of South-East Asia, dengan izin, mulai 2hb. Februari, 1996 iaitu termasuk kuasa yang diberikan kepada Archbishop of Canterbury dalam subseksyen 3(2) dan 3(5) Akta yang berkenaan. Pemindahan itu memerlukan pindaan yang sewajarnya kepada kedua-dua subseksyen tersebut seperti yang dicadangkan dalam Fasal 2 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971, dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Lumut.

9.48 mlm.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita dengan jiran iaitu negara Indonesia merangkumi 50% orang beragama Islam di dunia ini. Selain daripada agama Islam, lain-lain agama seperti Kristian, Buddha dan Hindu adalah diamalkan di negara kita juga. Ini bermakna negara kita adalah mempunyai kebebasan untuk beragama. Walaupun kita ada pelbagai agama, warganegara kita boleh menikmati keamanan, kemakmuran sebaliknya negara-negara muslim di Middle East tidak mempunyai nasib yang sama seperti yang terdapat di negara kita. Namun

demikian, kita harus memandangkan dan memperkukuhkan keamanan, perpaduan, kesejahteraan dan kestabilan yang sedia ada di rantau ini.

Saya bercadang sepatutnya perundingan yang lebih kerap diadakan dan berinteraksi di antara pelbagai kelompok agama seperti di antara badan-badan Muslim dan inter-religious council consisting of Sikhism, Christian, Buddhism and Hinduism, dengan izin, supaya satu kesefahaman yang dalam boleh diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membina kekuatan melalui pendidikan agama, anak muda hari ini ialah penggerak negara pada masa hadapan. Seandainya mereka sudah tidak menganggap betapa pentingnya maruah dan nilai keperibadian diri ibu bapa, bangsa, agama dan negara, bagaimanakah pula mereka pada tahun 2020? Alternatif yang kita ada ialah kembali ke pangkal jalan, iaitu kembali kepada agama. Hanya melalui ajaran agama kita mampu mengimbangkan keperluan hidup bercorak material dan keperluan hidup bercorak spiritual. Kita perlukan generasi yang seimbang dari semua segi, bukan hanya sekadar pandai dan bijak tentang ilmu dunia sahaja, tetapi apa yang lebih penting ialah ilmu yang boleh membentuk kekuatan dan kemampuan jiwa, iaitu ilmu agama. Inilah ilmu yang perlu diajar kepada anak-anak kita dan ianya perlu diajar secara formal di sekolah mengikut kepercayaan agama tiap-tiap kaum.

Sudah sampai masanya ilmu agama Buddha, Kristian dan Hindu dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah, di samping pendidikan Islam. Dengan demikian, anak tiap-tiap kaum di Malaysia dapat dibimbing mengenali agama mereka dengan lebih teratur dan mantap. Melalui ilmu agama yang mantap, kita yakin pelbagai gejala yang dihadapi oleh anak muda Malaysia akan dapat diatasi dengan lebih terurus dan sempurna. Justeru itu, akan lahir generasi yang ampuh untuk menerajui negara ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, rationale untuk cadangan pendidikan agama mengikut kaum. Di samping perlunya pendidikan agama mengikut kepercayaan tiap-tiap kaum berdasarkan kepada faktor-faktor keruntuhan akhlak, seperti telah dibincangkan di atas, terdapat beberapa faktor yang juga perlu diberikan pertimbangan.

Berkenaan pendidikan agama, dewasa ini pelajar-pelajar bukan Islam hanya mengikuti pendidikan moral semasa rakan Islam mereka mengikuti

pendidikan Islam. Memandangkan terdapatnya sikap ibu bapa yang 'sceptical' terhadap kemampuan pendidikan moral untuk membentuk akhlak anak-anak mereka, maka adalah wajar jika pendidikan agama juga diperluaskan kepada pelajar mengikut kepercayaan masing-masing.

Selain daripada itu, seperti yang telah dinyatakan di atas, masa ibubapa untuk memberikan pendidikan agama semakin berkurangan di rumah-rumah sedangkan pendidikan agama penting kepada semua kaum untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang berhemah tinggi dan saling mengasihi di antara satu sama lain. Walaupun Buddha, Kristian dan Hindu merupakan agama golongan minoriti, namun kesedaran beragama harus dipupuk kepada pelajar-pelajar ketika mereka masih muda lagi kerana hanya dengan kesedaran dan beragama yang tinggi sahaja akan mencegah mereka dari terjebak kepada gejala-gejala antisosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan negara dan masyarakat.

Umum mengetahui bahawa setiap agama menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada keburukan. Tema ini sangat penting untuk diberikan fokus dan tumpuan dalam penggubalan kurikulum. Jika di sekolah semasa anak-anak masih kecil, mereka telah didedahkan dengan tema kedamaian dan kecintaan di antara satu sama lain, mereka akan membesar dengan sikap toleransi, beragama yang tinggi, penuh persefahaman walaupun mereka terdiri dari kaum yang berbeza.

Rusuhan agama sering berlaku di beberapa negara adalah kerana perbuatan beberapa orang ekstremis agama yang menggunakan agama untuk menyebarkan tema kebencian dan memperolok-olokkan agama lain hanya kerana mereka dilahirkan berbeza agama. Sindrom ini hendaklah dibanteras dari membiak dan berakar umbi di Malaysia. Agama adalah untuk perdamaian dan pembinaan sebuah negara dan bukannya untuk perpecahan dan kehancuran penduduknya. Inilah moral dan mesej di sebalik kertas kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

9.56 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya bersetuju dengan beliau. Memang di dalam masyarakat majmuk ini dengan berbilang kaum dan berbilang agama, sikap toleransi

perlu diwujudkan dan beliau sanggup membentangkan rang undang-undang ini dengan cara yang baik, menunjukkan bahawa di negara ini kita ada wujudkan satu budaya, satu suasana, satu tradisi yang baik. Saya berharap tradisi ini dapat diteruskan untuk selama-lamanya bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara ini untuk bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ada tiga pusat utama aktiviti ekonomi global, termasuk Amerika Utara, Eropah Barat dan Asia Timur yang merangkumi negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia. Implikasi dan kepentingan transformasi ekonomi Asia Timur dari sebuah ekonomi yang sangat kecil adalah pesat sekali. Sementara terperangkap dalam transformasi ini, Malaysia perlu menyediakan diri kita untuk perkembangan masa depan.

Dalam usaha kita untuk menyahut transformasi ekonomi Asia Timur ini, maka timbullah pelbagai masalah. Misalnya, negara kita perlu bergerak untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih bersaing, lebih kompetitif berbanding dengan negara-negara yang lain di dalam ekonomi global ini. Di dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi kita untuk membina banyak prasarana, banyak kemudahan termasuk media raya (super corridor) dan sebagainya, memang kita mesti sentiasa berwaspada, sentiasa berhati-hati kerana masalah kerohanian di semua kaum memang akan menjadi satu masalah yang besar.

Lihatlah, Tuan Yang di-Pertua, misalnya pembuangan bayi yang begitu kerap di negara ini, dengan kanak-kanak didera - penderaan kanak-kanak, penganiayaan wanita dan jenayah-jenayah yang lain. Ini menunjukkan satu gejala di mana kita perlu bertungkus-lumus untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan pembentangan rang undang-undang ini walaupun untuk membolehkan pemindahan fungsi Archbishop of Canterbury di bawah Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971 kepada Archbishop of the South-East Asia Province berbangkit daripada penubuhan Province itu pada 2hb. Februari tahun ini walaupun ini bukan sahaja untuk agama Kristian, Anglican Church sahaja.

Walaupun begitu, kita berharap dengan peluang seperti ini untuk mewujudkan lebih Synod Diocese yang baru ini, ini membolehkan bukan sahaja orang Kristian, bahkan orang Buddha, orang Islam, orang Hindu dan orang Sikh, dapat bersama-sama mewujudkan nilai-nilai universal, nilai-nilai

bersejagat, moral bersejagat untuk bangsa Malaysia yang berbilang agama.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menegaskan bahawa kita mesti berusaha mencapai kemajuan material, jasmani secocok dengan kemajuan rohaniah, mesti dilakukan. Masa depan teknologi dan masa depan rohaniah haruslah mara secara serentak. Our technological future and our spiritual future must be forge simultaneously. Itulah kita mesti buat, kalau tidak, akibatnya padah. Kita beriltizam untuk menyemai nilai-nilai etika dan moral sejagat untuk menyahut melinium baru.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak membangkit satu perkara yang saya seringkali terima aduan mengenainya. Saya hendak menerangkan bahawa majoriti, hampir semua majoriti orang Kristian itu baik belaka, tidak melakukan apa sahaja yang tidak betul di dalam usaha mereka untuk memperkembang dan memajukan agamanya. Begitu juga Islam, saya diberitahu bahawa ada puak-puak fanatik juga yang sedang dikawal oleh pihak Kementerian Dalam 'Negara' termasuk puak Syiah yang saya diberitahu ada 400-500 di negara ini yang sedang berusaha untuk membuat dakwah Syiah ini. Tetapi nampaknya pihak Kementerian Dalam 'Negara'...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dalam Negeri, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Perkataan 'Negeri' itu ketinggalan zaman sekarang. Kita mesti tukar kepada bahasa baku. [Ketawa] Walaupun tradisi amalan itu sedemikian, tetapi....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sakitlah lutu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....zaman beralih, musim bertukar, kita mesti tukar kepada istilah yang lebih baku daripada yang dahulu. Kementerian 'Hal Ehwal Dalam Negara' ini memang sedang berusaha, saya berharap akan terus berusaha untuk menghakiskan, untuk membasmikan semua kefanatikan di dalam semua agama di negara ini supaya di negara ini kita dapat sama-sama hidup dengan aman dan damai. Tetapi walaupun sebahagian besar, lebih 99% orang Kristian misalnya buat betul mengamal agama dengan baik, tetapi ada segelintir tidak begitu tepat juga, yang kadangkala gunakan taktik yang bukan taktik yang baik untuk negara ini juga.

Saya bukan sebutkan untuk agama Kristian sahaja, kadangkala Buddha timbul masalah ini, Islam pun timbul masalah ini. Saya ambil kesempatan ini supaya semua agama dapat fikir dengan baik-

baik. Ada yang keluarkan dakwah mereka dengan cara yang saya anggap tidak manis juga. Misalnya, kalau penganut Catholic, kadangkala saya ada terima aduan juga, kerana dipanggil Pentecostal ada juga, segelintir orang sahaja, bukan semua yang dapat berjaya menukarkan agama penganut Catholic kepada Pentecostal. Ini timbulkan masalah. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam 'Negara' mungkin dari masa ke semasa terima aduan seumpama ini. Ini memang ada. Saya sudah lama hendak ambil kesempatan untuk sebutkan di sini, entah berapa tahun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa kena mengena dengan Pentecostal sekarang, 'pokok angšana'.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kepong bercakap kisah agama Islam, agama Kristian, saya hendak tahu dia agama apa? Adakah tidak beragama?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu memang relevan di sini. Saya memang beragama. Saya beragama Buddha. Apa masalah sekarangnya? [Ketawa]

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hendak tahu sahajalah fasal bercakap macam orang alim.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh bertanya di luar sahaja. Jangan buang masa di dalam Dewan. Saya ada sentuh Buddha juga, segelintir yang fanatik juga, bukan semua yang baik. Walau bagaimanapun, saya mengambil kesempatan untuk membangkitkan perkara ini....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Seolah-olah dia penganut Syiah sekarang.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Gerik bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Pokok Sena suka kepada Syiah?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Syiah bukan 'Cerah'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Gerik bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bil yang kita bincang ini membincangkan penukaran perkataan Archbishop of Canteburry kepada Archbishop of South-East Asia, itu sahaja. Yang Berhormat bangkitkan sampai kepada yang perkara-perkara lain apa fasal?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin tidak baca rang undang-undang ini. Mengenai fungsi archbishop, fungsi merangkumi semuanya. Cuba tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri - fungsi yang meluas.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya bangkitkan hal ini kerana saya berpendapat semua agama mesti wujudkan toleransi yang cukup di antara Kristian, Buddha dan Islam; toleransi yang cukup. Mungkin kita boleh menambahkan pendidikan di bangku sekolah. Tambahkan sekarang ada selain daripada agama Islam, ada pelajaran untuk etika dan moral, mungkin kita boleh tambahkan lagi untuk mewujudkan toleransi bagi selama-lamanya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan ini adalah pendek sahaja, saya setuju jugalah dengan Yang Berhormat tadi, pendek sahaja, tetapi implikasinya besar. Walaupun Pokok Sena tidak sempat ataupun tidak sanggup untuk mengambil bahagian kerana dia tidak begitu mementingkan masalah kerohanian di negara ini....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....kepada dia Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua,.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....dia hendak bincang mengenai rang undang-undang yang berikutnya, keterangan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan berdialog.  
[Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak berdialog. 'Pokok angšana' baik kita mematuhi kepada Kerusi. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di negara ini saya tekan sekali lagi kita mesti berusaha dengan sedaya-upaya untuk menghakiskan semua gejala kefanatikan, ekstremisme dan juga kita mesti berikhtiar untuk mewujudkan toleransi yang cukup bagi semua agama. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Lumut dan Kepong yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lumut yang telah memberi berbagai-bagai cadangan dan saya memberi jaminan di sini bahawa kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya toleransi beragama sentiasa akan diamalkan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan iaitu pendidikan agama bagi mereka yang menganut agama lain daripada agama Islam, perkara itu sebenarnya adalah terletak di bawah Kementerian Pendidikan dan saya percaya kalau ianya dihalakan kepada Kementerian Pendidikan, ianya akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk memastikan adanya toleransi beragama dalam masyarakat kita.

Kepong pun bercakap tetapi banyak merapu. Walau bagaimanapun, kalau saya tidak menjawab satu, dua soalan, dia agak boleh membahayakan. Pertamanya, saya hendak memberitahu, Pokok Sena tidak membincangkan perkara ini sebab kita tidak bincang benda yang kita tidak tahu. Jadi, kalau kita hormatkan agama itu, kita lulus sahajalah. Sebab itu Pokok Sena tanya, agama apa dia ini? Sebab bercakap macam dia orang Anglikan. Sebab kalau kita bukan orang Anglikan, kita luluskan sahajalah, sebab agama ini benda yang sensitif dan sebaik-baiknya kita sokong sahajalah, tidak payah merapu sana sini. Jadi, sebab itu Pokok Sena dia bijak, dia tidak mahu bincang benda yang sensitif yang mana dia tidak mengetahui agama itu.

Keduanya, tadi dia membangkitkan apa yang Kepong kata benda ini khusus kepada Anglikan Church, tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa bagi denomination yang lain pun, kita akan

memberikan pertimbangan yang sama, sebagai contoh, kita mempunyai juga Methodist Church Malaysia Act, 1955. Kita ada juga "The Salvation Army Incorporation Ordinance, 1956, kita juga ada Roman Catholic Malaysia Incorporation Act 1957 dan banyak lagi denomination yang kecil-kecil yang lain yang mana kita telah pun memperkatakan denomination mereka supaya mereka dapat dikawal di bawah undang-undang kita. Jadi, sebenarnya kerajaan mengambil kira semua denomination dan tidak hanya kepada Anglican sahaja. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 1996**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

10.05 mlm.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Seksyen 31(A) Akta Keterangan, 1950 atau memperuntukkan bahawa dalam mana-mana prosiding jenayah sesuatu pernyataan bertulis atau lisan yang dibuat oleh mana-mana orang yang dipertuduh di atas sesuatu kesalahan yang boleh diterima sebagai keterangan di bawah atau menurut kuasa di mana undang-undang bertulis, akan hanya boleh diterima sebagai keterangan jika keterangan tentang pernyataan itu diberikan oleh pegawai yang

kepadanya pernyataan itu dibuat atau oleh orang tertuduh itu sendiri.

Peruntukan itu dimaksudkan untuk mengawal mengemukakan sebagai keterangan di mahkamah apa-apa pernyataan yang diberikan oleh seseorang orang tertuduh kepada seseorang pegawai semasa penyiasatan kes dilakukan. Walau bagaimanapun, sekarang ini didapati bahawa Peruntukan Seksyen 31A itu telah ditafsirkan seolah-olah apa-apa pernyataan seseorang orang tertuduh kepada mana-mana orang lain, sama ada sebelum atau selepas orang itu ditangkap dan walaupun pernyataan bukan pernyataan yang dibuat semasa siasatan, tidak boleh dikemukakan sebagai keterangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ini bukanlah apa yang dimaksudkan semasa peruntukan itu diperbuat. Tafsiran yang dibuat tentang Seksyen 31A itu juga nampaknya menidakan kewujudan Seksyen 60, yang membenarkan keterangan langsung diberikan oleh seseorang yang mendengar apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh. Oleh yang demikian, adalah difikirkan wajar Akta Keterangan 1950 itu dikembalikan kepada kedudukan asalnya iaitu dengan memansuhkan Seksyen 31A itu. Pemansuhan Seksyen 31A ini adalah satu-satunya pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN) 1996

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.21 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Majlis ini membahaskan suatu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 bagi bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan secara umum terhadap fasal-fasal dalam undang-undang yang dicadangkan untuk dipinda dimansuhkan atau diwujudkan bagi mengemaskinikan Akta Imigresen 1959/63 yang sedang berkuatkuasa sekarang selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 memperkatakan perkara-perkara tajuk ringkas termasuk kuasa menteri untuk menetapkan tarikh mula kuatkuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda dan memansuhkan definisi-definisi yang digunapakai sekarang iaitu menjelaskan takrif perkataan 'entry permit', memansuhkan perkataan 'reentry permit' dan menjelaskan perkataan 'senior Immigration Officer'.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 bagi meminda peruntukan tentang perlantikan Ketua Pengarah Imigresen dan Timbalan Ketua Pengarah bagi membolehkan perlantikan lebih daripada seorang Timbalan Ketua Pengarah Imigresen oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan ini juga menetapkan perlantikan Pegawai-pegawai Kanan Imigresen oleh menteri dan perlantikan Pegawai-pegawai Imigresen oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 10 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengenakan terma dan syarat apabila mengeluarkan permit masuk.

Fasal 7 bertujuan memansuhkan peruntukan permit masuk semula dalam seksyen 2. Peruntukan ini tidak lagi sesuai pada masa sekarang iaitu seseorang pemegang permit masuk perlu mendapatkan permit masuk semula sekiranya ingin keluar negeri dan masuk semula ke negara ini. Mengikut peraturan sekarang, pemegang permit masuk yang keluar negeri dan masuk tanpa permit masuk semula secara automatik akan hilang taraf penduduk tetap.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 22 bagi menjadikan mandatori kepada nakhoda tiap-tiap vesel yang tiba dan meninggalkan Malaysia mengemukakan dokumen-dokumen tertentu kepada Pegawai Imigresen termasuklah suatu akaun am mengikut Konvensyen Lalu Lintas ke Lautan Antarabangsa 1965 to the Appendix I to the Convention on Facilitation of International Maritime Traffic 1965. Peruntukan pada masa ini hanya menetapkan obligasi-obligasi tersebut apabila diminta sahaja.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 36 dengan mengenakan hukuman khusus ke atas orang asing yang masuk dan tinggal secara menyalahi akta buat kali kedua atau seterusnya iaitu orang-orang asing yang telah dikenakan tindakan pengusiran atau penghantaran pulang tetapi masuk semula secara haram. Hukuman yang dicadangkan ialah denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh disebat tidak lebih dari enam kali.

Dalam hal ini, sebat adalah tidak mandatori. Cadangan mengadakan hukuman sebat ini adalah sebagai deterrent, dengan izin, kepada orang asing yang gemar masuk secara haram.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 48(1) untuk menjadi tanggungjawab kepada nakhoda, kapten, pemilik, penchater atau dengan izin, charterer atau ejen sesuatu vesel atau pesawat udara membawa balik penumpangnya ke tempat asal jika penumpang berkenaan terpaksa diusir dari Malaysia dalam tempoh 12 bulan, tetapi tidak mempunyai tambang pulang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil pihak kerajaan dikehendaki menanggung beban perbelanjaan untuk membiayai penghantaran pulang orang asing seperti yang dilakukan sekarang, sedangkan orang asing itu yang semasa memasuki

negara ini disyaratkan memiliki tiket untuk pulang, atau dengan izin, 'return tickets' dan pihak syarikat pengangkutan atau penerbangan berkenaan telah pun mengutip bayaran daripada orang asing berkenaan.

Fasal 13 bertujuan memasukkan seksyen baru 48A untuk menjadikan orang yang terlibat di dalam kesalahan-kesalahan kerana membawa orang asing secara haram, menggaji dan melindungi pendatang tanpa izin bertanggungjawab bagi perbelanjaan pengusiran orang asing yang dibawa masuk digaji atau dilindungi dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini diwujudkan bagi membolehkan kerajaan menuntut daripada orang-orang yang melakukan kesalahan membawa masuk, menggaji atau memberi perlindungan kepada pendatang tanpa izin (PTI). Kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang dibawa, digaji atau dilindungi. Pada masa ini majikan atau orang-orang melindungi pendatang tanpa izin, lepas tangan apabila pendatang tanpa izin ditangkap dan kerajaan menanggung kos penghantaran pulang.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 49A untuk memansuhkan had berat 75 tan bagi vesel yang boleh disita, ditahan dan dilucuthak dan seterusnya membolehkan pesawat udara dan kenderaan juga boleh disita, ditahan dan dilucuthak oleh Ketua Pengarah Imigresen sama seperti tindakan yang boleh diambil ke atas vesel.

Pindaan ini bagi memperluas kuasa Ketua Pengarah Imigresen untuk merampas kapal yang lebih 75 tan, kapal terbang dan kenderaan yang digunakan bagi membawa masuk orang asing secara haram.

Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 50A(1) untuk memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal pentadbiran dan pengurusan depot Imigresen. Dengan pindaan ini depot Imigresen akan dapat ditadbir berdasarkan Akta Imigresen. Pada masa ini depot-depot ditadbir berdasarkan peraturan lock-up.

Fasal 16 bertujuan memasukkan seksyen baru 55A, 55B, 55C dan 55D iaitu berhubung kesalahan membawa masuk orang asing secara haram, menggaji pendatang tanpa izin, hak pembelaan dan pemalsuan endorsement iaitu cop-cop Imigresen dan dokumen-dokumen Imigresen yang lain.

Seksyen 50A memperkatakan kesalahan-kesalahan kerana membawa masuk orang asing secara haram sama ada menggunakan kenderaan, vesel atau pesawat udara.

Bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini hukumannya adalah seperti berikut:-

- (i) Bagi individu yang melakukan kesalahan tersebut secara persendirian, denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 dan penjara mandatori tidak kurang dua tahun tetapi tidak lebih lima tahun serta boleh disebat tidak mandatori tidak lebih enam kali.
- (ii) bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat ialah denda tidak kurang RM30,000 tetapi tidak lebih daripada RM100,000;
- (iii) penjawat jawatan seperti anggota lembaga pengarah, pengurus, setiausaha atau kedudukan yang serupa dengannya dalam badan korporat yang melakukan kesalahan itu juga dikenakan hukuman iaitu denda tidak kurang daripada RM30,000, tetapi tidak lebih daripada RM100,000 dan penjara mandatori tidak kurang 2 tahun, tetapi tidak lebih 10 tahun dan boleh disebat, tidak mandatori, tidak lebih daripada enam sebatan; dan
- (iv) bagi kesalahan membawa masuk pendatang secara bersindiket ialah denda tidak kurang daripada RM30,000 tetapi tidak lebih RM100,000 dan penjara mandatori tidak kurang 2 tahun, tetapi tidak lebih 10 tahun dan sebat mandatori tidak lebih enam kali.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55B memperkatakan kesalahan bagi menggaji orang asing tanpa memiliki pas yang sah, hukuman bagi kesalahan ialah denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 bagi setiap pekerja yang digaji atau diambil berkerja.

Bagai kesalahan menggaji lebih daripada 5 orang asing dikenakan hukuman tambahan iaitu penjara tidak kurang 6 bulan, tetapi tidak lebih daripada 5 tahun. Di dalam seksyen ini 50B(5) menetapkan apabila kesalahan menggaji pendatang tanpa izin dilakukan oleh syarikat atau badan korporat, penjawat jawatan juga dikenakan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55C memperkatakan hak pembelaan bagi penjawat jawatan dalam syarikat atau badan korporat seperti ahli lembaga pengarah, pengurus, setiausaha dan sebagainya atas alasan kesalahan berlaku tanpa pengetahuan atau telah mengambil langkah-langkah munasabah bagi menghindari berlakunya kesalahan tersebut.

Seksyen 55D memperkatakan kesalahan memalsukan atau mengubah sesuatu peng'endorse'an atau dokumen yang digunakan sebagai visa, permit, pas atau sijil. Hukuman bagi kesalahan ini ialah denda tidak kurang RM30,000 tetapi tidak lebih daripada RM100,000 dan penjara mandatori tidak kurang 5 tahun tetapi tidak lebih 10 tahun dan sebat mandatori tidak lebih 6 kali.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan yang dilakukan oleh sindiket yang memalsukan dokumen amat serius. Mereka ini yang mementingkan keuntungan bukan sahaja boleh mengancam keselamatan negara, tetapi boleh menimbulkan keraguan orang ramai terhadap endorsement dan lain-lain dokumen imigresen. Perbuatan keji ini juga ada kalanya telah dimenganiayakan orang-orang yang menggunakan endorsement atau dokumen palsu tersebut tanpa pengetahuan yang endorsement atau dokumen yang digunakan adalah palsu. Oleh yang demikian, adalah wajar mereka ini dikenakan hukuman-hukuman yang berat atas kegiatan yang terkutuk itu.

Fasal 17 bertujuan meminda subseksyen 56(1) dengan memansuhkan perkataan 'knowingly' bagi kesalahan berhubung memberi perlindungan kepada pendatang tanpa izin. Ini bagi memudahkan tindakan pendakwaan kepada mereka yang melakukan kesalahan.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 59 untuk memperuntukkan bahawa hak untuk didengar atau right to be heard, dengan izin yang tidak diberikan juga meliputi perintah yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak.

Fasal 19 bertujuan menggantikan seksyen 59A dan mengadakan peruntukan yang keputusan-keputusan yang dibuat oleh menteri atau Ketua Pengarah Imigresen dan pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak di bawah akta ini tidak membolehkan kajian semula oleh mana-mana mahkamah kecuali bagi persoalan mengenai mematuhi prosedur.

Fasal 20 memperkenalkan seksyen baru bagi membolehkan Ketua Pengarah Imigresen memberi ganjaran kepada seseorang bagi maklumat-maklumat yang tertentu yang diberikan berkaitan dengan penahanan dan pendakwaan kesalahan di bawah akta ini. Dalam hal ini imbuhan yang dicadangkan bukan untuk maklumat sebarang, tetapi adalah maklumat yang mempunyai nilai intelligent, dengan izin intelligence value sahaja mengikut yang difikirkan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah mengamalkan dasar liberal terhadap kemasukan

warganegara asing bagi tujuan pelaburan, pengajian pelancongan, business, lawatan sosial dan sebagainya. Dalam hal ini pengurusan warganegara asing perlu lebih berkesan bagi mengelak pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan daripada dasar liberal tersebut. Beberapa peruntukan dalam Akta Imigresen 1959/63 yang sedang berkuatkuasa sekarang perlu dipinda, dimansuhkan dan digantikan dengan peruntukan baru seperti yang dijelaskan tadi bagi mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam akta sekarang, khususnya dari segi untuk menangani secara berkesan masalah-masalah yang ditimbulkan bukan sahaja oleh pendatang tanpa izin, tetapi juga oleh pendatang-pendatang yang sah.

Permasalahan pendatang tanpa izin adalah merupakan isu utama berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri pada masa ini. Peruntukan yang terdapat dalam akta sekarang didapati tidak mencukupi bagi menangani kegiatan sindiket membawa masuk pendatang tanpa izin, sindiket membuat dan mengedar endorsement dalam dokumen-dokumen imigresen palsu. Pindaan ini perlu bagi memastikan masalah kehadiran warganegara asing tidak menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat.

Akhirnya, pindaan ke atas Akta Imigresen 1959/63 ini diharap dapat memberi sumbangan kepada wawasan negara untuk mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, adil dan makmur yang diidamkan oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 dibentangkan dalam Majlis ini bagi bacaan kali yang kedua dan dibahaskan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.  
10.38 mlm.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan

kerana mengetengahkan satu pakej perundangan yang begitu rigid dan ketat untuk kita menangani masalah kemasukan pendatang tanpa izin ke dalam negara kita, yang telah pun banyak membangkitkan masalah sosial dan juga masalah-masalah lain yang membabitkan ketenteraman awam dalam negara ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana rang undang-undang yang diketengahkan pada hari ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah untuk memperketatkan lagi Akta Imigresen yang lalu supaya kita dapat menangani kemasukan rakyat asing tanpa izin ke negara ini dengan begitu berkesan.

Saya mengucapkan tahniah kerana penalti-penalti yang tinggi sama ada kepada mereka yang membawa masuk ataupun mereka yang mengendalikan kapal, kepada mereka yang masuk, kepada sindiket yang membawa masuk dan kepada mereka yang memalsukan dokumen-dokumen dan sebagainya. Ini saya rasa memang amat dituntut dan amat mendesak dan juga selaras dengan senario yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya cadangkan di sini adalah harapan saya akta ini akan kita panjangkan kepada negara-negara pembekal tenaga kerja, umpamanya negara-negara jiran yang menjadi sumber tenaga kerja ke Malaysia yang besar, maka kita panjangkan akta ini kepada pihak mereka, sama ada menerusi saluran-saluran dua hala supaya mereka juga sedar dan ini juga menjadi hindrance atau menjadi halangan supaya rakyat mereka tidak terus menerus masuk ke negara kita secara haram.

Yang keduanya, di samping kita mempunyai satu undang-undang yang ketat dan rigid sebagaimana saya katakan tadi, kita juga harus memperketatkan lagi tindakan-tindakan enforcement, penguatkuasaan kita.

Sekarang ini kita berharap dengan satu pengkalan haram yang banyak, boleh dikatakan seluruh Pantai Barat Malaysia iaitu daripada Pontian hingga ke Perlis adalah menjadi pengkalan haram orang-orang yang masuk tanpa izin ini.

Kalau negeri Johor, apatah lagi hendak dikatakan. Di kawasan saya, iaitu kawasan Parit Sulong, seluruh pantai di Parit Sulong itu mempunyai beberapa pangkalan haram yang kita tidak termampu untuk mengawal oleh kerana kekurangan tenaga penguatkuasa undang-undang.

Baru-baru ini saya terdengar satu pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mengatakan bahawa pihak tentera juga akan diberikan kuasa untuk sama-sama menjalankan tugas penguatkuasaan untuk mencegah kemasukan pendatang haram. Kalau perkara ini benar, laksanakanlah dengan segera. Dan pada waktu yang sama, saya harap pihak-pihak penguatkuasaan undang-undang di peringkat kampung, seperti Rela umpamanya, mereka juga harus diberi satu tugas yang khusus untuk mencegah kehadiran pendatang haram di peringkat-peringkat kampung.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dengan adanya undang-undang yang ada, siapa yang melindungi pun boleh kena denda. Jadi, mungkin takut ada orang-orang kampung yang innocent, yang dia tidak tahu undang-undang, khususnya macam orang-orang kampung yang mempunyai asal-usul, akar umbinya dari Indonesia umpamanya. Orang itu telah lama duduk dengan dia, tetapi orang itu datang secara haram. Sekiranya tidak diberitahu mengenai kehadiran undang-undang ini, mungkin orang ini akan menjadi mangsa. Oleh itu, saya harap kerajaan menggunakan machinery penerangan supaya perjelasan akta ini hingga ke peringkat kampung supaya ini akan mewujudkan satu rasa takut dan rasa takut ini akan menjadi satu penghalang secara psikologi kepada orang-orang kampung untuk melindungi pendatang-pendatang asing haram ataupun pendatang tanpa izin ke negara kita.

Terlanjur kita memperkatakan hal ini, saya ingin bertanya sekarang ini berapa banyakkah yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan untuk menghantar pendatang-pendatang tanpa izin ini balik ke negaranya? Adakah ini merupakan satu jumlah wang yang besar? Sebab itulah maka kerajaan di sini mengenakan siapa yang membawa orang ini, mereka itulah juga yang akan diminta untuk membiayai perjalanan pulang pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pengambilan pekerja-pekerja ke dalam negara kita secara halal ini kita perluaskanlah kawasannya, jangan kita tumpukan kepada Indonesia sahaja sehingga mereka seolah-olah hendak mewujudkan koloni-koloni kecil di dalam negara. Kita ambillah orang-orang daripada Kazakhstan, Uzbekistan dan banyak negara CIS yang beragama Islam, kita bawa mereka ke sini. Kita ambil orang-orang daripada Guinea - orang Islam, bawa ke sini supaya orang ini akan datang dan dia tidak menimbulkan satu

kelompok yang besar sehingga mereka berani sewenang-wenang melanggar undang-undang dan sebagainya. Sehingga mereka berani melanggar undang-undang, sehingga mereka berani mencabar kewibawaan rakyat tempatan.

Contohnya, apa yang berlaku di Johor, pekerja daripada Bangladesh, kalau tidak silap saya. Oleh kerana jumlahnya terlalu besar, kadang-kadang orang tempatan pun takut kepada mereka. Jadi, kita ambil contoh imigrasi daripada Amerika. Umpamanya kalau kita memerlukan pekerja-pekerja untuk sesuatu kerja yang khas, kita iklankan ke luar negara. Kita iklankan ke negara-negara yang saya sebutkan tadi, jangan kita ambil sahaja yang mudah. Orang yang masuk daripada seberang negara jiran kita ini belum tahu semua betul.

Satu ketika, saya pernah membangkitkan kekhawatiran saya bahawa saluran masuk secara haram itu saya takut satu hari nanti dijadikan saluran membawa masuk senjata, jadikan satu saluran yang boleh menjejaskan keselamatan kita, yang boleh menggugat keselamatan kita. Kalau kita tidak sekat orang ini masuk, saya takut dia masuk, masuk, masuk, masuk tak berhenti. Satu hari dia masuk bawa senjata, terkapai-kapai kita orang Malaysia. Kita ada 20 juta orang dan kalau dia ada 4 juta orang dengan senjata? Ini kebimbangan saya.

Satu ketika dahulu apabila kerajaan Indonesia membuat satu gerakan membanteras gelandangan ataupun orang-orang yang di'consider' sebagai orang jahat, kononnya ramai yang menyeberang ke sini. Saya ingat waktu saya di Kementerian Dalam Negeri dahulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang meminta permit kerja tetapi selepas dia mendapat permit kerja, kita tahu dia terlibat dalam rompakan. Rupanya orang ini adalah orang yang keluar dari Indonesia bukan kerana dia hendak mencari kerja, tetapi untuk menyelamatkan diri daripada diburu oleh angkatan bersenjata oleh kerana orang-orang ini dikategorikan sebagai gelandangan. Ini saya takut. Jadi, sekatlah.

Dan pada waktu yang sama, saya bukannya menentang orang pelbagai agama, tetapi kalau boleh galakkanlah mereka yang beragama Islam masuk ke sini supaya tidak membawa satu gambaran yang salah, oleh kerana khususnya orang-orang daripada seberang Indonesia yang berkulit 'sawo matang' macam kita ini, kalau dia Batak, dia pakai songkok, tetapi dia makan babi. Jadi, kalau orang yang tidak faham dengan kedudukan orang Malaysia, orang Melayu ini Islam, dia kata orang Melayu makan babi.

Satu ketika dahulu, orang-orang Batak ini, di Jalan Jelatek, Datuk Keramat, dia telah menubuhkan satu komuniti dan membuat gereja secara haram dan ini menimbulkan kemarahan rakyat tempatan. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Dato' tadi nyatakan bahawa kita tidak mahu pendatang yang mencari rezeki di negara kita ini menimbulkan syak wasangka, prejudis rakyat tempatan dan juga kita tidak mahu mereka menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Jadi, saya harap perkara-perkara ini kita ambil kira di dalam kita mengambil pekerja-pekerja asing di negara kita di masa akan datang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap agensi-agensi pengambil pekerja ini, mungkin tidak di bawah jurisdiction secara langsung di bawah Kementerian Dalam Negeri, tetapi kita awasilah mereka. Jangan mereka juga menggalakkan pendatang-pendatang masuk tanpa izin. Sekarang ini saya dengar, apabila kita ada rang undang-undang ini, kita akan mewujudkan satu grace period, iaitu tempoh lebih kurang dua bulan untuk siapa yang masuk dapat di'legalise'kan, dapat dihalalkan kehadiran mereka yang tanpa izin itu. Jadi, sekarang ini timbul macam satu arus, there is a wave, dengan izin, dia masuk secara rampant ke dalam negara oleh kerana dia hendak mengejar grace period yang akan diberikan oleh kerajaan. Adakah benar kerajaan akan mewujudkan satu grace period selepas undang-undang ini dikuatkuasakan supaya mereka yang berada di dalam negara secara tanpa izin akan dapat dihalalkan kehadiran mereka supaya mereka berada di sini secara pekerja yang berpermit dan juga secara halal.

Seterusnya, apabila kita mengatakan masalah pekerja berpermit, sekarang ini memang banyak pekerja yang dibawa masuk secara permit, tetapi apabila mereka telah dapat permit, dia boleh pindah ikut suka hati. Kadang-kadang employer jadi di bawah mercy, dengan izin. Bermakna, katakan saya yang mengambil pekerja, saya ambilkan dia permit, selepas dapat permit dia boleh pindah bekerja dengan orang lain. Adakah imigresen akan mengikut undang-undang ini, mempunyai kuatkuasa sekiranya dia diambil kerja oleh satu orang - 'A', dia tidak boleh membatalkan perमितnya sewenang-wenang untuk bekerja dengan majikan 'B' sesuka hatinya. Kalau tidak, orang-orang ini akan menimbulkan satu masalah kepada majikan. Orang yang ambil dia masuk ke dalam negara diberi permit, tetapi dia boleh pindah ke mana sahaja dan kepada siapa sahaja. Ini juga menimbulkan kesulitan kepada para majikan di dalam negara kita.

Jadi, saya tidak mahu berbincang panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kubang Kerian.

10.49 mlm.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 untuk memperketatkan lagi undang-undang yang sedia ada, terutama sekali untuk kita menapis kemasukan orang-orang asing ke Malaysia yang begitu ramai sekarang ini dan kita bersetujulah undang-undang ini diperketatkan.

Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun yang lalu kita begitu longgar untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing yang saya telah bercakap dalam perbincangan dasar Belanjawan pada hari itu hasil daripada pembangunan yang tidak dirancang dengan sempurna, sesuai dengan kemampuan rakyat Malaysia, kita memanggil pemodal-pemodal asing untuk membuka kilang-kilang industri mereka di sini tanpa melihat kemampuan rakyat. Akhirnya, kita terpaksa import pekerja-pekerja asing dan yang datang secara halal dan tidak halal begitu banyak dalam negara kita sekarang, akhirnya membawa masalah yang begitu teruk kepada negara kita sekarang.

Bilion ringgit satu tahun dihantar keluar ke negara mereka dan di antara punca defisit berlaku dalam kewangan negara kita sekarang ini kerana begitu banyak wang dikeluarkan dari Malaysia untuk dihantar ke negara-negara mereka.

Begitulah juga kita begitu berlumba untuk menyiapkan semua projek menjelang Sukan Komanwel, sama ada LRT, KLIA, KLCC, semuanya kita hendak siap sebelum Sukan Komanwel, maka pekerja tempatan tidak cukup, terpaksa diimport pekerja luar. KLIA sendiri kita lihat hendak dicepatkan sehingga kontraktor tempatan tidak mampu membuat kerja-kerja dengan begitu cepat, terpaksa sub kepada kontraktor-kontraktor asing, dan sungutan ini disuarakan sendiri oleh Perdana Menteri, kerana dalam hendak mempercepatkan segala-galanya menjelang tahun 1998, maka buruh asing masuk begitu banyak dalam negara kita, kemudian pula kerajaan begitu mudah memberi lesen-lesen untuk mereka mengimport buruh-buruh asing sehingga ia menjadi suatu punca mata pencarian kepada syarikat yang dianugerah untuk membawa buruh asing dengan mudah menjadi jutawan sekelip mata.

Kita mestilah belajar untuk bangun dengan keupayaan rakyat kita sendiri. Korea sudah

diisytihar sebagai negara develop country. Korea tidak bergantung banyak kepada pekerja asing. Selepas Perang Dunia Kedua, bersama dengan Jepun, mereka membangun mengikut keupayaan mereka. Mereka cuba mengimport teknologi daripada luar dan menghantar pelajar-pelajar mereka ke luar negeri, tumpu dalam bidang pendidikan. Akhirnya, Korea sekarang sudah menjadi develop country, negara maju bersama dengan Jepun, dan negara yang dekat dengan kita adalah Singapura. Korea boleh dikatakan bergantung kepada pekerja tempatan sehingga pekerja mereka dieksport keluar negeri sekarang untuk membuat seperti Jambatan Pulau Pinang dan juga bangunan KLCC kita yang megah tersergam di Kuala Lumpur. Di antaranya adalah bergantung kepada kemahiran pekerja-pekerja Korea yang mereka membangun di atas semangat motivasi yang diberi oleh kerajaan mereka kepada rakyat mereka.

Negara yang bergantung kepada pekerja asing akhirnya mengambil keputusan menghalau pekerja itu. Baru-baru ini United Arab Emirate (UAE) mengeluarkan lebih setengah juta pekerja asing dari negara mereka. Begitulah juga tiga tahun yang lalu Saudi Arabia mengeluarkan hampir satu juta pekerja asing, kerana mereka dapati pemindahan teknologi tidak berlaku banyak kepada negara mereka, tetapi yang berlaku kepada negara mereka ialah tinggalnya penyakit sosial yang dahsyat. Kita mesti melihat di sudut membangun negara, keupayaan rakyat tempatan itu diutamakan, dan kita mesti membangun mengukur kemampuan yang ada pada rakyat kita sendiri.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Dalam Negeri mengumumkan satu lagi perkara yang merisaukan, iaitu hendak membawa pula gorkha-gorkha daripada Hong Kong untuk dibawa masuk ke Malaysia untuk menjadi guard, jaga. Gorkha yang telah meninggalkan Malaysia sebelum dan selepas merdeka hendak dibawa masuk semula. Memang gorkha ini terkenal dengan taat setia kepada majikan dan mereka dibawa ke Hong Kong untuk berkhidmat di sana. Bila Hong Kong hendak diambil alih oleh China tahun depan, 1997, kita pula hendak bawa gorkha itu ke sini. Maka bertambahlah lagi pendatang asing nanti. Indonesia sudah pun juta, Bangladesh, gorkha pula berada di sini. Cukuplah seorang gorkha dalam parti UMNO sekarang. Janganlah kita bawa banyak lagi ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri perlulah kita beri penjelasan dalam Parlimen ini sebab kita tidak mahu membawa lagi satu masalah. Satu hari gorkha ini pula membuat masalah di Malaysia, maka kita hendak hantar balik pula mereka. Kita harap sungguh-sungguhlah jangan

diimport tambahan perkara-perkara yang telah membawa masalah yang besar kepada negara kita sekarang. Hasil daripada pertumbuhan industri yang pesat dan kita import pekerja-pekerja asing, akhirnya ia menjejaskan pekerja-pekerja tempatan.

Sekarang kilang-kilang ataupun mereka yang terlibat dalam IKS menghadapi masalah buruh kerana perkembangan industri besar di bandar-bandar, maka di luar bandar pun pindah ke bandar, perancangan yang tidak tersusun, yang tidak terancang, berlaku pula sekarang ini IKS terjejas. Mereka hendak dapat pekerja tempatan tidak ada. Mereka hendak pekerja luar, kena bayar itu kena bayar ini kepada pihak Imigresen, kepada pihak kementerian. Maka terjejaslah pekerja-pekerja IKS sekarang ini. Misalnya, di negeri Kelantan kami menghadapi masalah. Sekarang ini mereka yang terlibat dalam perusahaan batik, pelukis batik walaupun dibayar satu hari RM70-RM80, kurang mereka untuk pekerja sekarang ini, kerana influx ataupun kebangkitan industri yang tidak tersusun, akhirnya membawa kekurangan pekerja di kampung sepatutnya berlaku pertumbuhan IKS ini dan juga di bandar-bandar pula meninggalkan masalah sosial yang dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa kuasa pengarah begitu kuat sekarang ini. Kuasa pegawai-pegawai dipertingkatkan. Kita bersetuju dan kita harap pihak berkuasa ini mesti menjalankan tugas dengan betul-betul berkuasa dan menjalankan tugas dengan amanah sebab imej Imigresen ini agak teruk di pandangan mata rakyat. Banyak pasport palsu yang dijumpai boleh dibuat. Di Brickfield boleh dibuat, dan di mana-mana sahaja. Pegawai-pegawai Imigresen banyak duduk dalam kem Kamunting. Masa saya duduk dalam dahulu pun ramai juga pegawai Imigresen, dan sambil-sambil bersembang mereka ceritalah bagaimana mereka buat pasport palsu, dan mereka dikenakan ISA.

Saya harap selepas undang-undang ini begitu kemas, pegawai-pegawai Imigresen ini tidak lagi ditahan di bawah ISA. Sebaliknya didakwa di mahkamah. Di Malaysia sudah jadi satu trend. Kadang-kadang orang yang melakukan banyak rasuah dan kesalahan, bila pencen tidak diapa-apakan lagi. Kadangkala dipencenkan lebih awal. Kalau kita lihat di lain negara, masa mereka berkuasa kadangkala payah hendak ambil tindakan, tetapi diambil tindakan semasa pencen. Contohnya, Perdana Menteri India, diambil tindakan. Barangkali semasa dia menjadi Perdana Menteri susah hendak ambil tindakan, tetapi ambil tindakan semasa dia pencen.

Begitu juga Ketua Menteri Tamil Nadu, Jaya Lolita, bekas bintang filem. Sekarang berada di dalam lokap, kerana didapati emas berkilogram berada di rumahnya dan membuat kenduri untuk anak lelakinya boleh panggil lebih daripada 100,000 orang untuk makan di rumah dia. Barangkali semasa dia jadi ketua menteri ada segan silu untuk bertindak. Tetapi selepas pencen, selepas tidak lagi menjadi ketua menteri, maka pihak polis dan pihak badan pencegah rasuah siasat dan dakwa.

Begitu juga Korea. Dua bekas presiden didakwa selepas tidak lagi menjadi presiden. Kita di sini sudah jadi satu trend, iaitu kalau terlibat pelbagai masalah, dipencenkan, atau selepas orang itu berhenti, tidak lagi diambil tindakan. Bahkan orang yang bermasalah, misalnya dahulu pernah hendak dihantar ke PBB, Dato' Harun, kalau dia mahu berkompromi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, trend itu perlu dihentikan. Kalau kita lihat ada pegawai Imigresen yang luar biasa kekayaannya, walaupun dia telah pencen, kerajaan hendaklah bertindak terhadap yang luar biasa kekayaan. Sebab kalau kekayaan biasa, pendapatannya, dengan gajinya, dengan sahamnya kita boleh tahu, kita boleh siasat. Tetapi kalau kekayaan yang luar biasa, walaupun dia sudah pencen, kerajaan mesti bertindak, mesti menyiasat terus dan tindakan dikenakan kalau orang itu didapati salah semasa menjalankan tugas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan 11.00 malam. Saya ingat masa pulang. Boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 11.00 malam.*